

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 11

Rabu

16 Ogos 2017

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 30)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang

Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2017

(Halaman 31)

Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2017

(Halaman 72)

Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017

(Halaman 81)

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017

(Halaman 102)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 16 Ogos 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sehati sejiwa, salam Negara ku. Ahli Yang Berhormat, pagi ini hari Rabu, 16 Ogos 2017, saya berhadapan kumpulan Ahli Dewan Negara bertaraf Jeneral. Nampak muka masing-masing ceria dan bertenaga. Pagi ini kita ada pertanyaan. Saya hendak mulakan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani. Dipersilakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, prestasi pengeluaran *Proton* dan pemasaran dalam negeri dan eksport, dan apakah impak kerjasama Proton-Geely Automobile Holdings Ltd. terhadap kesan ekonomi negara dan jaminan pekerjaan terhadap pekerja-pekerja di syarikat tersebut bagi menjamin masa depan negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, sejak ditubuhkan pada tahun 1983 sehingga kini, *Proton* telah berjaya mengeluarkan serta memasarkan lebih 4.2 juta unit kereta. Daripada jumlah ini, hampir 10 peratus telah dieksport ke pasaran antarabangsa manakala selebihnya dipasarkan di pasaran domestik. Antara negara pengimport utama kereta Proton sejak 1983 adalah Chile, Indonesia, Brunei, Australia, Bangladesh, Qatar dan *Egypt*.

Bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini, jualan dalam negeri kereta *Proton* adalah sebanyak 45,347 unit manakala 157 unit dieksport. Bagi tahun 2016, jumlah jualan keseluruhan yang dicatatkan pada tahun yang sama berjumlah 72,621 unit. Daripada jumlah tersebut, *Proton* telah memasarkan 72,291 unit atau 99.4 peratus bagi pasaran dalam negeri sementara 330 unit lagi telah dieksport ke pasaran antarabangsa. Penjualan tahun 2016 mencatatkan penurunan sebanyak 29 peratus berbanding tahun sebelumnya. Dalam carta penjualan kenderaan, *Proton* menduduki tempat ketiga selepas *Perodua* dan *Honda* pada tahun yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut DRB Hicom, syarikat *Geely* telah dipilih berdasarkan kepada tawaran yang diberikan adalah paling menguntungkan *Proton* termasuk daripada segi kesesuaian strategi, operasi dan kewangan serta budaya kerja. Antara impak utama hasil daripada perkongsian strategik kepada ekonomi Malaysia serta *Proton* khususnya termasuk:

- (i) perkongsian model dan platform, dengan izin, *shared platform* daripada *Geely*. Kedua-dua pihak akan berkongsi sumber untuk membangunkan produk baharu. Ini merangkumi elemen teknologi serta aktiviti R&D termasuk dari segi proses pembuatan produk itu sendiri. Platform pertama yang dikongsi oleh *Geely* akan menjadi model SUV pertama *Proton*;
- (ii) membantu *Proton* menjalankan operasi domestik yang lebih besar, yang membawa kepada skala ekonomi, *economy of scale* yang lebih berdaya maju;
- (iii) berpeluang untuk memperluaskan pasaran dengan menembusi pasaran yang sedia ada *Geely* di China, rantau ASEAN, Timur Tengah dan Afrika Utara bagi membolehkan *Proton* meningkatkan jualan kepada 500,000 unit setahun;
- (iv) menjadikan *Proton* sebagai hab pembuatan model-model *Geely* bagi pemanduan sebelah kanan, *right hand drive*;
- (v) pusat R&D *Proton* akan diiktiraf sebagai salah satu pusat kecemerlangan global oleh *Geely*. Pekerja dan jurutera *Proton* berpeluang untuk meningkatkan pembangunan modal insan melalui program pertukaran bakat melibatkan pusat reka bentuk dan R&D kumpulan *Geely* di California, Shanghai, Barcelona dan Gothenburg; dan
- (vi) memberikan kerjasama dalam pemindahan operasi perkilangan ke Tanjung Malim dalam tempoh lima tahun. *Proton* Tanjung Malim juga berpotensi untuk melaksanakan pemasangan kereta-kereta *Volvo* dan model-model kumpulan *Geely* yang lain.

Secara amnya, kerjasama strategik ini akan memberikan impak yang positif kepada industri automotif negara selain daripada membuktikan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia. Manfaat perkongsian strategik ini tidak akan terhad kepada *Proton* sahaja malah kepada semua yang terlibat dalam ekosistem industri automotif. Ianya merangkumi perancangan untuk menambah bilangan pekerja *Proton* kepada 20,000 orang dalam tempoh 10 tahun.

Di samping itu, pekerja-pekerja *Proton* akan berpeluang untuk menyertai program pembangunan modal insan yang melibatkan pusat-pusat reka bentuk, penyelidikan dan pembangunan dan kilang kumpulan *Geely* yang berpangkalan di Shanghai, China; Gothenburg, Sweden; Coventry, England; Barcelona, Sepanyol; dan Los Angeles, USA.

Perkongsian strategik ini juga membawa manfaat kepada para pembekal, vendor dan wakil pengedar tempatan *Proton*, antaranya:

- (i) berpeluang untuk membekalkan komponen berkualiti tinggi dengan kos berdaya saing menerusi sistem pembelian global *Geely*;

■1010

- (ii) meluaskan perniagaan kepada pasaran antarabangsa dan dapat bersaing untuk membekalkan komponen untuk operasi *Volvo* dan *Geely* di seluruh dunia; dan

- (iii) mempelajari amalan operasi terbaik untuk peningkatan kualiti bagi memenuhi piawaian global *Volvo* dan *Geely* dan akhirnya juga meningkatkan keupayaan menerusi kerjasama teknikal dan komersial bersama *Geely*, *Volvo* dan vendor-vendor antarabangsa yang lain. Namun begitu untuk mendapatkan manfaat-manfaat ini, vendor tempatan masih perlu memenuhi standard yang ketat termasuk dari segi kos, kualiti dan *delivery* bagi memastikan *Proton* terus kekal berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang panjang lebar dan agak baik saya kira.

Soalan tambahan saya, mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan kemajuan teknologi kereta *Proton* dan sejauh mana pencapaian dan standard teknologi kereta *Proton* dalam bersaing dengan jenama kereta-kereta yang lebih popular. Selain itu, sejauh mana keupayaan unit *R&D Proton* untuk memajukan kualiti kereta *Proton*? Adakah *Proton* mengambil dan menggunakan tenaga mahir warga asing untuk memajukan R&D pengeluaran kereta oleh *Proton*? Sekian, terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Untuk membina atau mengeluarkan satu model kereta yang baru, kosnya adalah tinggi yang mana kita melihat di trend antarabangsa terdapat syarikat-syarikat antarabangsa yang juga menggunakan *shared platform* untuk mengurangkan kos pengeluaran tersebut.

Untuk satu pengeluaran *shared platform* dia memerlukan perbelanjaan sekurang-kurangnya minimum RM300 juta. Kalau baru RM1 bilion. Maka untuk syarikat *Proton* di mana dalam pasaran negara kita, di mana penjualannya tidak berjuta-juta, tetapi beratus ribu sahaja, dia tidak mempunyai *economy of scale*. Maka adalah penting, sebagai contoh dalam segi pengeluaran SUV, di mana *Proton* sehingga sekarang tidak mempunyai platform tersebut. Maka kerjasama dengan *Geely* sebagai satu contoh ini merupakan satu peluang untuk juga memperluaskan dari segi produk-produk yang boleh dikeluarkan oleh *Proton* dan nombor dua mengurangkan kos pengeluaran.

Dari segi teknologi yang digunakan oleh *Proton*, tidak kira sama ada *Honda*, *Perodua* atau *Volvo*, sekarang dalam dunia ini dari segi pengeluaran kereta mereka hanya melihat dari segi tenaga yang mahir dan tidak mengira sama ada seseorang itu adalah tempatan atau warga dari negara yang luar. Maka penting adalah kita mengeluarkan barangan atau produk yang berkualiti, yang boleh diterima pasaran domestik dan juga pasaran luar negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan sila kalau ada soalan lagi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap soal kereta *Proton* ini, saya ada minat sikitlah. Cuma saya hendak tanya MITI, saya tengok *Proton* ini kalau hendak kira dengan *Perodua* ini, *Proton* lebih dulu daripada *Perodua*, tetapi sekarang ini nampak *Perodua* lebih *lead*, *Proton* duduk nombor tiga, *Honda* nombor satu, okey.

Saya tengok model-model yang dikeluarkan oleh *Proton* ini, *Proton* tidak *alert* apa yang diminati oleh masyarakat. *You* tengoklah dulu, baru ini apabila *Myvi* dikeluarkan oleh *Perodua*, *Proton*

pun hendak keluar *Iriz*. Hendak *challenge Myvi*. Akan tetapi akhirnya tertinggal juga. Tidak laku, IRIZ tidak laku. *Perodua* juga menjadi *demand* yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia. MITI kena tengok *Proton* ini kalau hendak maju, hendak dapat *demand* yang tinggi daripada domestik punya *demand*, tolong *alert* apa yang diminati oleh pengguna di Malaysia.

Kedua, saya hendak tanya, saya ucap terima kasih kepada kerajaan kerana membuat kerjasama *comprehensive* dengan *Geely*, bagus. *Geely* ini besar, dan *Proton-Geely* yang baru ini memang menjadi idaman rakyat Malaysia. Bilakah ia akan dilancarkan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih di atas soalan tambahan yang diberikan. Memang kita melihat kenapa dari segi pengeluaran, terdapat pertanyaan kenapa kereta *Proton* tidak mempunyai pembaharuan atau model yang menarik pelanggan. Sebenarnya dulu, saya pun pernah menggunakan kereta *Wira*, tetapi yang kita melihat- tadi saya pun telah memberi tahu sedikit sebanyak untuk mengeluarkan satu platform atau kereta yang baru ia memerlukan kos yang tinggi yang mana jikalau tiada *economy of scale*, maka ia tidak menguntungkan syarikat tersebut.

Akan tetapi untuk *Perodua*, ia sebenarnya bukan seratus peratus dimiliki oleh orang tempatan atau *Perodua* atau syarikat tempatan. Ia adalah kerjasama berpanjangan dengan, kalau saya tidak salah dengan *Daihatsu*. Maka dia mempunyai, boleh dikatakan perkongsian teknologi yang selama ini menguntungkan juga *Perodua* dari segi pengeluaran model-model baru. Maka dengan di mana Proton bekerjasama dengan *Geely*, saya yakin produk-produk yang akan datang tentu menarik apabila kita melihat SUV yang dikeluarkan iaitu *Boyue* mendapat sambutan yang baik. Baru-baru ini apabila kita mendapat respons khususnya daripada orang ramai dan juga Ahli Parlimen, mereka juga melihat, SUV yang dikeluarkan oleh *Geely* ini memang menarik dan jikalau terdapat SUV seperti ini di pasaran Malaysia tentu akan memberi rangsangan dan juga minat khususnya kepada orang ramai dan tempatan mengenai *brand Proton* ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Chua, dan saya hendak pergi ke soalan nombor 2. Minta Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng.

2. Tuan Chia Song Cheng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sebab-sebab kadar permohonan *E-Card* dalam kalangan buruh asing masih rendah dan adakah sasaran Kementerian menyeluruh termasuk kepada golongan majikan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Masir Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan mulia ini, program *E-Card* sementara pekerja asing, merupakan inisiatif kerajaan untuk memberi peluang kepada pendatang tanpa izin atau PATI tanpa dokumen perjalanan yang sah dan bekerja secara haram di Malaysia, diberikan Kad Kebenaran Pekerja Sementara bagi memenuhi sektor formal yang dibenarkan. Program ini turut dirangka bagi memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan tenaga kerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja serta membolehkan kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam negara bagi tujuan pemantauan serta memenuhi keperluan senario keselamatan semasa.

Dalam program *E-Card* sementara pekerja asing ini, majikan dan PATI yang telah didaftarkan seterusnya perlu mendapatkan dokumen perjalanan atau *passport* daripada pihak kedutaan negara PATI berkenaan bagi membolehkan PATI tersebut diputihkan melalui program ini. Antara syarat-syarat utama bagi permohonan *E-Card* sementara pekerja asing adalah seperti berikut:

- (i) harus mempunyai majikan;
- (ii) PATI harus bebas daripada sebarang rekod jenayah;
- (iii) PATI diwajibkan lulus pemeriksaan kesihatan; dan
- (iv) PATI tidak di senarai dalam senarai syak.

Manakala syarat-syarat kelayakan pihak majikan pula adalah seperti berikut:

- (i) syarat majikan di bawah program *hiring* dikekalkan;
- (ii) tersenarai di bawah sektor dan subsektor yang dibenarkan sahaja;
- (iii) tidak tersenarai dalam senarai majikan yang digantung urus niaga oleh *one-stop centre* atau OSC Kementerian Dalam Negeri;
- (iv) tidak tersenarai dalam senarai hitam atau senarai syak; dan
- (v) perlu mematuhi syarat pengambilan pekerja asing yang ditetapkan oleh OSC KDN dan PATI yang telah didaftar dengan program *e-hiring* tidak dibenarkan bertukar majikan.

Bermula pada 1 Julai 2017, JIM telah melancarkan operasi penguatkuasaan secara besar-besaran atau dikenali sebagai Ops Mega bagi memburu pihak majikan dan juga PATI yang degil dan ingkar untuk mematuhi undang-undang dan peraturan di negara ini. Operasi penguatkuasaan ini dijalankan secara berterusan tanpa henti dan pihak majikan serta PATI yang ditangkap dalam operasi akan dikenakan tindakan yang tegas. Melalui pelaksanaan Ops Mega 1 Julai 2017 sehingga 15 Ogos 2017 bulan ini, sehingga jam 12.00 tengah hari 15 Ogos 2017 sebanyak 2,348 buah premis dan 31,249 orang telah diperiksa.

■1020

Seramai 8,235 orang PATI, di mana 6,196 orang PATI lelaki; 1,911 orang PATI wanita; dan 128 orang PATI kanak-kanak telah ditahan atas pelbagai kesalahan di Imigresen seperti tiada dokumen pengenalan diri, tinggal lebih masa, salah guna pas dan seramai juga 200 orang majikan telah ditahan atas kesalahan menggaji dan melindungi PATI. Majikan turut mempunyai pilihan untuk mengambil pekerja asing daripada negara sumber selain daripada Bangladesh seperti Indonesia, Nepal, Myanmar dan lain-lain. Pengambilan-pengambilan pekerja asing juga telah diperkemas melalui penggunaan sistem atas talian untuk memudahkan proses permohonan oleh majikan dan mengelakkan penglibatan orang tengah atau pihak ketiga serta langkah-langkah membendung kes-kes pemerdagangan orang berlaku.

Bagi memastikan aspek keselamatan negara sentiasa dipantau, penyemakan identiti warga asing di pintu masuk negara dibuat melalui Sistem Pangkalan Data ataupun Biometrik Warga Asing dan juga Sistem Sekuriti Nasional (NERS) yang berupaya meningkatkan keberkesanan kawalan dan penguatkuasaan warga asing dengan membuat proses pengecaman terhadap data biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak. Di samping itu, NERS juga dapat mengenal pasti ketulenan

identiti-identiti individu berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang terkandung dalam pangkalan data NERS. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Tuan Chia Song Cheng: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang memang baik telah diberikan. Saya ada soalan tambahan iaitu saya meminta Yang Berhormat Menteri menyatakan adakah kementerian akan mempertimbangkan mewajibkan semua syarikat melaporkan *demographic* pekerja? Iaitu pekerja tempatan dan pekerja asing bagi tujuan pemantauan. Sekian, terima kasih.

Dato' Masir Kujat: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang asal kita adalah untuk memberi peluang kepada semua, terutama sekali kalau kita ikut maklumat yang saya terima, memang kita mengenakan seperti nisbah pekerja asing dengan pekerja tempatan untuk bekerja di majikan yang termasuk dalam sektor-sektor yang melibatkan pekerja daripada tenaga asing. Tidak pasti nisbah ini akan diguna pakai sekiranya ada permintaan dari majikan dalam sektor-sektor yang telah dipertimbangkan oleh kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada yang lain? Ada yang lain mahu bertanya? Kalau tiada, saya mahu pergi ke soalan nombor tiga. Minta Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

3. Puan Bathmavathi Krishnan minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, sama ada tempat perhentian sementara bas persiaran berhadapan Dataran Merdeka boleh diuruskan dengan baik supaya tempat itu selamat untuk penumpang. Tempat tersebut sering sesak dengan bas-bas persiaran yang tidak menghiraukan keselamatan penumpang yang menunggu di sana termasuk penumpang warga emas dan OKU.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menetapkan bahawa bas-bas persiaran tidak dibenarkan berhenti menunggu di Jalan Raja berhadapan Dataran Merdeka. Sebaliknya, kebenaran hanya diberikan untuk menurunkan dan menaikkan penumpang atau pelancong sahaja. Perkara ini sering dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat antara biro pelancongan Kuala Lumpur, DBKL dengan syarikat pengusaha bas persiaran serta pemandu pelancong bagi mengatasi masalah halangan lalu lintas, termasuk halangan kepada pelancong untuk mengambil gambar Bangunan Sultan Abdul Samad.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini didapati masih ramai pemandu bas persiaran didapati masih tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. Bagi mengatasi masalah halangan mengambil gambar, DBKL telah menyediakan sebahagian ruang bahagian tepi jalan untuk dikosongkan. Manakala, untuk halangan lalu lintas, DBKL telah mengarahkan bas-bas persiaran menunggu di tempat letak kereta Padang Merbok atau bergerak satu pusingan dengan kadar masa 15 minit untuk kembali mengambil penumpang. Manakala, bagi aspek keselamatan, penumpang pula perlu menunggu di laluan pejalan kaki yang lebar atau di kawasan yang telah ditetapkan untuk dikosongkan kepada kenderaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Soalan tambahan, apakah kemudahan dapat disediakan dalam bas-bas GoKL bagi penumpang-penumpang yang OKU dan juga warga emas. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Tuan Yang di-Pertua, GoKL bukan di bawah kawal selia Kementerian Wilayah Persekutuan. Oleh yang demikian, saya tidak ada jawapan untuk itu tetapi bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dalam setiap perancangan pembangunan bangunan bandar, kita sentiasa prihatin terhadap orang-orang yang memerlukan bantuan khas dan kita sediakan macam petak OKU, laluan OKU dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi soalan? Kalau tiada, saya pindah ke soalan nombor 4. Yang Berhormat Tuan Isa bin Ab. Hamid, dipersilakan.

4. Dato' Isa bin Ab. Hamid minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, tindakan yang telah diambil oleh JAKOA kepada Tok Batin dan Pengerusi JKKK Kampung Orang Asli yang ditamatkan atau dilucutkan jawatan dan sebab pelucutan.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Tanam pinang rapat-rapat,
Soalan saya nombor empat... [Ketawa]*

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya belum bersedia untuk membalas pantun. Saya akan menjawab soalan nombor empat [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, berpandukan kepada seksyen 4, dan seksyen 16, Akta Undang-undang Malaysia, Akta 134, Orang Asli 1954 (Pindaan) 1997 mengatakan perihal tentang bidang kuasa Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di dalam hal ehwal pentadbiran masyarakat Orang Asli, termasuk lah bagi urusan pelantikan dan penamatan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Tok Batin, Penghulu Masyarakat Orang Asli. JAKOA telah mengambil tindakan kepada beberapa orang Tok Batin dan JKKK Orang Asli yang telah ditamatkan atau dilucutkan perkhidmatan dengan menghantar notis atau surat makluman penamatan pelucutan kepada yang berkaitan dan digantikan dengan pelantikan baru sama ada melalui secara lantikan warisan turun temurun, lantikan pengundian atau lantikan Menteri. Antara sebab berlakunya penamatan dan pelucutan tersebut ialah:

- (a) terlibat dalam kegiatan jenayah dan disabitkan kesalahan oleh mahkamah;
- (b) tidak sihat atau hilang upaya untuk menjalankan tugas dan disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan;
- (c) melakukan kegiatan atau aktiviti yang tidak bermoral;
- (d) tidak tinggal bersama kumpulan masyarakat kampung dalam jangka masa melebihi tiga bulan tanpa alasan yang munasabah;

- (e) kepimpinannya ditolak secara bertulis oleh majoriti penduduk kampung di bawah jagaannya;
- (f) tidak patuh kepada arahan-arahan rasmi oleh JAKOA dan Kerajaan Persekutuan;
- (g) terlibat dalam kegiatan atau aktiviti yang mengancam keselamatan negara;
- (h) dilucutkan Kewarganegaraan Malaysia; dan
- (i) diisytiharkan muflis oleh mahkamah.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Ada soalan tambahan?

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Menteri yang lengkap. Soalan tambahan saya yang pertama, apakah usaha kementerian dalam memperkasakan kepimpinan institusi Tok Batin dan JKKK Orang Asli dalam menangani cabaran media sosial hari ini?

■1030

Yang kedua, apakah modul ataupun input pengisian kursus bagi Tok Batin yang sering diadakan di INFRA? Sekian, Terima kasih

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah mengadakan beberapa program dan aktiviti bagi memperkasakan institusi Tok Batin dan Jawatankuasa Kerja dan Keselamatan Kampung (JKKK) Orang Asli. Antaranya ialah Simposium Profesionalisme Tok Batin dan JKKK Orang Asli peringkat kebangsaan sekali setahun oleh JAKOA dengan melibatkan beberapa jabatan ataupun agensi kerajaan yang lain bagi proses memantapkan kompetensi dan pengurusan pentadbiran, pengurusan komuniti masyarakat Orang Asli, pengurusan kampung serta penerangan secara langsung berkaitan dasar dan agenda arus pembangunan negara.

Selain itu, mengadakan program Bengkel Tok Batin dan juga JKKK Orang Asli secara berfasa di peringkat negeri melalui JAKOA negeri bagi mendapatkan kesefahaman dan isu bagi institusi kepimpinan dan komuniti masyarakat Orang Asli di bawah seliaan Tok Batin dan JKKK Orang Asli. Juga, mengadakan Bengkel Informasi Strategik bersama Jabatan Penerangan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara dan agensi atau jabatan berkaitan berkenaan dengan penggunaan teknologi terkini termasuklah media sosial.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, antara input pengisian di dalam Kursus atau Seminar Tok Batin dan JKKK Orang Asli yang diadakan oleh *Institute For Rural Advancement* (INFRA) bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) iaitu agensi dan jabatan di KKLW ialah:-

- (i) kursus pengurusan pentadbiran kepimpinan;
- (ii) kursus pengurusan pembangunan komuniti dan kampung;
- (iii) slot penerangan pengurusan kebajikan komuniti;
- (iv) slot penerangan dasar dan isu negara dan kementerian;
- (v) slot penerangan keselamatan negara; dan

- (vi) beberapa slot yang melibatkan isu dan kepentingan Orang Asli seperti Akta Perhutanan Negara dan lain-lain lagi.

Itu antaranya, Tuan Yang di-Pertua. Sekian Terima kasih.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah dua hari yang lepas, terdapat satu peristiwa iaitu penangkapan 11 Orang Asli di Sungai Siput. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan keadaan sebenar peristiwa itu, selain daripada berita yang kita dapat maklumat daripada akhbar? Kedua, apakah langkah-langkah ataupun perkara-perkara yang boleh pihak kementerian membantu Orang Asli yang ditangkap ini? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini adalah isu yang agak spesifik, jadi saya tiada maklumat yang bagi saya- mungkin tidak dapat berkongsi untuk penjelasan yang lebih tepat. Kalau boleh saya diizinkan untuk memberi penjelasan secara bertulis, bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi soalan? Baik. Saya dengar tadi sedap pantun dua kerat yang dibuat oleh Yang Berhormat Isa bin Hamid tadi. Dia kata...

*Tanam pisang rapat-rapat,
Soalan dia nombor empat.*

*Kalau tuan agak terlambat,
Orang lain akan sebat.*

Ingat itu. Jangan lambat. Jadi kalau tuan agak terlambat, orang lain akan sebat. Baik, terima kasih.

5. Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah tindakan kementerian berhubung persaingan di antara syarikat penerbangan Malaysia yang mempunyai jadual waktu penerbangan yang hampir sama. Contohnya, penerbangan FireFly pada jam 11 pagi dan Malindo Air pada jam 11.05 pagi. Perkara ini dilihat mengetepikan kebajikan penumpang dalam membuat pilihan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ataupun *Malaysian Aviation Commission* (MAVCOM) pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam.

Berdasarkan kepada seksyen 17 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771], salah satu fungsi MAVCOM adalah untuk menggalakkan persaingan yang berkesan dalam industri penerbangan awam dengan menggalakkan suatu persekitaran ekonomi yang membolehkan syarikat penerbangan Malaysia mengekalkan keupayaan mereka untuk bersaing dengan berkesan dalam pasaran penerbangan awam melalui cara yang menguntungkan, cekap, adil yang mampan.

Dalam hubungan ini, MAVCOM sentiasa mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan dengan persaingan di kalangan syarikat-syarikat penerbangan dan melarang sebarang tindakan atau sebarang bentuk persaingan tidak adil ataupun *unfair competition* yang disifatkan mempunyai matlamat untuk menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran perkhidmatan penerbangan.

Namun demikian, dalam situasi ini, MAVCOM tidak menetapkan sebarang peraturan terhadap jadual waktu penerbangan syarikat-syarikat penerbangan, memandangkan ia merupakan keputusan komersial setiap syarikat penerbangan. Situasi ini tidak dilihat sebagai mengetepikan kebajikan penumpang dalam membuat pilihan, sebaliknya penumpang mempunyai lebih ruang untuk membuat pilihan berdasarkan kehendak dan kesesuaian perancangan perjalanan mereka. Terima kasih.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan itu agak tepat tetapi tidak meyakinkan.

Betul, MAVCOM itu hendak lahirkan persaingan yang sihat tetapi saya minta MOT kena pantau- dan MAVCOM bawah MOT- perkara ini, sebab ia biasa. Kita ulang-alik Kota Bharu hari-hari, pagi petang tiap minggu. Sebab, saya tengok kalau Malindo pukul 3, FireFly pukul 3.05. Kalau FireFly pukul 11, Malindo 11.05. Tidak ada pilihan. Kalau bolehlah, MOT cuba tengok kalaulah Malindo pukul 11, FireFly 11.30. Maknanya kita ada pilihan, hendak lewat sikit selesaikan kerja. Ini tiada pilihan. Malindo pukul 11, FireFly pukul 11.05. Malindo pukul 3, FireFly pukul 3.05. Tiada pilihan.

Jadi saya minta MOT tengok supaya kebajikan penumpang itu dijaga dan kita pun tidak terbeban oleh masa sebab kapal terbang ini bukannya macam bas. Dekat Kota Bharu ini, FireFly, Malindo, AirAsia dan MAS. Empat itu sahaja.

■1040

Kedua, saya hendak MOT juga pantau. Saya tengok AirAsia ini, dia pandai. Dia lewat ini, dia tidak bagi lewat dua jam. Kalau pukul 11, 11.20. 20 minit lewat. 11.20, 11.45 lewat. 11.45, pukul 12. Jadi dia alih-alih itu tidak banyak sebab kalau bagi dua jam, memang dia kena bagi bayaran makan minum. Jadi kena tengok benda ini.

Kemudian, yang ketiga. Ini sebab dulu saya takut naik kapal terbang, sekarang dah berani naik kapal terbang ini. Dia pandai berniaga. Ini MOT kena tengok. Kalau jadual penerbangan pukul 9.00 pagi, pukul 9 pagi penumpang tidak cukup, dia pindah kepada pukul 1. Orang Kelantan panggil dia, 'kesok'. Dia *move* itu daripada pukul 9 hingga pukul 1.

Kalau kita ada *meeting* pukul 11, makna *out* lah. Tidak boleh buat apa. Tidak boleh kata, "Oh, you kenapa tidak terbang pukul 9 pagi ini, terbang pukul 1?". Jadi, aniaya. Yang ini MOT kena tengok walaupun dia itu swasta kah, apa kah, tetapi apa pun, dia di bawah MOT. Jadi, tidak apalah MAVCOM kah, apa kah. Janji benda ini, biar sihat kepada penumpang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan Yang Berhormat Senator mengenai jadual penerbangan antara FireFly, Malindo, saya akan rundingkanlah perkara ini dengan syarikat-syarikat penerbangan ini agar pandangan Yang Berhormat Senator Abdullah ini dapat

diambil kira. Begitu juga mengenai AirAsia, juga saya akan rundingkan dengan pihak berkaitan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Khairul Azwan Harun: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Sila.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri soalan. Soalannya, berapakah peningkatan penumpang yang menggunakan KLIA1 berbanding KLIA2? Apakah rancangan masa hadapan KLIA?

Soalan kedua, bagaimana hendak mengawal atau mengatasi kesesakan KLIA2 ini? Ada kalanya keadaan yang terlalu tidak terkawal macam untuk *check in* dan sebagainya. Kadang-kadang terlalu lama menunggu. Ada sebahagiannya terlepas kapal oleh kerana kebanjiran atau penumpang yang terlalu ramai khas keadaan yang tidak mencukupi, kaunter-kaunter tersebut. So, apakah langkah seterusnya, Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua:Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai peningkatan, memang kita akui peningkatan penumpang di KLIA ini begitu naik mendadak. Daripada tahun 2007 hingga tahun 2016, lebih kurang hampir 100 peratus kenaikan ataupun untuk lebih tepat 96 peratus. Ini satu kejayaan negara kita, Malaysia untuk menjadikan KLIA sebagai pusat transit hab di rantau ini untuk setanding dengan Singapura dan juga Bangkok.

Kerajaan telah membuat penelitian mengenai perkara kepesatan penerbangan industri ini yang begitu pesat di samping dengan usaha-usaha kementerian yang lain seperti Kementerian Pelancongan yang berjaya membawa pelancong. Ini semua telah menyumbangkan kepada dinamikanya industri penerbangan yang juga meningkat di seluruh dunia. Malaysia kita telah berjaya untuk menjadikan KLIA sebagai pusat transit hab. Kerajaan mempunyai perancangan untuk memperbesarkan dan menambah terminal selepas tahun 2020. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Bagi peluang kepada orang muda.

Tuan Khairul Azwan Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya pendek sedikit-hanya pendek kepada Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini ada dibangkitkan isu mengenai Malindo Air gagal membayar tunggakan *airport tax* dan juga Malindo Air juga beroperasi di *main terminal* KLIA. Mereka itu merupakan syarikat penerbangan bajet atau tambang murah. Jadi apakah tindakan pembetulan pihak MOT ke atas kedua-dua isu ini iaitu tunggakan *airport tax* yang tidak dibayar dan juga saingan yang tidak sihat yang diberikan oleh Malindo Air kepada MAS sebagai *national carrier*? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak *clear up* tentang Malindo Air itu satu syarikat penerbangan tambang murah. Sebenarnya, tidak. Malindo Air ialah syarikat *full service*. Ia berpindah daripada KLIA2 ke KLIA ini setelah MAS membuat penstrukturan dan membuat syarikat baru di mana MAS telah mengurangkan pekerjaannya hampir 6,000 pekerja dan telah menamatkan beberapa *route* dan juga menamatkan *partnership* dengan syarikat-syarikat penerbangan asing.

Apabila vakum ini berlaku, maka syarikat penerbangan asing seperti Turkish Airline, ETIHAD, Oman Air, dia terpaksa mencari *local supporting airlines* untuk memudahkan penumpang-penumpangannya membuat *interlining*, menyambung sampai ke destinasi akhir. Ia *long haul*. Syarikat penerbangan jauh, dia sampai Kuala Lumpur kerana Kuala Lumpur seperti saya sebutkan tadi, telah menjadi satu transit hab dan ia memerlukan *supporting local airlines* untuk dia menamatkan penumpang-penumpangannya sampai ke destinasi akhir. Kemungkinan ke Jakarta, Kota Kinabalu atau ke Medan. Ini mereka memerlukan *local supporting airlines* dan apabila MAS menamatkan perkhidmatan ini, *this international airline* terpaksa mencari. Apa yang mereka dapat ialah Malindo Air untuk menampung kekosongan itu.

Maka apabila membuat perjanjian dengan Malindo Air untuk membuat *interlining* ini, mereka membuat *agreement* dan Malindo Air terpaksa memindahkan operasi untuk menampung penumpang-penumpang antarabangsa kerana mereka menggunakan KLIA. Mereka tidak menggunakan KLIA2. Oleh sebab itu, Malindo terpaksa berpindah walaupun dia kena bayar lebih kerana bayaran PSC di KLIA ini lebih mahal. Akan tetapi kerana untuk menjadikan KLIA transit hab, ia tampung. Jadi, sebab itu kita hendak jelaskan perkara itu.

Mengenai tunggakan ini, benda ini antara MAHB dengannya. Tunggakan ini sebenarnya bukan sahaja Malindo sahaja ada tunggakan. Semua *airlines* ada tunggakan. MAS pun ada tunggakan. AirAsia pun ada tunggakan tetapi tunggakan ini memang tidak menjadi isu kerana ia setiap bulan ada sahaja bil baru masuk, bayaran. Tiap-tiap bulan, memang ada bayaran dan ada PSC yang baru. Tunggakan ini bukan sahaja kepada PSC, ia ada tunggakan-tunggakan mengenai yang tidak melibatkan PSC tetapi perkhidmatan dengan MAHB. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak Yang Berhormat Menteri.

Datuk Yoo Wei How: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya hendak pergi pula ke soalan nombor 6. Minta Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah.

6. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah slot latihan pakar (Program Sarjana Tempatan) yang tersedia setiap tahun, jumlah doktor yang sedang menjalani latihan pakar dan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan bilangan slot latihan pakar.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada *masters programme* ataupun *postgraduate programme* yang dijalankan di dalam negara dengan universiti tempatan, tujuh universiti semuanya, IPTA perubatan melalui pemberian hadiah latihan perubatan (HLP).

■1050

Kementerian juga telah mengambil langkah-langkah seperti berikut dalam usaha untuk meningkatkan bilangan slot latihan pakar. Satu, melaksanakan latihan kepakaran secara laluan *Parallel* melalui badan-badan pensijilan antarabangsa seperti memberi *Membership of the Royal College Physician United Kingdom* ataupun *Membership of the Royal College Obstetrics and Gynecology* bagi

membanyakkan pakar yang dilatih. Kedua, memberi kemudahan kepada pegawai perubatan untuk melanjutkan program pengajian bagi tujuan kepakaran menerusi pembiayaan dana lain seperti biasiswa sama ada dalam negeri atau pun di luar negara.

Pegawai Perubatan juga dibenarkan untuk mendapatkan penajaan daripada di bawah agensi-agensi. Jumlah Pegawai Perubatan yang dibenarkan untuk menyambung pengajian bagi tujuan kepakaran perlu disesuaikan dengan unjuran keperluan kepakaran negara dan mengambil kira keperluan perkhidmatan di hospital untuk memastikan produktiviti kementerian dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat berjalan dengan lancar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Berdasarkan statistik bilangan slot latihan kepakaran sarjana tempatan, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun menyediakan purata sebanyak 700 slot setahun, latihan kepakaran bagi tempoh 2010 hingga tahun 2013. Jumlah tersebut meningkat kepada 800 slot pada tahun 2014 dan seterusnya kepada 1000 slot, mulai tahun 2015. Peningkatan bilangan slot ini adalah sebanyak 42.9 peratus pada tahun 2015 berbanding dengan 2010.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada tahun 2013 terdapat seramai 985 pegawai perubatan yang sedang menjalani latihan kepakaran dalam pelbagai bidang. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memberi penekanan kepada pembangunan latihan kepakaran dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Antara langkah-langkah yang diambil dalam memantapkan pembangunan latihan kepakaran adalah seperti berikut Tuan Yang di-Pertua. Menambah bilangan slot bagi bidang-bidang kepakaran yang kritikal. Memperluaskan kemudahan cuti belajar tanpa HLP ataupun Hadiah Latihan Perubatan bagi Pegawai Perubatan yang ingin menyambung pengajian di peringkat kepakaran dan menggalakkan Pegawai Perubatan yang berminat untuk menjadi pakar menjalani latihan dan kepakaran melalui program laluan *parallel*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan tadi. Cuma satu atau dua berdasarkan kepada jawapan tadi. Dari segi bilangan slot, saya akui bilangan slot dari 2007 sampai sekarang ini 400 lebih sudah meningkat. Cuma, /hendak tahu slot, kalau tidak salah untuk tahun lepas sebanyak 1000 lebih. Cuma hendak tahu slot untuk tahun 2017. Itu satu.

Kedua, merujuk kepada apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan *parallel pathway* itu. Sama ada MRCP, MRCOG ataupun *whatever Parallel Pathway, UK programs* itu. Saya hendak tahu sama ada dari segi sambutan dari *student*. Adakah mereka *prefer local Masters Programme* kalau, atau *what is the response* kepada *Parallel Pathway*? Itu yang kedua.

Ketiga, saya hendak sentuh sedikit pasal Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini. Semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu penjelasan di Dewan Rakyat *last year*, Yang Berhormat telah memberitahu bahawa dari segi *rates of resignation of specialist* pada masa itu kalau tidak salah *figure* yang disebut oleh Yang Berhormat adalah- secara purata sebanyak *150 specialist*

meninggalkan *service*. Terutama sekali di Gred U53 dengan U54 kerana *lack of promotional opportunities*.

Dalam penjelasan itu Yang Berhormat Menteri juga telah memberitahu bahawa ada satu cadangan untuk mewujudkan satu gred baru kalau tidak salah U56. Saya cuma hendak tahu *what is the latest on this proposal* untuk U56 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua. Memang usaha kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia, kita hendak meningkat jumlah kepakaran ataupun peluang untuk mereka belajar, doktor-doktor belajar menjadi pakar. Memang slot HLP ada latihan perubatan telah ditambah. Ini bagi program dalam negara ataupun *Masters* dengan melalui tujuh universiti tempatan yang bagi latihan pada ini. Mereka di dalam, memang di bawah program khas yang semuanya standard, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu, yang saya sebut tadi *Parallel Programme*, yang ini kita tidak tahu jumlah sebenarnya yang mengambil *Parallel Programme* ini. Kita tahu cuma bila sudah lulus. Bila sudah lulus, mereka datang berdaftar, baru kita tahu jumlah sebenar. Jadi, yang ada latihan memang saya sebut tadi 985 sekarang, tahun ini. Akan tetapi, yang *Parallel* tidak tahu. Sebab cuma bila ada lulus baru kita tahu. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, yang 1000 slot Tuan Yang di-Pertua. Dia lulus kurang-kurang empat tahun. Jadi, makna pada tahun 2019, baru kita tahu *result* dia. Akan tetapi, setakat ini yang kelulusan *Masters Programme* dari *Parallel Programme* lebih kurang tiga hingga 400 setahun. Sekarang ini.

Rate of attrition ataupun yang *resigned*, yang keluar, masuk swasta lebih kurang *one third*, 30 peratus. Jadi, tetapi makna ada positif ada penambahanlah untuk kerajaan. Jadi, dalam Yang Berhormat sebut tadi tentang, saya sudah jawab tadi, tentang jumlah mereka yang *resigned*. Walau bagaimanapun, kita cuba mengekalkan mereka dalam perkhidmatan kesihatan kerajaan melalui pelbagai insentif yang telah pun saya bercakap. Sebelum ini pun banyak saya cakap tentang insentif-insentif yang tambahan. Termasuk juga hari ini kita juga adakan, saya sebut sebelum ini pun dalam kita panggil program *full paying patient*. Ini juga boleh menambahkan pendapatan kepada pakar-pakar kita.

Jadi ini, kita berterusan. Yang penting Tuan Yang di-Pertua, kita kena pastikan yang jumlah kita latih dengan keperluan kita, adalah lebih kurang sama, Tuan Yang di-Pertua- unjuran. Setakat ini, sudah naik, kita punya jumlah kepakaran telah meningkat kepada 4,700 hampir 5,000 pakar yang di dalam perkhidmatan kerajaan hari ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Satu tertinggal mengenai cadangan untuk Gred U56 itu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Gred U56 adalah satu gred yang khas untuk perkhidmatan kesihatan sahaja, saya difahamkan. Jadi maknanya pakar-pakar yang naik U54- kenaikan pangkat untuk pakar laju Tuan Yang di-Pertua, dalam sembilan tahun dia dapat U54. Kemudian tiga, empat tahun kemudian- sekarang ini dia boleh naik kepada U56 kemudian gaji dia meningkat kadar lebih kurang RM2000 daripada U54 naik RM2000. Lepas itu, boleh pertimbangkan JUSA C dan sebagainya.

Ini JUSA C dia terhad tapi U56 ramai yang telah dapat U56 Tuan Yang di-Pertua. Jadi bagi perkhidmatan kesihatan sahaja, yang lain tidak dapat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, ada lain soalan. Tidak ada. Saya beralih kepada soalan nombor 7. Saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat, silakan.

7. Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, jumlah laporan PEIA iaitu *Preliminary Environmental Impact Assessment* yang telah dihantar untuk Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) untuk setiap negeri dari tempoh 2013 hingga 2017, dan bagaimanakah pemantauan terhadap PPLH dilakukan.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat.

Antara kriteria utama untuk mendapatkan pembiayaan pinjaman di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) adalah setiap pembangunan berkeluasan 50 hektar dan ke atas perlu mendapat kelulusan *Preliminary Environmental Impact Assessment* (PEIA) daripada Jabatan Alam Sekitar.

Sebagai makluman, sebanyak 23 laporan PEIA telah dibuat sepanjang tahun 2013 hingga tahun 2017 di bawah PPLH yang terdiri daripada Johor, satu laporan; Kelantan, 15 laporan; Perak, dua laporan; dan Sabah, lima laporan. Bagi memastikan aktiviti pembangunan ladang hutan di bawah PPLH mematuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan pemantauan di lapangan sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa.

■1100

Pemantauan kemajuan pembangunan yang dilaksanakan adalah seiring dengan pemantauan rancangan pengurusan pembangunan ladang hutan yang menitikberatkan isu-isu EIA. Antara kaedah pemantauan yang dilaksanakan adalah melalui audit lapangan oleh pasukan audit daripada *Malaysian Timber Industry Board* (MTIB), dan *Forest Plantation Development Sdn. Bhd.* (FPDSB).

Selain daripada itu, penggunaan teknologi dron dan juga *remote sensing* hasil kolaborasi di antara MPIC dan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) adalah inisiatif terbaru yang lebih efisien dalam memantau pembangunan ladang hutan di bawah PPLH. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Soalan tambahan saya Yang Berhormat. Saya pun agak terkejut juga, daripada 23 laporan EIA ataupun laporan PHPLA ataupun laporan PEIA terdapat 15 daripada negeri Kelantan. Saya dimaklumkan bahawa tahap kejayaan sangat rendah sehinggakan pensijilan FMU ataupun *Forest Management Unit* kah apa telah ditarik balik. Jadi soalan saya, apakah langkah-langkah yang akan dibuat oleh kementerian untuk memastikan kejayaan program ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Terima kasih Yang Berhormat. Di Kelantan memang terdapat banyak permohonan untuk PPLH. PPLH ini adalah di bawah MTIB, kelolaan MTIB. Tindakan kerajaan ialah kita memperketat pemantauan kepada semua pelesen ini. Sebenarnya MTIB ataupun

kerajaan telah bertindak dengan tegas. Oleh itu, sebuah kes di Kelantan telah dibawa ke mahkamah sebab tidak mematuhi peraturan dan oleh sebab itu lesen telah ditarik oleh kerajaan. Sebenarnya kerajaan telah memenangi kes di Mahkamah Tinggi. Jadi ini menunjukkan ketegasan yang ditunjukkan oleh kerajaan kepada mereka yang mendapat lesen tetapi tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila ada soalan lain? Kalau tidak ada, saya beralih kepada nombor lapan. Diminta Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How, silakan.

8. Datuk Yoo Wei How minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah definisi jalan raya yang akan di selenggara serta dikawal selia oleh kementerian. Bagaimana ia berbeza dengan jalan yang diselenggara oleh agensi kerajaan yang lain seperti pihak berkuasa tempatan (PBT); dan
- (b) didapati wujudnya jalan-jalan di negara kita yang tidak terletak di bawah kawal selia oleh mana-mana kementerian ataupun kerajaan tempatan. Kes sebegini wujud di kawasan Alor Setar, Kedah. Mohon penjelasan dan cara penyelesaian.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya yang diselenggarakan serta dikawal selia oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) adalah jalan raya yang telah diwartakan sebagai jalan persekutuan. Kerja-kerja penyelenggaraan ini dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan yang telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan di antara kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh KKR dan agensi lain adalah dari segi sumber peruntukan penyelenggaraan. Peruntukan tahunan kerja-kerja penyelenggaraan jalan persekutuan dibiayai melalui KKR. Manakala peruntukan kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri termasuklah jalan bawah bidang kuasa PBT adalah menerusi peruntukan dipohon kerajaan negeri melalui MARRIS dan disalurkan terus Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Kewangan kepada semua kerajaan negeri pada setiap tahun.

Untuk menjawab soalan yang kedua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya wujud jalan-jalan di negara kita yang tidak terletak di bawah mana-mana kementerian ataupun kerajaan tempatan, maka ia di bawah kawal selia pejabat tanah, pembangunan luar bandar di daerah tersebut. Bagi tujuan penyelenggaraan, pejabat tanah boleh mendaftarkan jalan-jalan tersebut di bawah MARRIS untuk mendapatkan peruntukan. Sekian, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Datuk Yoo Wei How: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri KKR. Kita memang menghadapi masalah sebegini. Mungkin situasi macam ini tidak kerap berlaku di kawasan bandar seperti di Selangor, di Kuala Lumpur. Akan tetapi di kawasan, dengan izin *suburban*, macam kawasan Alor Setar, kita selalu mempunyai masalah sebegini di mana kalau ada jalan-jalan yang rosak, kita pergi berjumpa majlis bandar raya tetapi majlis bandar raya cakap, ini di bawah kuasa KKR. Kita

pergi berjumpa KKR, KKR cakap ini bukan di bawah kuasa kementerian mereka. Ini telah menyebabkan satu kekeliruan di kalangan rakyat, di kalangan ahli-ahli politik juga.

Hari itu saya hendak minta pandangan Kementerian Kerja Raya bahawa, adakah kementerian mempunyai hasrat untuk mewujudkan satu pangkalan data ataupun sistem yang komprehensif yang mempunyai rekod terkini tentang pembinaan serta pemeliharaan jalan raya mengikut Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan agensi kerajaan yang lain yang boleh dirujuk oleh orang ramai supaya kekeliruan sebegini dapat dikurangkan? Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan dan juga pandangan Yang Berhormat yang saya kira merupakan pandangan yang cukup baik Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, di peringkat kementerian kita memang mempunyai *database*, dengan izin. Sekiranya Yang Berhormat memerlukan bantuan, kita akan duduk bersama Yang Berhormat untuk memberikan penjelasan mengenai kedudukan jalan negeri dengan jalan persekutuan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini dan Yang Berhormat, saya ingin berkongsi untuk bukan sahaja Daerah Alor Setar tetapi juga untuk negeri Kedah. Kita mempunyai sepanjang 1,105 kilometer Jalan Persekutuan. Jalan negeri kita ada 13,412 kilometer di negeri Kedah sahaja Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, dari segi penyelenggaraan untuk tahun 2017 sehingga bulan Julai, sebanyak RM35.2 juta dibelanjakan di bawah penyelenggaraan Jalan Persekutuan untuk negeri Kedah sahaja Yang Berhormat. Ini tidak termasuk negeri-negeri yang lain dan syarikat konsesi yang terlibat untuk penyelenggaraan Jalan Persekutuan adalah Belati Wangsa untuk negeri Kedah setakat ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga. Merujuk kembali mengenai *database*, mengenai kekerapan berlaku mungkin kurang ketidakarifan mengenai sama ada jalan itu di bawah pentadbiran negeri mahupun Persekutuan. Yang Berhormat perkara ini boleh dirujuk di pejabat daerah. Sekiranya tidak mendapat penjelasan, Yang Berhormat seperti yang saya katakan pada awal jawapan saya tadi, Yang Berhormat bolehlah merujuk di pihak kementerian. Selalunya kita ada kategori Yang Berhormat. Jalan-jalan yang bermula dengan perkataan "F" itu adalah jalan persekutuan dan negeri itu bermula dengan abjad yang lain. Untuk negeri Kedah, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat dan begitu juga kepada negeri-negeri yang lain.

Seperti juga jawapan saya, sekiranya sesebuah jalan itu tidak mempunyai tuan rumahnya seperti yang dirujuk dalam soalan asal Yang Berhormat, selalunya jalan-jalan ini akan dikawal selia oleh pejabat tanah daerah itu, pembangunan luar bandar daerah itu. Kita bolehlah memberikan makluman kepada pejabat tanah ataupun pembangunan luar bandar ini supaya mereka boleh mendaftarkan jalan tersebut yang tidak mempunyai tuan rumah ini, daftar jalan tersebut supaya peruntukan MARRIS boleh disalurkan bagi menyelenggarakan jalan yang tidak bertuan itu tadi. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lain soalan? Tidak ada, saya beralih kepada soalan nombor sembilan.

9. **Datuk Dr. Lucas Umbul** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, bahawa negara Malaysia belum lagi mampu bersaing dengan negara maju dalam menerokai bidang R&D. Negara kita bukan sahaja sebagai pengguna teknologi tetapi perlu menjadi penyumbang kepada pembangunan teknologi. Lantaran itu, apakah usaha dan peranan kementerian dalam menggalakkan kerjasama antara universiti dan industri kemahiran tenaga kerja dalam membangun keupayaan R&D negara sesuai dengan polisi-polisi kerajaan sedia ada.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Minta maaf, suara tidak berapa okey.

■ 1110

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada soalan Yang Berhormat Senator tadi, sebenarnya soalan ini mengatakan ayat yang mula-mula dia kata menyatakan bahawa negara belum lagi mampu bersaing dengan negara maju dalam bidang pendidikan. Bagi pihak MOSTI, saya tidak berapa setuju dengan mengatakan itu kerana kalau kita tengok, kalaulah kita tidak mampu bersaing dengan negara maju, masakan kita mendapat anugerah di peringkat antarabangsa. Kalau kita tengok pada tahun 2013 kita dapat 21 anugerah antarabangsa, pada tahun 2014 kita mendapat 28 anugerah peringkat antarabangsa, tahun 2015 kita mendapat 44 anugerah di peringkat antarabangsa dan tahun 2016 kita mendapat 102 *award* di peringkat antarabangsa.

Kita juga kalau tengok dari segi global indeks daripada *World Economic Forum*, kita mempunyai kedudukan *Global Competitiveness Index* pada tahun 2016 hingga tahun 2017, 25 daripada 138 buah negara. Kalau kita tengok kepada laporan *IMD World Competitiveness Index's World Competitiveness Yearbook 2017* dalam bidang faktor infrastruktur dan *subfactor infrastructure scientific* kita berada di kedudukan 29 daripada 138. Kalau kita tengok *overall of the competitiveness index performance* kita berada di kedudukan 24 daripada 138. Kalau kita tengok daripada segi *between* negara ASEAN pula kita terletak nombor dua selepas Singapura, Malaysia, Thailand, Filipina dan Indonesia.

Untuk peringkat yang kedua pula, soalan yang bahagian yang kedua kalau kita tengok sebenarnya kita sangat aktif. Kalau tengok SIRIM melalui kita kata kita sangat bekerjasama itu fasalnya bagi menggalakkan aplikasi teknologi dan industri, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi telah memperkenalkan program yang dipanggil *Innovator Dynamic*. Ia merupakan satu daripada inisiatif kementerian untuk mengenal pasti teknologi inovatif yang bersesuaian bagi mengatasi isu tenaga pekerja dalam sektor getah dan sektor kelapa sawit dan program ini merupakan satu platform strategi Strategi Lautan Biru (NBOS) yang melibatkan pelbagai pemegang taruh seperti kementerian, agensi kerajaan, universiti dan juga pihak industri.

Saya *refer* kepada dua agensi sahaja. MOSTI melalui SIRIM berhak melaksanakan program *SIRIM Fund Offer*, saya baru merasmikan satu majlis ini semalam, untuk meningkatkan produktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Program ini adalah audit teknologi dilaksanakan untuk mengenal pasti jurang teknologi dan inovasi syarikat supaya produk yang dihasilkan daripada pendidikan itu boleh diketengahkan di satu peringkat lain di peringkat antarabangsa, pertama.

Kedua kalau kita tengok satu lagi agensi kerajaan melalui *cyber security* kalau kita tengok, kita tengok daripada segi dalam pendidikan ini dia ada banyak. Salah satu daripadanya adalah dipanggil dia memperkasakan *facility* pendidikan, universiti dan juga pusat pendidikan. Kita ada *share facilities*. *Share facilities* ini menawarkan pelbagai kemudahan pendidikan yang lengkap untuk kegunaan para penyelidik. Sehingga kini sebanyak 698 *facilities* pendidikan yang boleh dikongsi dan daripada 2,217 peralatan penyelidikan disediakan melalui pembiayaan kerajaan.

Dia punya masalah kita punya *research* ini hujung dia itu kadar mengkomersialkan itu yang agak rendah. Oleh sebab itu maka melalui *Budget Speech* oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan tahun 2017 adalah tahun pengkomersialan negara. Jadi kita sedang mempergiatkan untuk meningkatkan hasil penyelidikan kita itu supaya mereka dibawa pasaran ke luar negara, dia boleh menjadi jenama negara supaya mewujudkan, menambahkan pendapatan rakyat Malaysia. Itu sebenarnya kedudukan sekarang. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Abu Bakar, sila.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang lebih lengkap. Saya secara peribadi di Dewan yang mulia ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada pencapaian Kementerian MOSTI dalam bidang R&D.

Saya amat percaya juga dan terbaca dalam artikel yang di mana Yang Berhormat Menteri terlibat sama iaitu dalam penemuan melalui platform Program Inovasi MOSTI (MSI) iaitu dapat membantu dalam mengurangkan kos dalam membaiki jalan-jalan raya yang rosak iaitu daripada mengimport bahan-bahan *fiber* import ini yang lebih tinggi dan kementerian MOSTI telah menemukan satu teknologi baru yang dinamakan *fiber mastic asphalt* (FMA) yang saya difahamkan. Kita amat berterima kasih kepada kementerian ini yang telah menginovasi teknologi-teknologi baru.

Kementerian ini juga banyak membuat R&D dalam memperkasakan pembangunan teknologi negara. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri berapakah kajian R&D tempatan yang telah dikomersialkan sekarang ini untuk manfaat pengguna? Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berkenaan *MOSTI Social Innovation* (MSI) itu sebenarnya adalah satu kejayaan yang membanggakan pihak-pihak Kementerian Sains kerana peruntukan yang disalurkan itu RM300,000 di Semenanjung, RM400,00 di Sabah dan Sarawak, dia adalah mengkomersialkan produk inovasi tempatan untuk kegunaan dalam negara. Memang itu menjadi kebanggaan.

Itu sebabnya masa saya memberi taklimat kepada beberapa duta di luar negara, mereka hendak menjadikan ini sebagai contoh untuk mereka bawa pulang untuk macam mana hendak mengkomersialkan produk negara. Jalan itu memang bagus kalau siapa-siapa yang hendak datang tengok dia telah dilaksanakan di kawasan saya di jalan wakaf di Bertam Hulu. Jalan dia sangat bagus dan saya bawa kereta itu untuk buat jalan itu.

Bila bercerita tentang projek pengkomersialan itu, itu sebabnya pada tahun 2014 kita telah untuk menggalakkan pengkomersialan itu kita telah buat satu dipanggil MCY dipanggil MOSTI *Commercialisation Year* 2014. Oleh kerana ini nampak telah memberi semangat kepada penyelidik,

maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pada tahun 2017 adalah MCY juga tetapi *Malaysia Commercialisation Year*.

Kalau kita tengok dari segi pengkomersialan, memang kadarnya tidak berapa kata orang turun naiknya. Ini *confirm* boleh dapat dipasarkan. Pada tahun 2013 ada 40 produk. Pada tahun 2014 ada 11 produk. Pada tahun 2015 13 produk dan pada tahun 2016 selepas kita *launch* MCY, kita telah mengkomersialkan 106 produk. Oleh sebab itu masa empat tahun pengkomersialan Malaysia ini kita *aim* pada tahun 2020, 360 produk akan dikomersialkan selepas pelancarannya *Malaysia Commercialisation Year*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa dapat 698 institusi pendidikan yang telah mengadakan kerjasama berkenaan dengan *CyberSecurity*.

Soalan saya yang mana berkenaan dengan *CyberSecurity* ini sejauh manakah kerajaan telah mengadakan kempen ataupun penerangan ataupun pemberantasan *CyberSecurity* di kalangan masyarakat dan juga di kalangan pelajar sebab kadang-kadang kita tengok *CyberSecurity* ini bukan sahaja dari segi keselamatan negara tetapi di kalangan pelajar *CyberSecurity* seperti buli dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Sebenarnya kalau kita tengok daripada *CyberSecurity* ini adalah satu agensi kerajaan yang boleh dibanggakan. Kalau kita tengok baru-baru ini macam-macam kempen utara sampai ke selatan, timur dan barat dia bercerita. Akan tetapi sebenarnya kalau kita tengok dari segi apa yang mereka lakukan bagi saya apa yang dia buat itu, kempen itu mudah. Akan tetapi apa yang mereka buat ini adalah penting.

■1120

Bagi memperkasakan memantapkan pembangunan industri dan penyelidikan bagi keselamatan siber di peringkat negara, *CyberSecurity* telah menjalinkan kerjasama dalam membangunkan tenaga kerja dalam bidang keselamatan siber dan penyelidikan dan beberapa universiti tempatan dalam bidang program Ijazah Keselamatan Siber. Kita buat program kerjasama Ijazah Keselamatan Siber. Program Ijazah *Master of Cyber Security* dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, program ini telah pun dilaksanakan sejak tahun 2013. Setakat ini dianggarkan seramai 60 orang pelajar telah lulus dan dianugerahkan ijazah sarjana dalam bidang ini.

Kedua, program Ijazah Sarjana *Master of Protective Security Management* dengan UIA. Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2014. *CyberSecurity Malaysia* bekerjasama dalam pembangunan beberapa modul dan membekalkan tenaga pengajar dalam program ini. Program Ijazah Keselamatan Siber dan Teknologi Keselamatan Siber dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, program ini masih lagi di peringkat perbincangan. Yang lebih membanggakan kita *CyberSecurity* telah membangunkan Pusat Penyelidikan Malware yang ini saya rasmikan semalam minggu lepas dekat Universiti Teknikal Malaysia Melaka untuk melaksanakan penyelidikan mengenai malware ataupun dipanggil perisian jahat, *malware* ini perisian jahat dan ancaman siber.

Di antara aplikasi yang dibangunkan adalah seperti berikut:

- (i) membangunkan perisian *DontPhishMe* bagi membantu penggunaan perbankan dalam talian daripada serangan mengumpun apabila melayari laman web perbankan; dan
- (ii) membangunkan perisian pembersihan *malware*.

Ini adalah salah satu aktiviti yang membanggakan daripada selain daripada kempen di peringkat sekolah, di peringkat kementerian dan juga di dalam media massa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad bin Mustafa: Hendak tambah, hendak tambah sikit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkas sahaja.

Tuan Haji Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Sedikit sahaja soalan memandangkan prestasi pencapaian kementerian ini *alhamdulillah*, kita bersyukur kepada Allah dan terima kasih kepada pihak kementerian. Cuma soalan saya apakah dengan pencapaian sekarang ini, kita sudah hampir memenuhi kriteria wawasan untuk mencapai wawasan negara maju kita setakat inilah. Ini kerana kira jauh lagi kah dia punya pencapaian ini jika dibandingkan dengan kriteria wawasan negara kita pada tahun 2020 nanti untuk mencapai tahap negara maju. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Terima kasih kepada soalan itu. Saya lebih berminat menjawab soalan itu kalau kita tengok dari segi selalunya orang membandingkan kerja-kerja penyelidikan ini berbanding kepada wang yang dibelanjakan. Apakah kita telah membelanjakan wang yang mencukupi untuk bidang penyelidikan. Selalunya orang membandingkan perkara itu *and then* selepas itu baru kita tengok hasilnya kerana kalau kita jumpa kalau orang ini kata senang dapat duit penyelidikan ini merupakan satu aras yang baik. Kita telah membelanjakan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan sahaja, kalau kita tengok itu orang terkejut nanti. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita berbelanja RM2.896.75 bilion. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh kita telah belanja RM1.198.54 bilion. Kita belanja Rancangan Malaysia baru enam bulan, *report* yang saya terima ini adalah baru bulan yang keenam. Untuk tahun ini, kita berbelanja RM56.7 juta ini daripada BR1M.

Kalau kita tengok pula dari segi perkembangannya, perbelanjaan kasar penyelidikan dan pembangunan negara dalam Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun dua kewangan tahun 2015 telah meningkat kepada 1.3 peratus berbanding 1.26 peratus. Pada tahun kewangan 2014, walau bagaimanapun perbelanjaan hari ini menurun kerana tukaran wang. Selalunya kalau negara mencapai status negara maju perbelanjaan ini di sekitar 1.5 peratus ke atas sampai ke 2 peratus. Jadi kita sudah sampai 1.3 peratus pada tahun 2015. Jadi kita sudah sampai ke taraf itu dan *insya-Allah* akan menyaingi negara-negara lain yang maju di dunia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira kerana telah memberikan penjelasan yang panjang lebar dan ada kemajuan yang baik nampak. Sekarang saya pergi beralih kepada soalan nombor 10, diminta Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin dipersilakan.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 10.

10. Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, jumlah tabika KEMAS di seluruh negara dan jumlah pelajar, serta berapakah jumlah tabika KEMAS yang perlu dibaikpulih dan memerlukan perolehan aset baru pembelajaran agar kemudahan tabika ini selamat untuk digunakan dan membantu perkembangan pendidikan awal kanak-kanak.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga kini KEMAS mempunyai sebanyak 11,215 buah kelas tabika KEMAS dengan seramai 221,318 orang kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun di seluruh negara.

Sehingga kini, KEMAS mempunyai sebanyak 8,583 buah institusi tabika di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, didapati sebanyak 668 buah tabika yang tidak selamat diduduki dan mempunyai *facilities* yang daif. Bagi tahun 2017, sebanyak 419 buah tabika akan dibaikpulih dan dinaiktarafkan. Kerajaan melalui KEMAS telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.83 juta untuk menaik taraf dan menyelenggarakan bangunan sedia ada melibatkan sebanyak 309 buah tabika bagi memastikan anak-anak kita dapat belajar dalam keadaan yang kondusif, selamat dan selesa.

Selain itu, kerajaan juga melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan telah berusaha untuk mendapatkan dana sebanyak RM2.64 juta dari agensi-agensi di bawah kementerian dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan melalui *Corporate Social Responsibility (CSR)* di bawah inisiatif program tabika angkat yang melibatkan sebanyak 110 buah tabika. Sehingga kini sebanyak 3,430 buah daripada 8,583 buah tabika memerlukan peralatan baru. Keperluan aset baru ini terdiri daripada perabot, peralatan elektrik, komputer, kemudahan dan kelengkapan ICT, alat main luar, alat pengajaran dan pembelajaran tertakluk kepada keperluan yang berbeza-beza di setiap kelas.

Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sangat komited dalam memastikan kanak-kanak terutamanya di luar bandar dapat belajar dalam persekitaran yang selamat, bersih dan kondusif. Selaras dengan itu, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah melancarkan pelan transformasi luar bandar pada bulan November 2015. Salah satu transformasi yang akan dilakukan ialah menjadikan tabika KEMAS sebagai tabika berprestasi tinggi yang menjadi pilihan utama ibu bapa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang sangat kondusif dan kita lihat bagaimana kerajaan begitu prihatin dalam membangunkan pendidikan awal prasekolah kanak-kanak.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak KEMAS, pihak kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan dan memperluaskan tabika KEMAS ini dengan satu mengambil had umur yang lebih muda antara umur dua hingga tiga ke empat tahun, dan keduanya, adakah KEMAS bercadang untuk mengadakan pelajaran pembelajaran ini ataupun sebab sekarang ini kalau kita tengok kebanyakannya prasekolah bukan sahaja memfokuskan kepada pembelajaran kanak-kanak tetapi bermula daripada umur dua tahun hingga ke empat tahun.

Keduanya ia menjadi *Child Care Centre*. Maksudnya, adakah KEMAS bercadang untuk memperluaskan skop pembelajaran untuk penjagaan kanak-kanak ini? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya KEMAS senantiasanya akan membuat penambahbaikan ataupun memperbanyakkan lagi- itulah dasar kita untuk memberi peluang kepada kanak-kanak, lebih-lebih lagi kanak-kanak luar bandar. Jadi jika ada keperluan dan permohonan, KEMAS senantiasanya akan melihat mempertimbangkan supaya diwujudkan tabika atau taska KEMAS di mana-mana tempat di seluruh negara.

■1130

Itu tidak ada masalah dari segi dasarnya. Jadi kita juga melihat kepada adakah kita hendak mengembangkan kepada juga menjadi *Child Care Centre* ya dan cadangan Yang Berhormat tadi, adakah kita mengambil kanak-kanak yang lebih muda lagi usia. Itu juga dalam satu perancangan kita untuk kita hendak menambahbaikkan perkhidmatan KEMAS kepada ibu bapa yang duduk di luar bandar.

Jadi seperti mana dalam jawapan asal tadi pada November 2015, kementerian telah mengadakan satu *retreat* di mana bagi Jabatan KEMAS, kita ada Program Transformasi Tabika dan Taska KEMAS, kita rundingkan. Jadi banyak daripada situ merangkumi maklumat-maklumat dan perancangan-perancangan untuk kita menambahbaikkan perkhidmatan KEMAS. Jadi kalau saya hendak baca ini, mungkin terlalu panjang Tuan Yang di-Pertua. Mungkin kita boleh panjangkan kepada Yang Berhormat Senator secara bertulis maklumat-maklumat ini. Saya fikir agak begitu penting juga kepada Yang Berhormat mengetahuinya semua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Alexander dan ada lagi soalan tambahan?

Tuan Isa bin Ab. Hamid: Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah usaha dan perancangan Kementerian KKLW dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bagi menangani pertindihan kelas tadika dan kelas prasekolah Kementerian Pendidikan yang wujud di sesuatu kawasan terutamanya di luar bandar dan kawasan Orang Asli? Sebab kita dapati banyak kes ada pratadika, ada prasekolah KPM dan ada kelas tadika. Berebut pelajar yang sama. Ada tempat pula tidak ada kelas tadika, tidak ada juga kelas prasekolah. Kekurangan infra untuk masyarakat luar bandar. Sekian, terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kementerian tahu akan- boleh dikatakan masalah ini ataupun ini bukan dikatakan masalah. Jadi bagi menangani pertindihan tabika ataupun antara Kementerian Pendidikan dan KEMAS sentiasa ada di dalam satu mesyuarat penyelarasan di Kementerian Pendidikan Malaysia sebab dengan adanya mesyuarat-mesyuarat sebegini, segala masalah dapat dibincangkan dan juga penyelesaian ataupun solusinya dapat kita dapati untuk kita mengelakkan pertindihan itu berlaku sehingga menjadi masalah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Alexander dan ada lagi soalan tambahan?

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Saya bila berjalan dalam kawasan kampung, banyak yang meminta supaya diadakan kelas-kelas tabika KEMAS ini. Saya hendak tanya kementerian, dia ada *target* berapa satu tahun ataupun *target*- tadi saya tengok tabika ada 8,000 lebih. Adakah ia ada *target* setiap tahun bertambah kelas tabika sebab banyak yang hendak memohon tetapi saya tidak tahu sama ada boleh tubuh atau tidak boleh tubuh ataupun dia punya mesti *balance, tally* dengan jumlah guru KEMAS yang ada itu. Sebab saya hendak minta hendak tubuh kelas tabika di kampung-kampung yang sekarang ini banyak yang meminta. Kita tak nak budak-budak kita ini pergi PASTI, pergi tadika yang bagus. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya seperti mana telah saya sebut di peringkat awal tadi, KEMAS sentiasa menerima permohonan ataupun cadangan dari mana-mana pihak termasuk Yang Berhormat Senator sendirilah kerana dasar kita adalah untuk kita mewujudkan mana-mana jika ada keperluan dan juga permohonan. Kita tidak ada *target* tertentu, kita lebih terbuka. Ini lebih baik kerana kita menyasarkan kepada keperluan dan permohonan. Jadi kita teliti kepada segala permohonan termasuk kalau ada cadangan dan permohonan daripada Yang Berhormat Senator yang bertanya tadi. Jadi ia juga berdasarkan kepada keupayaan, keperluan dan juga kehendak. Itu yang 3K prinsip kita jika kita hendak menubuhkan tabika KEMAS dan taska KEMAS di mana-mana.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu maklumat penting mungkin saya boleh kongsi dengan Dewan ini adalah permintaan pada tabika KEMAS ini banyak meningkat kerana didapati baru-baru ini KEMAS menerima Anugerah *Reader's Digest Trusted Brand*. Tabika KEMAS telah dianugerahkan emas dalam *Preschool Learning Centre* oleh *Asia Reader's Digest*. Anugerah ini adalah berdasarkan secara undian di atas talian yang melibatkan seramai 8,000 responden tentang sistem pendidikan prasekolah di Malaysia. Saya kongsi berita ini supaya kita mengetahui KEMAS ini sekarang banyak popularlah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Zahari bin Sarip: Tuan Yang di-Pertua, saya pertama sekali ucap tahniah kepada KKLW yang telah menaikkan nama tabika KEMAS kerana ia berbeza dengan tabika KEMAS tahun 90-an dahulu. Kita juga ucapkan tahniah di atas *target* tabika KEMAS berprestasi tinggi. Cumanya Tuan Yang di-Pertua, kita ingin dapat penjelasan daripada KKLW. Apakah agaknya usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh KKLW untuk pastikan tabika KEMAS ini terus berdaya saing bersama dengan tabika-tabika swasta lain yang lebih pesat tumbuh termasuk juga penyediaan guru-guru yang berkemahiran? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sesungguhnya kita melihat kepada itu juga sebab itu dalam Program Transformasi Tabika ditekankan juga bukan sekadar kepada kanak-kanak yang belajar tetapi juga kepada tenaga kerja, warga pengasuh dan pengajar di tabika KEMAS. Sebab itu kita ada Program Latihan Pemantapan Profesionalisme Pemaju Masyarakat Tabika KEMAS. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Transformasi Program Tabika KEMAS ini, pemaju masyarakat tabika KEMAS sentiasa diperkasakan melalui program latihan pemantapan profesionalisme secara berterusan. Sejak tahun

2006, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang tinggi untuk menghantar pemaju KEMAS atau pemaju masyarakat mengikuti pengajian di institut pengajian awam dan swasta bagi membolehkan mereka mendapat Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. Lanjutan daripada itu selepas menamatkan pengajian, pemaju masyarakat ini juga akan dilantik atas gred yang tinggi.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Selain daripada itu, juga mereka diberi peluang untuk mengikuti program Kursus Dalam Cuti (KDC) di Institut Pengajian Guru (IPG). Kos pengajian ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan dan sehingga kini terdapat seramai 7,002 orang guru tabika dan taska PERMATA KEMAS yang berkelulusan diploma dengan jawatan gred S29. Jadi kita telah meningkatkan kemahiran pemaju ataupun cikgu-cikgu KEMAS lah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal, silakan.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi, *vanakkam*. Saya kemukakan soalan nombor 11.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

11. Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah kedudukan kompaun AES yang dikeluarkan sebelum keputusan dibuat oleh kerajaan untuk mengambil alih dan dinamakan sistem AWAS dan adakah ia diambil kira dalam sistem KEJARA yang berkuat kuasa April 2017 bagi kompaun-kompaun yang dikeluarkan sebelum tarikh tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab saya ingin mengalu-alukan kedatangan Pertubuhan Pembangunan Komuniti India Raub, Pahang ke Dewan Negara. Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat sejumlah saman-saman tertunggak yang masih belum dijelaskan oleh pesalah-pesalah trafik ataupun orang kena saman sejak AES mula dilaksanakan pada tahun 2012. Kerajaan masih berharap untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik supaya kesemua saman-saman tertunggak ini diselesaikan mengikut perundangan yang terpakai.

■1140

Mengenai sistem KEJARA, sistem ini telah dilancarkan pada 15 April 2017 yang lalu. Sehingga 31 Julai 2017, terdapat sebanyak 9,898 pesalah yang dikenakan mata demerit bagi dua jenis kesalahan iaitu kesalahan melebihi had laju dan melanggar lampu isyarat merah. Tiada mata demerit dikenakan terhadap kesalahan di bawah AWAS sebelum tarikh tersebut. Terima kasih.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya, apakah penglibatan pengusaha atau pengeluar minyak seperti *Petronas, Shell, Caltex* dan sebagainya dalam mempromosikan agenda keselamatan jalan raya

yang berterusan selain daripada promosi musim-musim perayaan dan cuti sekolah? Soalan kedua, apakah kerajaan mempunyai strategi pengeluaran saman AES kepada penunggang motosikal, terutama kuasa rendah, yang sering dilihat menunggang jauh lebih laju daripada had yang ditetapkan tanpa mengambil kira keselamatan pengguna lebuhraya yang lain, di mana peratus kemalangan maut bagi penunggang motosikal jauh lebih tinggi berbanding kereta. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai strategi ataupun kerjasama antara swasta seperti *Shell* dan syarikat-syarikat yang lain dengan Kementerian bagi mengurangkan kemalangan jalan raya ini, pihak Kementerian melalui JKJR ataupun Jabatan Keselamatan Jalan Raya sentiasa membuat program-program secara bersama dengan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dengan produk-produk kenderaan dan juga produk-produk yang berkaitan dengan kenderaan. Program ini memang berterusan, malah kita membuat program-program dengan NGO dan pihak komuniti untuk terus menerapkan nilai-nilai keselamatan jalan raya.

Seterusnya, mengenai strategi untuk mengurangkan kemalangan motosikal. Pihak JKJR juga sentiasa membuat program-program dengan pengguna-pengguna motosikal, malah JPJ melaksanakan satu program yang dipanggil 1JPJ 1Komuniti. Di mana kita melesenkan warga yang berumur 45 tahun ke atas dengan penglibatan JPJ sendiri. Memberikan latihan pemanduan dan seterusnya memberikan lesen. Program ini sangat berkesan kerana kita telah banyak melesenkan masyarakat yang tidak mempunyai lesen ini untuk mendapatkan lesen secara mudah dan murah. Ini sekali gus telah dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai soal-soal keselamatan jalan raya semasa mereka dilatih ataupun diuji untuk mendapatkan lesen tersebut.

Seterusnya, kerajaan juga membuat pendekatan dengan memberi pemakaian topi keledar. Kerajaan telah mengeluarkan beribu-ribu topi keledar untuk memastikan penunggang motosikal menggunakan topi keledar yang mempunyai piawaian SIRIM supaya mereka lebih selamat apabila berlaku kemalangan. Terima kasih.

12. Tuan Wilfred Yong Chen Leong minta Perdana Menteri menyatakan, kali terakhir elaun anggota APMM disemak semula, dan adakah kerajaan bercadang untuk memberikan mereka imbuhan setelah APMM dikategorikan oleh SPRM sebagai badan penguat kuasa yang paling baik dalam aspek melaporkan dan menentang perlakuan rasuah dalam kalangan anggotanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada tahun 2005, anggota APMM telah menikmati elaun khas skim perkhidmatan APMM sejak penubuhannya. Manakala bayaran Insentif Penerbangan Cawangan Operasi Udara APMM telah diberikan pada tahun 2008 berikutan pewujudan Cawangan Operasi Udara APMM. Begitu juga bagi bayaran Insentif Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat APMM serta bayaran Insentif Menyelam APMM mula diberikan pada tahun 2009 atas sebab yang sama iaitu berikutan pewujudan Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat dan Pasukan Menyelam.

Selain itu, seperti anggota-anggota lain, anggota APMM juga layak menerima Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP), Bantuan Sara Hidup (COLA) dan elaun-elaun khas seperti;

- (i) Bayaran Insentif Wilayah, bermula 1 Januari 2005;
- (ii) Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal dan Artisan Laut, mulai 1 Januari 2015; dan
- (iii) Bayaran Insentif Pemeriksa Kapal Terbang, mulai 1 Mei 2017.

Sebagai pengiktirafan pencapaian APMM dalam Pelaporan Perlakuan Rasuah, APMM telah menyediakan ganjaran berbentuk kewangan dan sijil penghargaan mulai tahun 2012. Di mana seorang penerima bagi tahun 2012, 3 orang penerima bagi tahun 2013, 5 orang penerima bagi tahun 2014, 3 orang bagi tahun 2015, dan 4 orang bagi tahun 2016.

Tuan Wilfred Yong Chen Leong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Menteri. Saya difahamkan tugas APMM adalah penguat kuasa di kawasan perairan laut. Keduanya, selaku pasukan SAR iaitu *search and rescue*, dengan izin, di kawasan laut dan juga pasukan keselamatan bersenjata iaitu *coast guard*, dengan izin.

Jadi, soalan tambahan saya, mengapa gaji permulaan dan gred dan pangkat yang sama dalam pasukan APMM adalah tak sama dan begitu juga dengan kenaikan gaji setiap tahun lebih rendah daripada Angkatan Tentera Malaysia? Adakah Jabatan Perdana Menteri bercadang untuk sekurang-kurangnya menyelaraskan gaji dan tangga kenaikan gaji dan elaun dengan pasukan Angkatan Tentera Malaysia dalam masa terdekat ini? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, keseluruhan elaun dan gaji yang ditetapkan kepada penjawat awam adalah dibuat atas kriteria dan faktor-faktor yang melibatkan jawatan, kedudukan mengikut elaun tersebut, bukan mengenai agensi, kecuali ATM dan PDRM. Maknanya, kalau kita cerita tentang elaun, hanya PDRM dan ATM sahaja yang ada sedikit berbeza kerana mereka adalah pasukan sama ada di barisan hadapan ataupun yang menjaga keselamatan kehidupan rakyat.

Selain daripada itu, ia mengikut tangga gaji dan juga kriteria yang ditetapkan kepada semua penjawat awam. Jadi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, kita tidak melihat APMM sebagai berlainan daripada agensi-agensi yang ada. Maknanya, kalau kerajaan mengumumkan tentang pergerakan atau perubahan tangga gaji yang dibangkitkan, ia akan melibatkan keseluruhan sektor perkhidmatan awam.

13. Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, mengenai polisi dan hala tuju Malaysia dalam CDM iaitu *Clean Development Mechanism*, dan *carbon trade* seiring dengan ketetapan dan prosedur yang ditetapkan oleh *United Nations Framework on Climate Change Control* dan kedudukan terkini isu *carbon trade* Kerajaan Negeri Kelantan yang menjalankan usaha sama dengan sebuah firma swasta.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Bungkus ketupat daun palas,
Soalan saya nombor tiga belas.*

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Tak sempat buat pantun.

■1150

Tuan Yang di-Pertua, program Mekanisme Pembangunan Bersih ataupun *Clean Development Mechanism* (CDM) diwujudkan di bawah Protokol Kyoto dengan tujuan untuk membantu negara-negara membangun mencapai pembangunan lestari dan menyumbang kepada objektif Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim PBB ataupun *United Nations Framework Convention on Climate Change* serta membantu negara maju untuk mematuhi komitmen mereka di bawah Artikel 3 protokol tersebut.

Pelaksanaan CDM bukan sahaja melindungi alam sekitar tetapi menjadi sumber kepada pertumbuhan ekonomi dan juga pembangunan sosial. Program CDM tersebut memberi penekanan terhadap penggunaan teknologi yang mengurangkan pelepasan *greenhouse gases* (GHG) serta turut membantu menangani pencemaran lain seperti pencemaran air dan udara.

Mekanisme CDM juga membolehkan pemaju projek berkaitan alam sekitar mendapatkan pemindahan teknologi pelaburan dan juga hasil daripada penjualan *certified emission reductions* (CERs). Malaysia mempunyai 143 projek CDM yang berdaftar dengan *CDM Executive Board* dan jumlah ini adalah 1.9 peratus daripada projek-projek CDM yang didaftarkan di seluruh dunia dan melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM6.7 juta.

Sehingga Disember 2016, Malaysia telah menjana lebih 10 juta tan kredit hasil daripada pelaksanaan-pelaksanaan CDM. Mengambil kira harga purata USD10 untuk setiap tan, pelaksanaan CDM telah menghasilkan pendapatan sebanyak USD100 juta kepada pemaju-pemaju projek CDM di Malaysia. Pelaksanaan CDM di Malaysia adalah selari dengan ketetapan dan piawaian urus niaga kredit karbon di bawah UNFCCC seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu perjanjian urus niaga kredit karbon di antara negeri Kelantan dengan sebuah entiti swasta, kementerian kekal berpandangan bahawa tidak menyokong perjanjian urus niaga kredit karbon tersebut atas sebab-sebab berikut.

Pertama, pelaksanaan mekanisme *reducing emission from deforestation and degradation and the role of conservation, sustainable management of forest and enhancement of forest carbon stock in developing country* ataupun REDD+ adalah berdasarkan kepada mekanisme bukan pasaran ataupun *non market mechanism* di mana tiada kredit karbon sektor hutan yang akan didagangkan.

Kedua, dana antarabangsa bagi REDD+ yang sedang turut dirundingkan oleh negara adalah tertakluk kepada verifikasi data dan maklumat perhutanan berdasarkan kepada piawai pelaburan antarabangsa di bawah UNFCCC.

Susulan itu, kementerian telah melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) mengeluarkan kenyataan akhbar bagi menjelaskan pendirian kerajaan mengenai pelaksanaan mekanisme REDD+;
- (ii) mengemukakan secara bertulis maklumat mengenai mekanisme REDD+ kepada kerajaan negeri dan pihak-pihak berkepentingan yang lain; dan

- (iii) bersedia memberikan penjelasan dasar dan teknikal kepada mana-mana kerajaan negeri atau pihak berkepentingan yang ingin mengetahui mengenai mekanisme REDD+.

Setakat ini, kementerian telah pun memberikan taklimat kepada Negeri Sembilan. Baru satu negerilah. Sekian, terima kasih.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan begitu terperinci sekali.

Soalan tambahan saya, bagaimanakah kementerian bersama-sama dengan Kementerian Kewangan, Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti dapat membuat formulasi hebahan dan maklumat mengenai fungsi *carbon trade exchanges* (CTX) yang beroperasi sebagai *spot exchange* dalam perniagaan komoditi alam sekitar? Ini kerana CTX yang ditubuhkan di London oleh Wayne Sharpe pada tahun 2009 dibimbangi akan dimanipulasikan oleh pihak yang tak bertanggungjawab menubuhkan skim *ponzi* ataupun skim haram. Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya isu monopoli ini yang menjadi satu kebimbangan oleh badan UNFCCC yang telah bersidang seperti yang disebutkan tadi. Oleh yang demikian, pihak mereka telah pun beberapa kali bersidang untuk menukar pendekatan daripada menjual kepada, dengan izin, *claim*.

Maksudnya kalau pendekatan terdahulu, yang di mana kita belum lagi terlibat, ialah syarikat-syarikat daripada luar negara mencari negara-negara lain di dunia untuk mendapatkan satu jumlah kawasan hutan yang luas sebagai satu komitmen mereka untuk mendapatkan satu peluang mereka. Seolah-olah mereka ini dapat menyelamatkan dunia di satu kawasan lain di negeri lain dan kawasan ini dijual kepada mereka. Dia dalam bentuk jualan ataupun diurus niaga. Ini yang dibimbangi menjadi satu monopoli.

Oleh yang demikian, pihak UNFCCC telah pun bersidang di mana ditukar kepada satu pendekatan iaitu *claim credit*. Maknanya, kalau kita ada satu kawasan hutan yang luas, kita jaga, kita pulihkan kawasan tersebut ataupun apa-apa pendekatan lain yang boleh mengurangkan pelepasan *carbon dioxide*, kita boleh *claim* dalam bentuk kredit. So, dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *instead of* kita niaga, tetapi kita *claim*, kita tuntutan kepada mereka amaun tertentu di mana mekanisme ini masih lagi dirundingkan secara terperinci. Itulah pendekatan baru dan ini tidak akan menyebabkan monopoli oleh mana-mana syarikat atau mana-mana negara tempat lain untuk menguasai tempat-tempat lain secara tidak sama rata ataupun hanya dimonopoli oleh satu-satu pihak sahaja. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, ringkas.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ringkas sahaja. Berkait dengan karbon kredit, seingat saya, dalam sidang sebelum ini, saya pun telah bertanya berkait dengan karbon kredit dan telah dimaklumkan berkait dengan program REDD+ ini. Cuma, persoalan yang saya ingin kemukakan, adakah kerajaan sebenarnya sudah betul-betul bersedia untuk melaksanakan program REDD+ ini? Jika sebenarnya telah betul-betul bersedia, kenapa hanya Negeri Sembilan sahaja yang telah ditaklimatkan? Kenapa tidak ditaklimatkan kepada semua sekali? Itu persoalan. Kenapa tidak

ditaklimatkan? Ini kerana program karbon kredit ini adalah suatu program yang sangat bagus. Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya betul kata yang sebut luar *business* itu tadi. Memang program ini program yang baik, program yang boleh menjana pendapatan dan pada masa yang sama kita boleh meningkatkan kualiti alam sekitar. Kita menggalakkan semua negeri di Malaysia untuk turut terlibat. Seperti yang saya sebutkan tadi, kementerian kami bersedia untuk memberi taklimat kepada mana-mana negeri yang menjemput kami atau mereka boleh datang ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk mendapatkan taklimat dan sebagainya.

Mengapa Negeri Sembilan? Ini kerana mereka ini lebih...

Tuan Yang di-Pertua: Termasuk negeri Kelantan?

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Termasuk Kelantan sebenarnya. Seperti saya sebutkan tadi, sebenarnya kita telah pun memaklumkan kepada pihak negeri bahawa kami bersedia untuk memberi penjelasan dan pihak negeri pun telah datang untuk memberi penjelasan tentang mekanisme baru yang sepatutnya dipatuhi ataupun diikuti. Untuk kaedah-kaedah selanjutnya, kami bersedia untuk memberikan taklimat yang lebih terperinci. Kenapa Negeri Sembilan? Ini kerana Negeri Sembilan sebenarnya lebih proaktif untuk mendapat penjelasan yang terperinci sebab ini perkara teknikal, terlalu terperinci. Sekian, terima kasih.

■1200

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian selesailah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.00 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan D.R.18/2017 Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2017, D.R.19/2017 Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2017, D.R.25/2017 Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 dan D.R.28/2017 Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017 seperti yang tertera di nombor 1 hingga nombor 4 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 17 Ogos 2017.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan perkara kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.
[16 Ogos 2017]

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng untuk menyambung perbahasan.

12.02 tgh.

Tuan Chia Song Cheng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung perbahasan saya daripada semalam petang tetapi terdapat beberapa isu yang saya hendak mengemukakan kepada Yang Berhormat Menteri mengenai rang undang-undang ini. Pertama sekali adalah macam mana Yang Berhormat Menteri akan menguatkuasakan pembatalan harga terangkum kepada peniaga dan pengendali makanan yang mengamalkan ketetapan harga yang tidak konsisten. Contoh yang paling yang senang yang pasti kita semua akan mengalami setiap hari dan melihat adalah nasi kandar di kedai-kedai dan kopitiam.

Saya pasti rakan-rakan saya di Dewan atau Tuan Yang di-Pertua juga telah mengalami situasi yang sama yang di mana seseorang memesan makanan yang sama, daging yang sama, ikan yang sama, sayur yang sama, dalam gerai yang sama tetapi harganya sentiasa berubah. Meskipun kedai tersebut telah memaparkan harga mereka dalam menu, apabila awak tanya mereka mengapa harga yang tidak berpatutan dikenakan dan tidak sama dengan harga dipaparkan. Awak akan diberitahu atau dimaki bahawa harga menu itu sudah harga lama. Amalan seperti ini telah berjalan tidak tahu sudah beberapa ratus tahun lama dan ia seolah-olah nampak bahawa kita telah putus asa dan membenarkan kedai-kedai dan pengendali makanan yang tidak berhemah dan bertanggungjawab untuk melarikan diri dengan kelebihan yang tidak adil ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi contoh adalah makanan laut dan eksotik dalam restoran sebagai makanan laut dan eksotik adalah berasaskan kepada harga musim. Restoran-restoran tidak dapat

memaparkan harga terangkum apabila makanan-makanan tersebut adalah makanan yang berharga sensitif. Justeru, saya ingin mengetahui macam mana Yang Berhormat Menteri memastikan semua restoran, gerai dan pengendali makanan akan mematuhi kepada sistem *single pricing* ini, dengan izin, dan kita tidak perlu membayar lebih daripada apa yang telah dipaparkan.

Isu kedua yang saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adalah isu harga unit atau *unit pricing*, dengan izin. Saya ingin mengetahui adakah perkembangan terkini dan bilakah Yang Berhormat Menteri akan mengimplementasikan sistem *unit pricing* ini, dengan izin, untuk menangani masalah pengecilan saiz bungkusan yang merupakan pengurangan kuantiti dalam suatu bungkusan ataupun mengendalikan harga yang sama dalam industri peruncitan dan pemborongan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan orang tidak akan menyedari bahawa mereka telah diperdayakan oleh pembekal yang tidak bertanggungjawab yang memanipulasi kuantiti dan saiz bungkusan sesuatu produk demi untuk mengaut keuntungan yang berlebihan. Sistem *unit pricing* ini, dengan izin akan membolehkan pengguna untuk mengesan perbezaan harga dengan mudah dan membandingkan harga setiap unit yang diberi dan menangani isu amalan sedemikian. Ketika pada masa ini kita tidak ada sesuatu undang kredit pengguna untuk melindungi pengguna daripada terperangkap oleh kadar faedah pemangsa. Apabila seseorang mendapatkan sesuatu pinjaman sama ada pinjaman rumah ataupun pinjaman kereta, seseorang itu telah membeli satu produk yang ditawarkan oleh bank-bank.

Maksudnya kaedah dan caj dikenakan oleh pihak bank-bank adalah juga boleh dianggap sebagai satu harga dan oleh itu soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah bukan sepatutnya Menteri juga mewajibkan bank-bank memaparkan harga terangkum yang termasuk kadar perbandingan, kadar benar tahunan, yuran caj tambahan dan semua maklumat lain yang relevan untuk membantu pengguna mengenai kos sebenar kredit dan membuat keputusan yang lebih bermaklumat dan juga berpendidikan. Sekarang bank-bank sering menjalankan pinjaman mereka berasaskan oleh bayaran insurans bulanan dan kadar faedah nominal dan bukannya kadar faedah benar peratusan tahunan untuk menggambarkan ilusi murah dan juga mengelirukan pengguna.

Ini juga terpakai kepada produk-produk dan instrumen-instrumen kewangan yang ditawarkan oleh institusi kewangan, wakil-wakil dan ejen-ejen industri kewangan selalu menjanjikan pulangan dan keuntungan yang tinggi yang biasanya tidak dicerminkan dalam realiti dan juga dengan sambil lewa sengaja menyembunyikan caj-caj tersembunyi seperti caj pengurusan, ejen caj, komisen caj, transaksi dan sebagainya. Membandingkan harga makanan dan barang-barang asas ruji dalam pasar raya sudah boleh menjadi kekeliruan kepada kebanyakan, apatah lagi pengesan dan membandingkan pinjaman timbang dan produk-produk kewangan yang sangat rumit yang ditawarkan oleh bank-bank, bahkan orang yang mempunyai latar belakang dalam kewangan dan ekonomi pun menghadapi kesukaran dan juga cabaran untuk mengira kos dan pulangan yang benar.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, amalan sedemikian boleh membahayakan pengguna terutamanya kepada mereka yang mempunyai celik kewangan yang kurang baik kerana ia boleh *entice*, dengan izin,

untuk mereka mendapatkan pinjaman yang mereka tidak mampu untuk membiayai ataupun mengambil risiko pelaburan kewangan yang mereka tidak dapat kendalikan. Justeru, saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan merumuskan sesuatu tindak balas pengawalseliaan kepada isu ini.

Akhir sekali ialah masalah dengan pencatutan ataupun ada segelintir peniaga yang mungkin mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang atau perkhidmatan selepas sistem *single pricing* ini, dengan izin, diimplementasikan. Apabila rasionalisasi subsidi minyak atau GST dilakukan, sering kali kita dengar alasan itu diguna oleh peniaga untuk menaikkan harga barang mereka dengan sewenang-wenangnya. Contohnya, walaupun harga minyak hanya naik sebanyak lima sen satu cawan teh tarik boleh naik 50 sen, dari RM2.00 hingga RM2.50. Kalau harga minyak telah turun, harga teh tarik itu pula tidak ada turun.

Sedangkan Yang Berhormat Menteri ada satu senarai harga untuk barang kawalan seperti ayam, telur, daging, cili, beras dan sebagainya di bawah Akta 723. Akan tetapi pada masa ini, Yang Berhormat Menteri tidak ada satu senarai harga ataupun *pricing benchmark*, dengan izin, bagi untuk makanan dan minuman di warung, gerai, medan selera dan kedai makan sebagai satu garis panduan bagi untuk pengguna mengenal pasti kemungkinan amalan pencatutan dan kemudian melaporkan aduan kepada Yang Berhormat Menteri. Justeru, soalan saya adalah Menteri sedang merangka satu senarai harga seperti dinyatakan di atas dan bagaimanakah Yang Berhormat Menteri dapat membendung dan juga menguatkuasakan akta ini dengan efektif atas amaran sedemikian yang masih berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengiklankan senarai harga untuk barang kawalan dan barang-barang asas ruji yang disebut di atas serta nombor talian aduan Yang Berhormat Menteri dalam surat khabar dalam semua bahasa secara mingguan. Ini dapat membolehkan rakyat terutamanya golongan yang tidak mahir menggunakan Internet untuk menunjukkan pada harga senarai sebagai garis panduan dan membuat aduan kepada Menteri jika terdapat aktiviti pencatutan yang mencurigakan. Dengan demikian, Yang Berhormat Menteri akan dapat menyingkiri persepsi harga barang naik disebabkan oleh kerajaan.

Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang silakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

12.15 tgh.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bahas Rang Undang-undang D.R. 18/2017.

Pertamanya, saya hendak terima kasih kepada Kementerian KPDNKK terutama Menteriannya apabila dia menerajui kementerian pada hari raya puasa baru ini, tidak timbul soal kegelisahan rakyat, soal harga naik turun. Terima kasih banyak kepada KPDNKK yang sebelum ini kalau hendak raya puasa itu, macam-macam. Harga ayam naik, gula naik, minyak naik, gula tidak ada, minyak tidak ada.

Akan tetapi, *alhamdulillah* di bawah Dato' Seri Hamzah bin Zainudin ini perkara ini dapat ditangani dengan berkesan dan pada hari raya baru-baru ini tidak ada perkara berbangkit soal bekalan kurang atau naik harga.

Cuma dalam perkara ini saya hendak bangkitkan perkara yang timbulkan oleh rakyat yang mengatakan setiap kali harga minyak petrol, minyak diesel naik, harga barang naik. Minyak naik, harga barang naik. Akan tetapi apabila harga minyak turun, harga barang tidak turun. Saya hendak minta KPDNKK, pegawai-pegawainya tolong *list* senarai harga. Harga sebelum minyak naik dan selepas harga minyak naik dan apabila harga minyak turun kita minta KPDNKK juga bertindak biar harga barang itu pun turun juga supaya rakyat tidak dibebankan oleh kerakusan peniaga yang hendak mencari keuntungan berikutan dengan kenaikan harga minyak.

Ini kena pantau baik-baik sebab rakyat yang menjadi beban. Rakyat bercakap. Apabila harga minyak naik, harga barang naik. Harga minyak turun, harga barang tidak turun. KPDNKK kena pantau betul-betul apabila harga minyak turun, harga barang yang naikkan semasa harga minyak naik itu turun balik, pertama.

Kedua, ada juga di kalangan pekedai-pekedai, tauke-tauke kedai ini dia hendak hasut rakyat dia kata harga barang naik ini kerana GST. Sebenarnya bukan GST. Harga barang itu dia yang naikkan. Akan tetapi, dia tuduh kata kerajaan GST. Walhal tidak terlibat langsung dengan GST itu. Dia sendiri yang naikkan harga barang tetapi hendak fitnah kerajaan, dia cakap ini GST barang naik, GST barang naik. Jadi perkara ini KPDNKK kena pantau baik-baik.

Ketiga, KPDNKK kena tengok kegiatan orang tengah ini. Orang tengah kadang-kadang memainkan peranan penting dia beli dengan harga murah, dia jual dengan harga mahal. Ini pun membebankan rakyat. KPDNKK kena tengok sebab sekarang ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, harga durian sekarang ini durian musang king RM45 sekilo. Nanti dahulu. Itu RM45 sekilo, itu di Jeli. Di Gua Musang RM65 sekilo. Ada lagi yang sampai RM100 sekilo. Ini ada orang cakap. Kalau tak nak beli, jangan makan. Kalau tak nak makan, jangan beli. Bukan soal hendak makan dengan tak beli tetapi minta pantau supaya biar barangan yang ada ini, rakyat boleh kecapi dan nikmati semua dan harga terkawal. Ini juga KPDNKK kena pantau supaya dekat-dekat menjelang pilihan raya ini rakyat tidak bercakap yang tidak baik kepada kerajaan walhal bukan kerajaan yang bersalah yang lakukan individu itu yang lakukan kesalahan.

Jadi saya rasa yang *last* sekali saya hendak tahu, berapa ramai yang sudah didakwa, yang diambil tindakan oleh kerajaan yang melanggar kenaikan harga barang secara sewenang-wenangnya oleh pekedai-pekedai atau tauke-tauke kedai. Setakat ini berapa ramai didakwa? Kalau hendak dakwa, dakwa. Jangan main maaf, minta maaf. Kita pun maafkan. Dia minta maaf, kita maafkan. Tidak ada. Dalam perkara ini tidak timbul soal maaf-maaf. Kalau dia buat salah, ambil tindakan, memberi pengajaran kepada orang lain supaya tidak naik lagi harga.

■1220

Jadi, minta Kementerian KPDNKK dan saya amat yakin dan percaya di bawah Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah Zainudin, perkara ini dapat ditangani dengan berkesan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dr. Zaidi Haji Suhaili, silakan.

12.21 tgh.

Dr. Zaidi Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk ikut serta di dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2017 ataupun rang undang-undang DR 18/2017.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia ini adalah satu-satunya negara yang mempunyai undang-undang yang mengawal harga dan juga antipencatutan. Tidak ada negara yang lain yang berani mengadakan undang-undang seperti ini. Walaupun ada kalanya undang-undang seperti ini tidaklah mendapat sambutan yang baik khususnya di kalangan peniaga-peniaga besar seperti di *hypermarket* dan sebagainya. Akan tetapi keberanian kementerian, keberanian kerajaan untuk melindungi kepentingan pengguna adalah satu perkara yang sangat-sangat kita puji. Satu langkah yang berani semata-mata untuk melindungi pengguna daripada diperdayakan oleh pihak peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pindaan demi pindaan ke atas undang-undang ini telah dibuat dari semasa ke semasa untuk mengemas kini. Ada juga kalanya untuk memanjangkan lagi senarai-senarai produk yang perlu dikawal dan sebagainya. Sebenarnya perniagaan ini ataupun *manufacturing* dan penjualan barang-barang ini tidaklah satu perkara yang mati begitu saja, ia satu perkara yang aktif, yang agresif, yang sentiasa bertambah dari semasa ke semasa. Kalau kementerian menyenaraikan, katakan 200 senarai harga barang yang hendak dikawal. Maka pengguna ini, pengilang ini akan bijak lagi. Dia buat satu produk baru yang di mana tidak ada dalam senarai produk kawalan. Di situ pula mereka akan mengambil kesempatan untuk mengambil keuntungan secara berlebihan.

Jadi ini satu cabaran yang besar kepada kementerian ini. Oleh demikian saya fikir kalau sekadar dengan undang-undang seperti ini kita memuji usaha kementerian untuk mengadakan undang-undang seperti ini sebagai usaha kerajaan untuk melindungi kepentingan pengguna. Akan tetapi saya berpendapat bahawa secara umumnya sebelum saya pergi sedikit sebanyak kaitan dengan rang undang-undang ini, lebih baik kementerian memperkasakan lagi gerakan koperasi di kalangan rakyat kita.

Saya fikir menerusi gerakan koperasi, kita memperkasakan mungkin cara itu kita boleh menangani kawalan ke atas harga ataupun mengambil keuntungan secara berlebihan. Menerusi gerakan ini, kita boleh memantau dan rakyat harus sedar bahawa sejauh manakah mereka akan sentiasa diperdayakan oleh pembekal-pembekal, oleh peniaga-peniaga yang sentiasa mengambil kesempatan untuk mencari macam mana mereka boleh keuntungan. Undang-undang boleh kita buat dari semasa ke semasa, boleh kita pinda tetapi rakyat sendiri, pengguna-pengguna sendiri mesti ada satu kesedaran yang tinggi atas perkara ini.

Oleh itu saya berpendapat bahawa kita harus memperkasakan lagi gerakan koperasi kita. Usaha kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita membuka Kedai Rakyat 1Malaysia misalnya. Adalah satu usaha untuk kerajaan membendung kawalan ke atas harga yang berlebihan, memberi peluang kepada rakyat untuk mendapat harga yang berpatutan, harga yang munasabah. Jadi saya rasa kalaulah ada kelemahan daripada segi Kedai Rakyat 1Malaysia ini kita harus perbaiki, *rebranding* Kedai Rakyat 1Malaysia ini supaya ia membantu kita untuk kawalan harga ataupun mana-mana peniaga yang hendak mengambil untung berlebih-lebihan. Inilah saya rasa satu gerakan yang besar yang boleh membantu kita untuk menangani masalah mengambil untung berlebih-lebihan ini.

Keduanya, saya rasa ialah kita pun ada usaha selain daripada Kedai Rakyat 1Malaysia kita ada usaha oleh kerajaan untuk membuat Transformasi Kedai Runcit, asalkan nama TUKAR kah apa. Jadi perkara ini harus kita *rebranding* lagi, kita memperkasakan supaya rakyat itu, pengguna itu menjadi *supreme* mereka yang *control* market. Bukan pembekal, bukan peniaga yang *control* tetapi rakyat. Juga saya rasa dengan keadaan kita sekarang ini kita ada media sosial kita galakkan rakyat supaya kalau mereka dapat bertemu dengan mana-mana peniaga, mana kedai yang memberi harga yang tidak berpatutan, tinggi. Maka *viralkan* perkara ini supaya memberi peluang kepada kementerian untuk menyiasat dan juga mengambil tindakan kalau betul perkara itu berlaku. Ini kerana kalau kita harapkan pegawai-pegawai dari kementerian sahaja untuk pergi *checking*, pergi periksa dari sebuah kedai ke kedai sudah tentu tidak cukup kakitangan kementerian untuk melihat perkara ini.

Oleh itu saya rasa undang-undang ini cukup baik, lebih-lebih lagi undang-undang ini adalah antaranya supaya melihat pengguna, pembeli tidak terpedaya oleh harga yang saya katakan di manipulasi oleh pembekal ataupun peniaga. Rang undang-undang ini cukup baik dan saya rasa ia boleh mengemas kini kan lagi kawalan harga dan juga pengambilan untung secara berlebihan. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi kita mesti ada satu gerakan yang besar, gerakan koperasi. Kita dulu ada kerajaan membuka disebut sebagai Koperasi Bela Rakyat (KOBERA) dan sebagainya. Jadi oleh perkara ini harus diperkasa, *direbranding*.

Masalahnya kita, kita banyak usaha yang dibuat oleh kerajaan semata-mata untuk membantu pengguna untuk mengawal harga, mengurangkan pengambilan keuntungan secara berlebihan. Akan tetapi masalahnya program-program ini tidak begitu mendapat sambutan yang *management*nya apabila masa berlalu ia tidak begitu baik dan kurang berkesan. Jadi saya rasa kalaulah perkara-perkara seperti ini dapat kita memperkasakan lagi undang-undang ini, *insya-Allah* akan sedia berada di belakang untuk membantu mempertahankan, *protecting the consumers*. Maka saya rasa kita harus merasakan bahawa kita akan berjaya untuk mengawal harga barangan dan juga mengurangkan peniaga yang mengambil keuntungan yang berlebih-lebihan.

■1230

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekianlah sahaja hujah saya. Saya harap dengan hujah seperti ini akan diambil kira oleh pihak kementerian dan juga kerajaan. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah.

12.30 tgh.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2017. Saya cuma akan fokus kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini. Secara am kalau kita tengok tujuan rang undang-undang ini ialah untuk melaksanakan atau membenarkan pelaksanaan *single pricing formula* atau dasar harga terangkum untuk *facilitate* pelaksanaan harga ini.

So, pada saya secara prinsip, saya mengalu-alukan rang undang-undang ini dari segi dasar *single pricing*. Saya akui dengan adanya dasar ini *hidden charges* dan sebagainya akan dapat dielakkan fasal *what is displayed is what you finally pay*. Itu objektif rang undang-undang ini. Akan tetapi pada masa yang sama saya ada dua cadangan. Mungkin satu cadangan kepada kementerian, mungkin satu soalan.

Aspek cadangan ialah pada saya *when we have single pricing*, fasal niat *single pricing* untuk *avoid hidden charges*. Akan tetapi *single pricing*, Dasar Harga Terangkum atau *single pricing policy* ini tidak bererti *you cannot showdown the breakdown of cost*. Maksud saya ialah bila *you* tunjuk *single pricing* itu esok, *an end price* bila *you* tunjuk *single pricing* itu pada saya kena ada *breakdown of cost* juga. *That means what is the cost* termasuk cukai, termasuk *labor charges*, termasuk *whatever charges*.

Ini kalau kita tengok dari segi matlamat dasar harga terangkum ialah untuk menggalakkan ketelusan dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita dapat ada *breakdown of cost* dipamerkan in *the final price* itu, kalau kita dapat, satu ini akan dapat mengelakkan tuduhan terhadap para peniaga *that their over charging* atau membuat *excessive profiting*, mencari keuntungan berlebihan. Ini penting, fasal kita tengok sekarang pun, selepas GST pun ada banyak tuduhan *that they are making excessive profit* dan sebagainya.

Ini penting dan juga akan mungkin kalau kita ada *breakdown, final breakdown what is the price of the product, what is labor charges* dengan *what is* cukai dia juga akan mungkin pada masa depan nanti akan meringankan beban kementerian juga. Kalau tidak esok kita akan dapat banyak lagi aduan atau rungutan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Banyak orang akan pergi kompelin kepada kementerian, fasal dia tidak *clear*. So, dalam kepala dia, dia akan ingat *that he has been over price*. So ini cadangan yang pertamalah supaya kita adakan *breakdown of cost* dalam *final price* itu atau dalam *single price* itu kemudian. Fasal kalau tujuan kita tengok itu supaya menghilangkan *hidden charges* sahaja bukan untuk tidak menggalakkan *transparency*. Itu cadangan yang pertama.

Akan tetapi lebih dari itu saya ada satu soalan kepada kementerian dan soalan saya ialah sama ada rang undang-undang ini, pindaan ini akan terpakai kepada sektor perkhidmatan penerbangan. Ini penting ya. Daripada dua aspek saya tanya ini, daripada dua aspek. Satu, kalau kita tengok dari sektor perkhidmatan penerbangan, banyak sangat *hidden charges* lah. Bila *you* pergi sama ada AirAsia kah mana-mana ini, bila *you* pergi *online* atau *you* tengok *advertisement* dia, *you* nampak satu harga. Akan

tetapi bila *you* masuk dalam pukul 2 pagi, pukul 3 pagi, *you* ingat RM199 boleh pergi mana-mana tempat, tidak tidur sampai 2 pagi, 3 pagi *you* masuk sahaja terdapat banyak *hidden charges*.

So, pada saya industri yang paling sangat kita ada *charges* dan *hidden charges* ini adalah sektor perkhidmatan penerbangan. Kalau- ini saya belum dapat kaji akta ini dan juga Akta Perlindungan Pengguna sama ada sektor ini akan dikecualikan dari akta ini. Soalan saya, kenapa saya timbulkan ini? Kalau tidak salah pada tahun 2015, dua tahun dulu di Dewan ini, kita pernah bahas Akta Perlindungan Pengguna 1999. Selepas perbahasan Akta Perlindungan Pengguna itu, selepas Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia dilulus.

Kalau kita tengok pindaan kepada Akta Perlindungan Pengguna itu, satu *express exclusion* dari *Consumer Protection Act*. Satu *express exclusion* ialah sektor penerbangan dikecualikan. *That means* kalau kita dulu sebelum pindaan itu, *I think* Jun 2015 sebelum pindaan itu kalau pengguna tidak puas hati dengan perkhidmatan atau *rate* yang dicaj oleh mana-mana syarikat kapal terbang dia ada dua pilihan. Satu, dia boleh pergi melalui Akta Perlindungan Pengguna atau dia boleh pergi melalui Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia. *That was a new Malaysian aviation* punya *procedure*.

Akan tetapi selepas pindaan itu tidak ada pilihan. *That was an express exclusion made*. *That means* kalau *you* tidak puas hati, *you* tidak boleh menggunakan Akta Perlindungan Pengguna, *you* hanya akan kena gunakan Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia. Mungkin kita ingat dari segi *on the surface of it* mungkin kita nampak macam tidak ada implikasi fasal masih ada peluang untuk buat aduan. Akan tetapi implikasi dia banyak. Dari segi penalti yang dibenarkan oleh Akta Perlindungan Pengguna, dia berbeza dari Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia.

So pada saya, *I* ingat kita perlu- ini bukan bagi pihak saya sahaja tetapi kalau kita tengok juta-juta rakyat Malaysia menggunakan perkhidmatan kapal terbang sekarang. Kawan saya dari Pasir Mas pun dia cakap fasal Malindo tadi dan sebagainya. So pada saya, *I think* kementerian kena bagi satu jawapan sekarang sama ada perkhidmatan penerbangan akan termasuk dalam ini. *Because* kalau esok kita lulus ini, *the whole pricing system of the airline industry* akan *change*. AirAsia tidak boleh keluarkan *advertisement* RM199 dan sebagainya. *The whole thing* akan *change*. So pada saya, saya perlu satu jawapan dari kementerian. Ini dua sahaja, satu cadangan, satu soalan secara ringkas. Ini secara ringkas tetapi saya harap jawapan itu bukan secara ringkas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan khuatir jawapan tidak akan ringkas, Yang Berhormat Menteri sendiri sudah datang untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah.

12.38 tgh.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi pandangan, berucap di dalam membincangkan Rang Undang-undang Anti'pancutan'- eh 'pancut' apa, 'pancutan' apa pula ini... [*Dewan ketawa*] 'Pencatuan', pencatutan. Ini bahasa ini berat. Ini perut sudah lapar jadi 'antipancutan'. Berat kita.

Saya juga patut mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada pihak kementerian kerana suka ataupun tidak suka, kita menyedari tugas ini bukanlah satu tugas yang

mudah. Pihak kementerian bahkan pihak kerajaan mengambil inisiatif yang cukup banyak ya untuk membanteras masalah kenaikan harga bahkan pihak kerajaan pula mencadangkan berbagai-bagai-bagai langkah untuk membantu rakyat menghadapi masalah-masalah kos sara hidup dan kenaikan harga barang ini.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua bahawa pihak kementerian ingin melaksanakan pindaan ini dengan secara serius dan saya percaya mereka membuat tindakan demikian atas dua sebab. Ini kerana mereka memikirkan tentang kepentingan rakyat, tentang kepentingan pengguna dan yang kedua saya rasa disebabkan banyak rungutan, disebabkan banyak komplain daripada pihak rakyat dan disebabkan juga yang paling teruk pada hari ini, apa yang berlaku yang sebenarnya akhirnya kerajaan akan dituduh. Harga barang naik kerajaan akan dituduh. Walhal kita sedia faham lumrah alam, tiap-tiap barang yang naik itu mesti ada masanya turun.

■1240

Saya masih ingat masa saya muda-muda saya menyanyi lagu, '*What Goes Up Must Come Down*'. Itu lumrah alam tetapi dalam kes harga barang ini, tidak pernah turun. Harga minyak naik pun dia naik, harga minyak turun dia pun naik. Ekonomi bagus pun dia tidak naik, ekonomi tidak bagus pun dia naik. Ringgit kukuh dia naik, ringgit tak kukuh pun dia naik. Ini macam ada satu masalah di sebalik ini. Walaupun saya tahu peniaga-peniaga ini mementingkan dari segi keuntungan yang melampau sebab mereka hendak jadi kaya cepat tetapi saya merasakan seolah-olah ada satu strategi yang terancang untuk memburuk-burukkan kerajaan supaya kerajaan ini dituduh zalim, tidak ambil keprihatinan kepada kebajikan dan kepentingan rakyat dan akhirnya rakyat akan marah dan rakyat akan menentang kerajaan.

Saya rasa saya tidak tahu, *I'm sorry if I'm wrong but* dalam hati kecil kita Tuan Yang di-Pertua, kita kena cari *the root cause* sebab saya rasa pelik. *Personally*, saya rasa pelik, tidak pernah barang turun. Macam dikatakan oleh sahabat saya tadi, minyak harga naik 5 sen, dia tarik naik 50 sen. Roti canai naik, harga ikan naik, harga segala barang naik. Baru-baru ini tular, *viral* video yang menunjukkan seorang lelaki dengan begitu marah. Saya lihat daripada mula sampai ke habis dia begitu marah, dia bercakap di hadapan pasar pagi-pagi pukul 3 subuh. Dia kata di hadapan saya ini tuan-tuan, saya hendak tunjukkan harga ikan, memang betul dia tunjukkan harga ikan. Harga ikan kembong RM18, harga ikan kembong.

Kerajaan kata, ikan kembong ikan rakyat. Ini RM18 ini ikan rakyat apa? Minta maaf cakap ya, dia kata '*kepala hotak hang*'. Perkataan '*kepala hotak hang*' ini pemimpin, kepala *hotak hang*. Ikan kembong RM18, ini apa cerita? Akan tetapi kalau kita teliti, kalau kita bertanya dengan peniaga-peniaga, peniaga mengatakan kami untung tidak banyak. Harga yang kami dapat daripada pemborong, daripada *middleman* yang tinggi, maka kami terpaksa naikkan harga. Persoalannya, pemborong ini apakah sewenang-wenangnya kita bagi kebenaran dan hak untuk menaikkan harga sesuka hati.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini serius. Saya cukup bimbang kalau sekiranya pihak kerajaan tidak mencari *the root cause* dan cuba mencari jalan menyelesaikan masalah ini dengan cepat sebab sudah pasti dalam mana-mana masyarakat jika ketegangan itu, perasaan stres, *tension*, ketegangan di dalam masyarakat, segala benda yang tegang tidak turun-turun akan mengakibatkan

masalah kesihatan. Itu masyarakat akan bermasalah. Janganlah ketawa, saya cakap fasal harga barang ini, bukan barang lain. Saya tahulah kebanyakan kita mungkin hendak barang naik tetapi dalam kes barang ini kita tidak suka, kita hendak barang turun walaupun Yang Berhormat Senator Tuan Isa, terima kasih barang yang dia bagi kita barang *free* untuk barang naik iaitu tongkat ali. Ada lagi kah?

So, maksudnya Tuan Yang di-Pertua, saya berasakan seolah-olah ada kartel, ada monopoli *super power* yang kebal. Ini kita kena *trace*, cari betul-betul, *once and for all*, kena *trace*. Kerajaan kena berani mencari *root cause* dan menyelesaikan masalah itu tidak kira siapa. Kalau dibiarkan berlarutan, segala-galanya naik, naik tidak pernah turun. Jadi ini saya rasa satu perkara yang cukup pelik kepada saya yang tidak patut berlaku. Sekurang-kurangnya bagi *chance* lah bila minyak turun, kita pun turunlah harga makanan tetapi tidak pernah turun. Yang menderita adalah rakyat, rakyat marah dan ini akan mengakibatkan satu masalah yang cukup besar kepada negara kita, kepada kerajaan.

Saya mengharapkan- itu yang pertama saya katakan tadi. Akan tetapi yang keduanya pula saya memikirkan pula rakyat kita ini, harga barang naik pun dia beli juga. Teh tarik naik pun dia minum juga. Harga kereta import mahal, dia beli juga tetapi dia marah kerajaan *tax* tinggi tetapi dia beli juga. Ia sebab kita *alhamdulillah* Malaysia ini *is blessed*. Kita *dok complaint-complaint lagu* mana pun, kita ini senang yang sebenarnya. *Complaint* macam mana pun harga naik, kita beli.

Tidak bolehkah kita gunakan kuasa pengguna iaitu kalau sekiranya barang itu tinggi, takkan tak ada benda lain yang tidak boleh kita makan. Kita tahu harga udang tinggi, ketam tinggi, jangan makan udang, jangan makan ketam. Kita tahu *chicken* harga tinggi, jangan makan *chicken*. Kita tahu daging tinggi, jangan makan daging. Kita tahu teh tarik tinggi, minum air kosong.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, minta satu penjelasan, sedikit saja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh celah. Silakan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Saya terima konsep *consumer power* dan sebagainya tetapi pada masa yang sama kita juga kena sedar bahawa bukan dalam semua industri atau semua produk kita ada *consumer power*. Sebagai contoh, okeylah saya setuju kalau benda ini naik, jangan makan, teh tarik naik, minum air putih dan sebagainya. Itu semua okey, kita ada pilihan. Akan tetapi cadangan Yang Berhormat Senator ini tidak boleh digunakan untuk beberapa produk.

Sebagai contoh, kalau kita ambil *pharmaceutical industries*. Masalah sekarang yang *biggest* ini kalau kita tengok dari segi *price control*. Saya balik kepada apa yang kita bahas dari segi *price control* ini. Banyak produk *essential* ini kita dah *cover* dalam *price control*. So pada saya beras, gula dan sebagainya *essential product* kita dah *cover*. Akan tetapi sekarang ini banyak ubat-ubatan itu sudah jadi macam *essential product*. Sebenarnya, saya ingat ramai di antara kita ini terpaksa gunakan *maintenance drug*, bukan semua macam Yang Berhormat Senator Tuan Isa, ada sumber-sumber lain. Contoh darah tinggi, diabetes dan sebagainya. Jadi soalan saya, saya terima apa Yang Berhormat cakap tetapi kena *qualify*, kecualikan industri-industri di mana atau produk-produk di mana kita tidak ada pilihan. Itu saja, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya setuju pandangan sahabat saya, Yang Berhormat Senator Chandra Mohan. Maksud saya, bolehkah kita secara terperinci melihat

bidang-bidang tertentu, industri-industri tertentu, bukan semberono kita hendak hentam semua, tidak. Itu maksud saya. Akan tetapi berikutnya saya katakan tadi, saya setuju kita ada pilihan. Di Malaysia ini apa yang tidak ada makanan. Untuk pengalaman sayalah pagi ini, pagi tadi saya bangun pagi terpaksa bergegas ke MAEPS kerana saya diminta untuk memberi ceramah dua jam daripada jam sembilan sampai ke pukul 11.

Jadi *normally* bila saya bagi ceramah, saya pakai baju biasa, seluar biasa dan baju kemeja lengan pendek. Selepas bagi ceramah, saya pun masuk kereta, saya pun tukar baju. Biasa saya tukar baju dalam kereta. Nasib baik masa tukar baju, *driver* saya tidak pandang belakanglah. Saya buka seluar, buka baju, dah pakai baju, dah pakai *tie* apa semua, saya pun pakai seluar. Saya pakai seluar dah tak boleh muat, nasib baik seluar yang saya bawa itu *color* hitam, ha ini *color* lain ini, nak tunjuk ini tak sama *color*. Nasib baik *color* hitam. Kalau tidak tadi saya bagi ceramah pakai *color* putih, tidak malukah saya masuk Parlimen pada hari ini seluar putih, baju *color dark blue*.

Maksud saya, saya sendiri merasakan kita orang Malaysia ini memang mewah. Cukuplah kita dah makan kenyang, dah makan banyak, *why can't we boycott*. Maksudnya macam Yang Berhormat Senator Chandra mengatakan tadi, kalau tidak suka makan, katakan harga *chicken* naik, jangan makan *chicken*, benda lain banyak, makan *vegetables*. Iaitu saya rasa kuasa pengguna mesti digunakan. Kita tidak boleh mengharapkan semua kerajaan kena buat. Silap sikit kita tuduh kerajaan. *Why not* kita sebagai *consumers*? Saya bukan hendak boikot selama-lamanya. Kalau sebulan itu saya rasa boleh mengajar pihak-pihak mereka ini, untuk sebulan sahaja. *Let us try*. Bahkan saya mencadangkan kita di Dewan Negara ini, kalau kita memulakan gerakan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tan Sri sekarang panggil mereka boikot?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Kita boikot iaitu barang-barang yang dinaikkan harga tidak tentu fasal, kita jangan beli. Kita boleh cuba satu, dua produk dahulu. Maksudnya Yang Berhormat Senator Chandra Mohan mengatakan banyak *choice* lain, makan benda lain. Tidak bolehkah kita buat macam itu? Akan tetapi kita tidak disebabkan kita orang Malaysia ini ada duit, naik harga tinggi pun kita beli, lepas itu kita *complaint*. Ini masalah kita orang Malaysia. Masalah kita terlampau hidup senang, kita mewah. Terus-terang saya cakap, kita mewah.

■1250

Saya sudah menjelajah seluruh negara Malaysia ini salah satu negara yang cukup mewah, jangan hendak persoalkan, itu realiti. Syukur *alhamdulillah*. Akan tetapi kita tahu dengan kemewahan tadi kita ada kencing manis, janganlah beli gula. Macam saya sekarang saya tidak adalah kencing manis tetapi saya minum air kosong.

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat, minta mencelah sedikit boleh, Yang Berhormat? Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dekat Yang Berhormat, yang pertama saya masih ingat lagi sewaktu Menteri menyatakan bahawa kalau ayam naik harga jangan makan ayam, *last* sekali Yang Berhormat Menteri jadi duta. Nasib baik Menteri kita ini dia tidak macam itu, dia prihatin dengan rakyat.

Kalau rakyat tidak makan ayam, semua pun masalah juga Yang Berhormat. Cuma kita kena ada satu kaedah macam mana kita hendak menyelesaikan masalah ini. Tidak payah boikot. Kalau kita

boikot semua, kalau Yang Berhormat Menteri pula suruh, alamat Yang Berhormat Menteri kita pun dengan pengalaman sebagai Timbalan Menteri Luar pergi jadi duta juga [Ketawa]

Saya bersimpati dalam soal ini. Memang saya bersetuju dengan rakyat untuk boikot dan sebagainya, saya bersetuju dengan Tan Sri tadi tetapi kita kena ada cara dan kaedah sebab saya terima teks daripada kawan saya, dia tidak sebut barang naik sebab barang naik ini dia banyak istilah, banyak makna. Dia kata dekat saya begini sahaja, di India ada satu sahaja yang "mahal", Taj Mahal di India. Di Malaysia ini banyak "mahal"- minyak mahal, ikan mahal, barang-barang mahal ini dia sebut satu persatu.

Jadi yang banyak "mahal" ini di Malaysia, di India satu sahaja "mahal"- Taj Mahal. Jadi dia tidak sebut pula barang naik, dia sebut barang mahal, segala-galanya mahal. Itu saya minta pandangan Yang Berhormat, kalau boleh kita jangan uar-uarkan itu. Saya kasihan juga kepada peniaga-peniaga yang tidak terlibat dalam kes-kes ini dan kebetulan harga barang naik. Mungkin kementerian boleh cari jalan hendak potong orang tengah yang menaikkan harga, terima kasih.

Dato' Jaspal Singh: Saya minta celah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak *add* sedikit apa yang dikatakan Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin tadi. Sebenarnya bila saya mendengar bahas Tan Sri, nombor satu kita ada harga-harga kenaikan harga dan Tan Sri membawa perkara harga ini dinaikkan sengaja. Bererti peniaga ini mereka mempunyai satu kartel. Bila-bila peluang ada, sama ada harga minyak naik kah turun tetapi mereka menggunakan peluang ini naikkan harga. Datang raya naikkan harga, musim tengkujuh naikkan harga, musim kemarau naikkan harga.

Bukankah lebih bagus kalau kita mencadangkan kepada kementerian, bahawa kita menggunakan *recommended prices* daripada hendak boikot ini. Kita tidak mahu negara kita ini hendak boikot, hari ini hendak boikot ini, boikot itu boikot ini. *Isn't it better* kalau kita *recommended price* seperti untuk kedai-kedai yang tidak ada *aircond*, teh tarik itu RM1.30, nasi dengan gulai ayam dengan sayur, RM5 kah, *isn't it better* kita mencadangkan *recommended price* supaya *consumer* sebab kalau kita tengok kedai mamak ini begitu banyak sekali.

Kalau kita masuk kedai ini kita tahu apakah *recommended price* dan dia jual katakan ABC daripada RM2 dia mahu RM5 jadi kita pergi tempat lain. Bukan hendak kata boikot tetapi sebab kita ada pilihan. *It thinks it is better* kita *recommend a recommended price, something* yang kementerian sepatutnya melihat kaedah ini supaya masyarakat tahu tempat ini mahal.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum dia jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada lebih kurang 11 orang lagi yang hendak berbahas dan Yang Berhormat Menteri minta khusus untuk menjawab soalan-soalan Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri pun ada kerja dekat luar so, saya hendak memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa jikalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah sentuh isu-isu yang sama, tidak payahlah Yang Berhormat berbahas. Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Sebelum Yang Berhormat Tan Sri jawab fasal yang dicadangkan oleh saudara saya...

Tuan Yang di-Pertua: Tan Sri bukan, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: *No*, sebelum penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat Dato' Jaspal tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Apa yang Yang Berhormat Dato' Jaspal cadang tadi ialah *it's calling for a drastic change* dalam Malaysia punya polisi *of new liberalism*. *So*, sama ada Yang Berhormat Tan Sri pun akan kalau terpulang pada jawapan *whether we are advocating drastic* atau *shift* dari segi sama ada Yang Berhormat Dato' Jaspal cadang *shift of the new liberalism policy* yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Tan Sri rumuskan, kalau boleh.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Berapa minit lagi ada, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tiga minit ini banyak lagi ini. Tadi Tuan Yang di-Pertua bagi nota boleh panjang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya bagi sampai pukul 1.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *[Ketawa]* Saya pun faham, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh. Terima kasih, silakan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih. Ini bukan perkara mudah saya pun tidak mahu sahabat saya ini jadi duta *[Ketawa]* *We want him to be around*. Saya rasa kerja yang dia buat selama ini memang *the best*. Dia turun ke bawah dia cuba membantu... *[Tepuk]* *So*, jangan jadi duta. *Please, stay with us*.

Akan tetapi saya hendak katakan tadi bila bercakap dari segi *chicken*, saya bukan hendak mencadangkan boikot semua barang. Oleh sebab macam kata saudara Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan kita ada *choice*. *Why not we try one item at a time*. Apa yang kita marah sangat barang itu terlampau tinggi harga, kita boikot barang, satu dua barang dahulu *as consumers*. Maksudnya saya tidak minta Yang Berhormat Menteri yang mulakan, pengsan dia nanti jadi duta. *Why not* kita mulakan, saya mencadangkan mungkin NGO boleh mulakan, badan-badan tertentu boleh mulakan bahkan Dewan Negara hendak mula pun sebagai satu gerakan *why not*. Apa salah kita memperjuangkan hak rakyat, itu yang pertama.

Saya terpaksa mencadangkan cara yang begitu agak kasar kerana saya cukup bimbang barang tidak pernah turun, tidak pernah turun. Ini satu perkara yang cukup pelik, itu yang pertama. Kedua, saya hendak menjawab dari segi *price* bahkan di dalam akta ini juga telah pun dicadangkan bahawa kita mempunyai 10B, ia mempamerkan pengiklanan, penyiaran atau sebutan harga. Ini termasuk cukai, duti dan caj kerajaan dan semua caj lain yang hendak dikenakan.

Ini saya rasa terima kasih kepada pihak kementerian sebab selama ini terutama kalau kita pergi ke hotel, kita hendak *check in*, kita ingat harga RM200 kemudian banyak bagi *charges* yang lain. Begitu juga baru-baru ini raya yang lepas saya hendak beli mata kucing kering hendak buat air bulan puasa, air mata kucing. Saya tahu di kampung saya itu memang harga mata kucing RM40. Bila saya bayar

ada *extra*, saya tanya kenapa ini GST. Saya kata kalau GST mana resit, tidak ada resit. Bermakna sesuka hati *how do we know* duit itu masuk poket dia, bukan pergi pada kerajaan pun.

Akan tetapi itu yang saya katakan tadi ada kala satu kartel, satu gerakan hendak membusukkan nama kerajaan. Jadi kalau sekiranya ini yang kita buat 10B ini, pastikan Yang Berhormat Menteri mereka ikut peraturan kita, arahan kita. Letakkan betul-betul *very clear*, okey harga sekian ini, caj dia GST terpulang kepada pengguna sekurang-kurangnya pengguna boleh fikir. Masalah kita hendak makan, kita order dahulu selepas itu baru datang bil. Kita tidak ada masa hendak fikir so letakkan harga termasuk barang makanan. Teh tarik berapa, roti canai berapa, itu satu cadangan yang cukup baik yang patut kita sokong.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian untuk menjalankan R&D- *research and development* yang melibatkan pelbagai agensi perniagaan, NGO mahupun persatuan-persatuan peniaga bagi menilai kadar harga lantai dan harga siling. Mesti ada harga lantai dan harga siling telah pun diterangkan oleh sahabat saya tadi terutama barang-barang keperluan yang sering digunakan. *Again*, barang-barang tertentu mesti ada harga lantai dan harga siling mesti ditetapkan oleh pihak kementerian, kalau ada peniaga yang ingkar kena ambil tindakan.

Tentang mengambil tindakan ini saya setuju, selama ini memang kita cukup-cukup baik hati, yang sebenar kerajaan ini terlampau baik hatilah, minta maaf cakaplah, lembut sangat. Bila kena ambil tindakan selepas ini sudah kita lepaskan. *Why not we are serious, show them we are serious, we are firm and straight*. Tertangkap ambil tindakan *waima* masuk jel, masuk jel.

Tuan Yang di-Pertua, satu dua orang kena yang lain takut tau tetapi kalau kita biarkan yang itu lepas, awak tangkap saya mana boleh yang itu lepas.

Tuan Yang di-Pertua: Macam MACC. Tangkap sabit kesalahan. Macam MACC kah?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, betul sama. Jadi ini yang saya hendak cadangkan. Ada kala saya minta maaf bila penguatkuasaan, Yang Berhormat Menteri ini pula lain cerita. Ada pula dikatakan *corruption* kita tidak ambil tindakan kerana dia hulur bawah meja, ini pun kena perhati. Benda ini sulitlah kita selesaikan satu langkah yang betul-betul diteliti, *once and for all* saya minta Yang Berhormat Menteri bersama dengan kita, kita akan sokong, kita akan cari jalan. *Please don't go away, don't be a duta, be our Minister [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri, sila duduk.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, terima kasih. Saya sambung petang ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1 tengah hari, Dewan akan bersambung balik pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Sambung perbahasan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

2.32 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Macam saya perkatakan tadi, tugas ini bukanlah satu tugas yang mudah dan tidak sewajarnya kita meletakkan tanggungjawab ini hanya kepada pihak Kementerian. Pihak Kementerian pun, mereka tidak akan mengambil apa-apa tindakan jika sekiranya tidak ada laporan daripada pengguna. Contoh yang sama boleh kita gunakan di pihak polis. Jika sekiranya kita tidak menghantar laporan kepada polis, polis pun tidak akan datang untuk *investigate*.

So, perkara yang sama ingin saya sarankan supaya sekurang-kurangnya di peringkat kita, Ahli Dewan Negara ini supaya kita sama-sama membantu menyarankan kepada pengguna di kawasan kita, di kawasan masing-masing, sekitar tempat kita tinggal untuk melaporkan sebarang salah laku peniaga agar pihak Kementerian dapat membuat tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi cadangan memasukkan seksyen baru 10C dan meminda subseksyen 28(1), saya menyokong penuh untuk diluluskan. Namun demikian, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian bahawa sebelum sesuatu pantauan dibuat, diminta pegawai atau wakil Kementerian dihantar ke premis perniagaan tersebut tetapi berpakaian seperti orang biasa untuk memastikan adakah dakwaan ataupun laporan pengguna tentang salah laku itu, benar ataupun tidak. Jika sekiranya kita dapati benar sewaktu pantauan dilakukan, Kementerian sudah mempunyai bukti yang kukuh untuk mengambil tindakan terhadap peniaga tersebut.

Saya melihat pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi mengimbangi keadaan terbaik untuk kedua-dua pihak sama ada pihak peniaga mahupun pihak pengguna. Namun begitu, seperti ada segelintir peniaga yang masih mengulangi walaupun telah diambil tindakan. Kita dapati mereka masih mengulangi. Mereka tidak serik. Walaupun mendapat amaran dan tindakan daripada Kementerian, seperti mereka tidak gentar atau mencabar sesuatu undang-undang. Persoalannya, adakah tindakan hukuman dan amaran kepada peniaga itu belum cukup berat atau mereka memang sengaja bertindak demikian. Saya mohon jika masih ada peniaga yang degil, pihak Kementerian tarik semula lesen perniagaan mereka. Mereka ini ibarat, "*kerana nila setitik, rosak susu sebelanga*". Secara tidak langsung, peniaga-peniaga lain akan turut terpalit sama kerana segelintir peniaga yang melakukan kesilapan.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, saya amat berharap pandangan yang saya berikan mampu membantu sedikit sebanyak kepada Kementerian dalam memperkasakan akta ini.

Saya ingin mengucapkan syabas, tahniah dan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri atas segala usaha yang dilaksanakan dalam membantu membangunkan negara dan mendahulukan kebajikan rakyat. Dengan itu saya menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Silakan Yang Berhormat Tuan Khairul Azwan.

2.36 ptg.

Tuan Khairul Azwan Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya hendak ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana dengan sendirinya hadir pada sesi petang ini untuk mendengar dan menjawab segala pertanyaan daripada Ahli-ahli Dewan Negara. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri.

Pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak menyokong pindaan rang undang-undang ini. Cuma saya hendak tambah sedikit dan mungkin boleh mencadangkan beberapa perkara. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar daripada Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan, daripada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah bercakap soal kartel yang wujud dalam rentetan *supply chain* yang ada dalam negara kita. Saya tidak bercadang untuk hendak menjelaskan apa maksud kartel tersebut tetapi kita semua sedia maklum. Dalam hal ini, baru-baru ini pun tadi Tan Sri sebut dengan jelas dalam harga ikan kembong pun kita semua tahu, *the landing price* dekat pantai sekitar RM8 sekilogram. Apabila tiba ke peruncit yang akhir, pengguna terpaksa membayar sekitar RM18 hingga RM22 sekilogram pun ada, Tan Sri.

Cuma dalam hal ini, kita tidak menyalahkan peniaga. Mereka juga perlu membuat keuntungan sedikit. Akan tetapi saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri. Kita ada banyak undang-undang sedia ada termasuk Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan ini, kita juga ada Akta Saingan ataupun *Competition Act* yang sudah wujud lama dan ada juga agensi yang bertanggungjawab untuk menjaga dan melaksanakan undang-undang tersebut iaitu *Malaysian Competition Commission*.

Dalam hal kartel ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu mungkin di Malaysia ini dalam konteks barang-barang pengguna ini, wujud satu kerjasama di antara pembekal-pembekal dalam negara. Dalam hal ini saya hendak tanya sejauh mana tindakan pembetulan daripada pihak Menteri sendiri, kementerian untuk melihat apakah berlaku satu kesepakatan di antara pembekal-pembekal ataupun persatuan-persatuan pembekal yang ada sehingga menyebabkan *the price fixing* itu wujud. Apa *price fixing* itu wujud, maka peruncit akhirnya tiada pilihan untuk menerima apa sahaja harga yang diberi oleh pembekal-pembekal tersebut. Maka mereka terpaksa, *they have to translate*, dengan izin, *into the end, the final price to the consumers*.

Jadi dalam hal ini, saya minta mungkin pihak Menteri boleh perjelaskan dan sejauh mana keberkesanan pemantauan dan juga kawalan harga barang itu selain daripada KPDNKK sendiri yang dibuat oleh pihak *Malaysian Competition Commission* ini kerana saya percaya, saya ada baca juga dalam undang-undang sedia ada oleh *My Competition Commission* ini, ada kuasa-kuasa tertentu untuk menahan dan menangkap sekiranya wujud kesepakatan di kalangan kartel-kartel ataupun persatuan-persatuan pembekal dalam rentetan ataupun dalam *supply chain* setiap barangan tersebut.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sangat-sangat dengan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan tadi. Tan Sri mencadangkan pelbagai cara untuk mengawal tetapi ada juga kadang-kadang barang-barang itu tidak menjadi barang pilihan kepada pengguna. Sebagai contoh, produk-

produk *pharmaceutical*. Ada saya hendak menarik perhatian sedikitlah. Sebagai contoh, ubat hendak mengawal kandungan kolesterol kita, *statin*. *Statin* ini agak mahal, Tuan Yang di-Pertua.

■1440

Ya, kita boleh peroleh ubat *statin* daripada hospital-hospital kerajaan tapi kadang-kadang jumlah kuantiti yang boleh dibekalkan oleh hospital kerajaan itu amat terhad. Hari ini hendak mengawal kolesterol ini, kita tahu kalau kita pergi buat pemeriksaan darah, kalau kadar kolesterol kita melebihi sehingga ke *borderline* 5.6 itu, bermakna kita boleh secara sendiri pergi ke farmasi dan *the pharmacist will prescribe for us* ubat *statin*, tetapi kita tidak tahu harga *statin* ini mahal. Kadang-kadang harga itu tidak diceritakan ataupun tidak diberitahu berapa harga sebenar. Saya difahamkan di pihak Kementerian Kesihatan tiada pun undang-undang atau agensi yang boleh mengawal harga barang-barang *pharmaceutical* ataupun ubat-ubat.

Maka, di sini, saya minta mungkin atas cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Chandra Mohan tadi, mungkin pihak kementerian boleh melihat juga untuk menyenaraikan dalam undang-undang Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan ini untuk memastikan juga barang-barang ubatan ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana itu bukan pilihan kita. Kita terpaksa membeli. Jadi mungkin itu boleh diambil kira oleh pihak kementerian.

Dan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat usaha yang dibuat oleh pihak Yang Berhormat Menteri, pihak kerajaan ini amat bersungguh-sungguh. Yang Berhormat Menteri bekerja kuat, balik lewat, masuk ofis awal, turun padang. Saya ucap tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana bersungguh-sungguh hendak bantu rakyat ini, hendak bantu pengguna.

Akan tetapi, kadang-kadang kita lihat juga kalau tidak ada kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri- kita bercakap soal NBOS, kita bercakap soal *National Blue Ocean Strategy*. Di peringkat kerajaan negeri pun kita ada agensi-agensi yang berkaitan. Sebagai contohnya, badan-badan kerajaan tempatan yang mempunyai *enforcement* juga. Saya tak pasti sejauh mana undang-undang atau enakmen yang ada di peringkat negeri itu boleh diseragamkan ataupun boleh menyokong undang-undang yang dibuat di peringkat Persekutuan. Mungkin, cadangan saya, di peringkat kerajaan negeri perlu dilihat juga supaya soal kita hendak mengawal harga barang ini, Tuan Yang di-Pertua, semua pihak boleh memainkan peranan.

Hari ni saya menawarkan diri juga. Kalau sebagai Ahli Dewan Negara saya boleh dilantik sebagai pengawal harga barang ataupun untuk *monitor* harga barang, saya menawarkan diri. Akan tetapi kena ada kuasa sedikitlah. Kalau sekadar memantau dan menyampai laporan, kadang-kadang dia tidak ada keberkesanan yang sungguh. Mungkin sebagai Ahli Dewan Negara ataupun mungkin di peringkat Dewan Rakyat pun, wakil-wakil rakyat boleh diberi sedikit kuasa selain daripada kita memantau dan menyampaikan laporan kepada pihak yang berwajib ataupun yang berkaitan, kita pun boleh ambil sedikit tindakan.

Saya tidak pastilah sejauh mana, tetapi mungkin dengan itu, sebagai tanggungjawab kita sebagai pemimpin, mungkin ianya boleh dilihat bahawa kita juga membuat sesuatu untuk menyokong hak-hak pengguna yang ada dengan kita memainkan peranan yang lebih kerana pengharapan juga

diberikan kepada wakil-wakil rakyat termasuk juga Ahli-ahli Dewan Negara. Jadi mungkin itu boleh dicadangkan kepada pihak kementerian.

Kepentingan utama akta yang dipinda ini, kita faham, adalah untuk menetapkan peraturan bagi memastikan tiada peniaga yang menjual barang atau perkhidmatan dengan harga yang tidak munasabah. Saya setuju kalau ini satu mekanisme untuk memastikan *single pricing*. Tujuannya untuk elak daripada *hidden charges* yang ada. *Consumers* ataupun pengguna boleh tahulah, kalau boleh harga yang dipamerkan itu juga boleh diberitahu sebenar apakah komponen-komponen yang ada dalam itu selain daripada GST.

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan sudah tiba waktu, masa dan ketika pihak kementerian perlu diberi sokongan sepenuhnya oleh kesemua lapisan masyarakat termasuk daripada kumpulan-kumpulan, persatuan-persatuan pengguna yang ada. Kerana apa? Kita mempunyai pelbagai undang-undang sedia ada yang boleh kita guna sama-sama untuk memastikan akhirnya manfaat dan kebaikan itu rakyat dapat rasa dan rakyat juga dapat menghargai usaha yang dibuat oleh kerajaan dengan harapan supaya rakyat tidak ada lah sikit, sikit salah kerajaan. Sikit, sikit, salah kerajaan. Barang naik pun salahkan kerajaan. Kerana apa? Kerana rakyat dilibatkan juga dalam soal kita hendak menentukan nasib dan hak mereka itu terbela bersama-sama.

Jadi, itu sahaja daripada saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah sekali lagi dan saya menyokong Rang Undang-undang Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2017. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. So, Yang Berhormat Menteri, oleh sebab Yang Berhormat Senator tidak ada kawasan, bolehlah guna pakai Ahli-ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad bin Mustafa.

2.45 ptg.

Tuan Haji Muhamad bin Mustafa: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan pindaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan pindaannya.

Tuan Yang di-Pertua, bersama kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Dewan Undangan Negeri Kelantan di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk mewakili Kerajaan Negeri ke Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dewan di atas tauliah pelantikan saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini. Semoga Allah SWT memberkati kita semua, serta memberi taufik dan hidayah dalam menjalankan tugas untuk memakmurkan negara dan menjaga kepentingan rakyat di semua peringkat.

Saya cukup gembira mendengar banyak pandangan dan ucapan daripada Ahli Yang Berhormat Senator dalam Dewan ini. Jadi, saya sebagai ahli yang baru, saya ingin memulakan ucapan sulung saya ini dengan suatu amanat Allah SWT selaku pihak Yang Maha Agung, pencipta pada seluruh alam dan insan, di mana amanat ini selalu dibaca di setiap hari Jumaat. Amanat agung ini

berbunyi... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Antara maksudnya, sesungguhnya Allah SWT memerintah supaya kamu melakukan keadilan dan ihsan. Dia melarang melakukan keburukan, kemungkar, kezaliman. Dia menasihati kamu supaya kamu mengambil ingatan. Ini merupakan amanat agung daripada Allah SWT Yang Maha Agung di mana kita semua mesti mematuhi.

Kerajaan adalah pihak berkuasa yang bertanggungjawab secara langsung untuk menguatkuasakan amanah ini agar keadilan dan ihsan kepada semua pihak dalam semua aspek dapat ditegakkan di seluruh negara. Manakala kejahatan, kemungkar, kezaliman dalam semua sektor kehidupan dapat dihapuskan melalui penguatkuasaan undang-undang yang dilakukan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang berusaha bersungguh-sungguh dalam menjaga keadilan dan ihsan serta mencegah kejahatan dan kezaliman dalam sektor tanggungjawab kementerian ini melalui penggubalan dan penguatkuasaan undang-undang yang berkenaan khususnya Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan dan pindaannya pada tahun 2017.

Kita harap akta ini dapat dikuatkuasakan dengan sempurna setelah diluluskan di Dewan yang mulia ini memandangkan gejala ekonomi dan sosial serta kerosakan integriti sesetengah pihak, sama ada peniaga yang ingin mengaut keuntungan secara tamak dan haloba semakin mengganas dan meluas di akhir-akhir ini. Ini dibuktikan dengan pelbagai peristiwa yang disiarkan oleh akhbar dan kita dapat melihat bagaimana penipuan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan pihak kerajaan memang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasinya.

Walau bagaimanapun, penghormatan kepada pihak pembekal atau peniaga mesti kita jaga kerana mereka adalah memberi sumbangan yang besar kepada negara untuk membekalkan keperluan kepada rakyat.

■1450

Tanpa mereka, sudah pasti barang-barang keperluan ini tidak sampai kepada rakyat. Jadi tidak bolehlah kita hendak tuduh sembarangan ataupun tidak memberikan penghormatan langsung seolah-olah mereka ini tidak berintegriti. Sebenarnya, yang terlibat itu hanya sebahagian sahaja. Jadi saya sangat bersetuju dengan ucapan yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini dan kita menyokong penuh apa yang diucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, barang-barang yang diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan di bawah seksyen 5, Akta Kawalan Bekalan 1961, dan dinyatakan dalam Jadual 1, Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974. Kalau tidak silap saya berjumlah 22 jenis barangan kawalan. Tujuan pindaan Akta Kawalan Harga ini ialah untuk mengawal supaya harga dapat dinyatakan dengan jelas secara terangkum. Cuma tinggal lagi ialah bagaimana dengan barang-barang yang tidak termasuk dalam jadual 22 jenis barangan ini. Misalnya, barang-barang yang dijual oleh orang-orang kampung melalui pihak-pihak tertentu yang memang mereka itu kalau kita tengok secara keseluruhannya memang barang ini ada tiga jenis.

Pertama, barang yang memang tidak dikawal. Kedua, barang yang dikawal oleh kerajaan dan satu lagi barang yang memang tidak boleh dikawal, memang tidak boleh dikawal oleh kerajaan. Jadi, agak sulit bagi Kementerian untuk memastikan keseluruhan barang-barang yang memang pada asalnya tidak boleh dikawal. Jadi bagaimana pihak Kementerian untuk memastikan senarai barang-barang yang di luar kawalan ini supaya ia juga dapat dikawal dengan sebaik-baiknya?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah banyak apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebelum ini untuk memberikan peluang kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain. Jadi saya tidak panjangkan ucapan cuma ada beberapa soalan yang saya hendak kemukakan bersama kesempatan ini.

Pertama, adakah pihak Kementerian mempunyai kekuatan yang cukup dalam menjalankan penguatkuasaan terhadap akta ini? Saya harap sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat sebelum ini supaya pihak Kementerian memberikan kerjasama yang meluas dengan pihak NGO dan juga semua pihak berganding bahu supaya termasuklah pihak pembekal dan peniaga itu sendiri bersama dengan pengguna supaya kedua-dua pihak ini dapat dijaga dengan baik.

Maknanya pihak kerajaan dapat menjaga pihak peniaga atau pembekal dan kerajaan juga dapat menjaga hak rakyat. Jadi semua pihak mendapat haknya masing-masing, tidak ada hak yang dicerobohi. Hak peniaga pun dijaga dan hak pengguna pun dijaga supaya negara ini mempunyai peniaga dan pembekal yang beramanah. Demikian juga dengan pengguna yang berhemah supaya negara ini menjadi suatu negara yang maju dan negara yang dirahmati oleh Allah SWT dengan menjaga amanah masing-masing supaya yang berhak mendapat haknya dan orang yang tidak berhak, dikawal supaya mereka tidak mencabuli hak orang lain.

Satu perkara yang rasanya tidak banyak disentuh di Dewan ini ialah mengenai penggunaan agama itu sendiri. Sebagaimana kita sedia maklum, negara kita ini adalah negara Islam dan termaktub dalam Perlembagaan bahawa Islam adalah Agama Persekutuan. Jadi sejauh mana pihak Kementerian mengguna ia punya instrumen agama khususnya agama Islam kerana mengikut pandangan saya, faktor agama ini merupakan faktor yang boleh mengawal manusia daripada dalam. Undang-undang hanya dapat mengawal manusia dari luar. Jadi kedua-dua ini kita perlu padukan supaya manusia dapat dikawal daripada dalam melalui agama masing-masing sama ada agama Islam atau bukan Islam dan ia juga dapat dikawal dari luar melalui undang-undang.

Sekiranya kuasa agama ini dapat digarapkan dengan baik melalui pendidikan agama, sama ada agama Islam dan juga agama-agama yang lain. Saya yakin, kerjasama yang bersepadu ini dapat membantu kerajaan untuk membasmi sifat mazmumah, sifat buruk yang ada dalam diri manusia itu sendiri. Ini kerana undang-undang tidak dapat mengawal hati manusia itu kecuali ia melalui agama dan melalui ajaran Tuhan. *Insyah-Allah*, dengan usaha yang bersepadu ini, negara kita akan dapat menikmati rakyat yang beramanah, peniaga yang beramanah, pemimpin yang beramanah dan semua pihak menjaga amanah dan menjaga hak masing-masing. *Insyah-Allah* barangkali dengan pertolongan Allah, Kementerian ini akan dapat menjalankan tugasnya dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih. Saya mohon menyokong. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat, ucapan sulung. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

2.56 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, saya menyambut baik usaha kerajaan mewujudkan seksyen baru 10B iaitu berkait dengan harga terangkum ini yang memastikan ketelusan dan penyeragaman pempameran harga akhir barangan atau perkhidmatan kepada para pengguna. Cuma saya ingin mengulangi kembali dan menyatakan persetujuan saya dengan apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan berkait dengan di samping harga terangkum ini, perlu adanya *breakdown* kepada harga ini. Ini adalah bagi memastikan kesedaran ataupun celik kepenggunaan di kalangan pembeli. Di sebalik ketelusan daripada harga, mereka juga perlu disedarkan tentang apa yang sebenarnya mereka bayar. Itu yang pertama.

Kedua, di samping itu terdapat beberapa masalah lain berhubung dengan pempameran harga barang oleh para penjual yang menimbulkan kekeliruan kepada para pengguna. Saya kira pihak kementerian seharusnya mengambil berat memantau bagi memastikan beberapa situasi kekeliruan yang akan saya sebut ini dipantau dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

Pertama, daripada sudut mempamerkan harga barang, terdapat situasi di mana peniaga mempamerkan harga barang, terdapat dua gred barang yang berbeza yang dipamerkan oleh penjual dengan harga yang berlainan. Sebagai contoh, barang gred 'A' dengan kuantiti yang banyak diletakkan bersebelahan barang gred 'B' dengan kuantiti yang sedikit tetapi harga barang gred 'A' ditulis dengan huruf saiz kecil sedangkan harga barang gred 'B' ditulis dengan saiz huruf yang besar. Ini menyebabkan pengguna keliru. Dari jauh, pengguna memahami bahawasanya harga barang gred 'A' tersebut adalah terpakai bagi harga murah yang dipamerkan sebenarnya untuk gred 'B'. Jadi, atas kekeliruan tersebut, pengguna telah membeli barang tersebut dengan *expectation* harganya adalah harga gred 'B'. Memang ini adalah kekeliruan pengguna tetapi dari sudut pempameran itu, memang menimbulkan kekeliruan yang saya kira perlu diberi tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

Kedua, antaranya ialah harga yang di pamer di rak-rak menggunakan saiz *font* yang kecil menyebabkan kesukaran pengguna membaca maklumat harga yang dipamerkan.

■1500

Penggunaan saiz *font* yang besar dan sesuai untuk mempamerkan harga barang adalah sangat penting bagi memudahkan pengguna meneliti harga barang dan tidak mengambil mudah berkait harga barang yang dikenakan. Jadi, setiap kali kita ke pasar-pasar raya, apabila kita ingin cuba untuk meneliti berkait dengan harga barang, apabila keadaan untuk membaca itu agak sukar. Jadi pengguna akan mengambil mudah dan menyebabkan mereka tidak *alert* dan membayar, tidak kira berapa harganya. Jadi saya mohon perkara ini, walaupun kelihatannya kecil akan tetapi mempunyai *effect* yang sangat besar kepada pengguna keseluruhannya.

Ketiga, harga barang di rak-rak juga kadang-kadang tidak sama dengan barang yang dipamerkan. Kemungkinan tanda harga di rak adalah untuk barang yang telah lama habis dan ia tidak dikemas kini. Ini juga menimbulkan kekeliruan kepada pengguna.

Situasi yang keempat, harga diskaun yang bertempoh. Seperti kita dapat lihat di pasar raya, menulis diskaun 10 peratus daripada 10 hingga 11 Ogos. Akan tetapi, pada 12 Ogos harga tersebut masih lagi dipamerkan dan ini juga memberi kesan kekeliruan kepada pengguna yang menimbulkan silap faham kepada pengguna yang akhirnya pengguna menanggung risikonya.

Jadi situasi yang saya senaraikan tadi merupakan antara tindakan pempameran harga barang oleh penjual secara sengaja atau tidak sengaja telah mengelirukan dan menyelewengkan maklumat harga kepada pengguna menyebabkan pengguna teraniaya antara sedar ataupun tidak. Sehubungan itu, selain mewujudkan kesedaran pengguna, ketegasan penguatkuasaan dan kerajaan dalam hal ini sangat diperlukan.

Terakhir, berkait dengan penguatkuasaan dan pemantauan. Kita yakin perundangan yang digubal di samping akta, peraturan-peraturan dan garis panduan dan sebagainya. Ia sebenarnya telah hampir lengkap. Akan tetapi, di mana-mana kementerian dan jabatan sekalipun isunya adalah penguatkuasaan dan saya yakin di pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ini juga, masalah yang besar dihadapi adalah penguatkuasaan dan sumber manusia untuk penguatkuasaan.

Salah satu pihak yang turut bertanggungjawab di pasar-pasar, terutamanya pasar-pasar basah yang melesenkannya adalah pihak berkuasa tempatan. Pihak berkuasa tempatan sendiri mempunyai pengawas-pengawas yang saya yakin mereka selalu memantau dan mereka ini dekat dengan aktiviti penjualan.

Jadi sebelum ini saya telah pun mencadangkan dan saya turut menyarankan agar operasi bersepadu, operasi bersama penguatkuasaan harga barang sentiasa dibuat secara bersama dengan anggota-anggota penguatkuasaan di PBT yang turut saya rasa melalui undang-undang kecil pasarnya, turut ada kuasa untuk memantau harga barang akan tetapi daripada sudut bidang kuasa tugas, saya tidak pasti setakat mana ianya diselaraskan. Akan tetapi, pengawas di pasar-pasar ini sebenarnya antaranya berperanan untuk melihat dan memantau aktiviti-aktiviti peniaga di pasar-pasar.

Jadi dengan itu, tenaga-tenaga ini perlu *dioptimizedkan*. Jadi bukan setakat perkara ini dimaknanya penguatkuasaan *dicentralizedkan* khusus kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sahaja akan tetapi pihak-pihak lain yang berada di lokasi turut *dioptimizedkan* penggunaannya.

Jadi saya rasa setakat itu sahaja dan ini adalah isu-isu yang sangat rapat dengan rakyat. Jadi saya mohon semua yang terlibat dengan isu ini, kenaikan harga barang semuanya mengambil peranan yang terbaik untuk memastikan terbaik untuk rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada lagi tiga rang undang-undang untuk diluluskan pada hari ini. So, saya hendak singkatkan masa kepada tiga minit. Tolong. Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook, silakan.

3.05 ptg.

Tuan Aknan Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak ringkaskanlah sebab yang mukadimah itu sudah cerita panjang. Saya teruskan kepada isu Yang Berhormat Menteri.

Pertama sekali tadi, kawan-kawan kita bercakap tentang kenaikan harga. Saya hendak bercakap dari segi aspek yang sebaliknya iaitu penurunan harga. Harga bukan barangan pengguna, tetapi barangan komoditi yang dijual oleh pekebun-pekebun kita. Ini kerana kita dapati bahawa, sementara kita melindungi pengguna yang membeli barang, mungkin juga kementerian perlu lihat bagaimana kita hendak membantu melindungi hak penjual getah, penjual sawit sebagainya.

Ini kerana saya dapati pembeli ini tidak mempamerkan harga. Jadi penjual ini terpaksa bawa produk tersebut kepada pembeli, kemudian dia yang menetapkan harga. Jadi kalau di *supermarket*, pengguna boleh tengok harga, berapa harga produk tersebut. Mungkin penjual juga boleh mendapat kemudahan sedemikian. Jadi dia boleh pilih ke syarikat mana atau pembeli mana dia boleh menjual produk tersebut.

Kedua, tentang isu timbang sukat. Penjual getah walaupun penjual sawit ini terdedah kepada manipulasi oleh pembeli terutama dari segi mesin timbangnya, kita tidak pasti berapa kerap mesin tersebut *calibrate*. Kemudian dari segi potongan-potongan itu saya tidak hendak sebutlah terlalu subjektif. Akan tetapi, kalau kementerian boleh pastikan bahawa mesin yang digunakan untuk menimbang bahan-bahan komoditi ini *dicalibrate* mengikut jadual dan sekiranya *calibration* tidak dibuat dengan baik mungkin denda yang setimpal dikenakan untuk mengelak daripada mereka terus menggunakan mesin timbang ini untuk menganiaya penjual-penjual produk-produk komoditi ini.

Saya harap pihak kementerian dapat melihat perkara ini. Jadi saya tidak mahu memanjang-panjangkan cerita, dengan itu saya ingin menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, silakan.

3.07 ptg.

Dato' Jaspal Singh: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang saya membahaskan Rang Undang-undang Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Saya terfikir macam mana hendak ringkaskan perbahasan saya, ketiga minit ini.

Saya begitu tertarik dengan topik ini sebab itu bila saya balik ke kampung terutama keluar bandar. Semua orang-orang kampung dan kebanyakan orang selalu berbincang tentang kenaikan harga, ini mahal, itu maha dan macam-macam. Saya hendak tambah sedikit kepada apa yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad, Presiden MSM akan tetapi dia tidak ada di sana tentang Taj Mahal, dia kata dekat India yang paling mahal Taj Mahal. Dia beritahu harga minyak murah, tetapi saya hendak mengambil kesempatan ini sebab baru-baru ini saya telah pergi ke India dan saya dapati bahawa harga minyak di India dua kali setengah ganda daripada Malaysia dan barang-barang di sana pun begitu mahal sekali.

Saya begitu tertarik dengan satu laporan Yang Amat Berhormat Menteri yang keluar semalam, *Bloomberg* di mana mereka telah melihat ke harga minyak dan *affordability*. Harga minyak di Malaysia

adalah *ranking* dia daripada harga di seluruh dunia adalah *ranking* nombor enam termurah dan *affordability* menggunakan hanya 6.42 peratus daripada *income* seorang, *Bloomberg article* yang telah buat banyak *research*.

Kalau kita *compare* dengan Thailand, harga minyak Thailand *double* Malaysia dan *affordability* dia mengambil 20 peratus daripada *income* seorang. Harga di Indonesia, satu setengah kali ganda daripada Malaysia, *ranking* dia nombor sembilan dan mengambil 22 peratus daripada *income* seorang.

■1510

Di *Philippines*, harga dia 1.8 kali ganda harga Malaysia dan 40 peratus daripada *income* seorang itu digunakan untuk minyak. Ini bererti, kementerian ini memang kerja kuat. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, *because we are one of the cheapest*- harga minyak Malaysia ini walaupun dia kata harga naik turun itu, tetapi antara yang termurah dalam dunia. Dari *affordability is only 6.42 percent of the income of the person*. Ini bukan daripada saya- *google*-lah *Bloomberg, report* ini keluar semalam Ogos 15, 2017. *So, this is a very good achievement* daripada kementerian bagaimana dia telah mengawal harga minyak walaupun subsidi dikeluarkan tetapi harga minyak yang termurah di antara tempat sini.

Kedua, saya telah pun melayari *Internet* masuk ke *Tesco* Thailand, *Tesco* India, *Tesco* Indonesia, *Tesco* Malaysia dan *order* barangan keperluan yang orang pakai hari-hari. Sekali lagi saya dapati bahawa harga di Malaysia ini antara yang termurah kalau *compare* dengan *country* ini semua. Apabila kita cakap harga sudah naik, jadi kalau naik itu *you must compare with some*- hendak kena *compare* dengan *some place*. Dengan kita *compare* dengan *some place* ini- jadi kalau kita hendak *compare*- hendak *compare* dengan harga dua puluh tahun dahulu tidak boleh. *So*, kalau kita *compare* dengan Thailand- kalau dari Sungai Petani pergi Danok, tengoklah sendiri harga dia macam mana. *I think in terms of pricing* ini, daripada *pricing* Malaysia punya harga keperluan rumah ini *is very reasonable and* antara yang termurah. Ini pun sekali lagi saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian.

Cuma satu ini, saya setuju bila kita pergi beli- baru-baru ini saya pergi beli *aircond* untuk *office*. Bila hendak bayar dia kata, "Oh, ada GST". Selepas itu dia kata, "Hendak pakai *credit card*? Ada *charge credit card* dua *percent*". Dia minta sewa *machine* pun dia kata, "*Machine* ini pun saya sewa satu bulan tidak tahu berapa, ini *machine* sewa kena tambah RM20 lagi". Jadi benda-benda ini saya rasa kita kena lebih konsisten. Jadi dengan adanya *price regime* ini, saya memang sokonglah *one price* ia kena masuk semua. Cuma saya hendak tanya kepada kementerian ini, kadang-kadang kedai itu dia *offer* boleh pakai *credit card* bayar sampai 12 bulan. Kalau kita hendak ambil skim macam itu- bila dia hendak jual dia cakap macam itu semua. Bila dia hendak *charge*, dia *charge* lima *percent* lebih ataupun lapan *percent* lebih.

Jadi yang ini *is it include in the act* tidak? Dua minit sudah? Saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar...

Tuan Yang d-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh: Sudah balik dah?

Tuan Yang di-Pertua: Mereka sudah balik.

Dato' Jaspal Singh: Kenapa hantar kepada saya? [*Ketawa*] Satu lagi ini, yang saya ragu Yang Berhormat Menteri ialah apabila kita beli barang-barang keperluan ini, yang kita selalu beli seperti *100plus- 100plus* ia punya harga kalau kita pergi ke kedai biasa bila kita beli *bulk* ia mungkin RM1.20 atau RM1.30 satu tin. Kalau kita pergi ke 7-Eleven mungkin RM2.20. Kadang-kadang kalau kita pergi ke kedai biasa mungkin RM1.80. Kalau kita pergi ke *airport-* semalam saya di *Alor Setar Airport* saya hendak beli *100plus* keluarkan RM2 tidak cukup, sebab harga ia RM3.50. Jadi saya rasa *maybe on every label* saya cadangkan kita adakan *recommended price*, supaya kita tahu yang ini sepatutnya *RM1.80* dan kita beli tempat ini mungkin RM3, *it is up to the consumer* dia hendak beli atau tidak beli. Akan tetapi *at least consumer* tahu bahawa *this is above the recommended price*.

Saya juga setuju- saya hendak tanya cuma satu dengan *pricing* ini, sebab saya selalu *travel*. Apabila saya tengok *suddenly advertisement* keluar pada *news paper* Malindo boleh pergi Alor Setar dengan harga RM60 boleh pergi sana- terus saya masuk *Internet* tetapi tidak sekali pun saya berjaya hendak dapatkan tiket ini, tidak sekali pun pernah.

Jadi *advertisement* dia keluar itu *free seats, free* ini, *free* itu, daripada Air Asia, Malindo macam-macam. Dari segi penerbangan ini, yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah tadi- saya setuju, adakah dengan pelaksanaan ini, apakah impak pada industri penerbangan? Di mana mereka mengeluarkan satu iklan *price* ini *valid* daripada bila *you* terbang daripada 15 Ogos sehingga 31 Disember boleh pergi Alor Setar untuk RM60 tetapi tidak dapat tiket ini macam mana? Bolehkah mereka membuat iklan seperti ini? Saya hendak tahu sama ada dia bolehkah atau tidak boleh, tiket yang *zero price, free ticket*. Akan tetapi bila *you* beli kena bayar *tax*, kena bayar ini, kena bayar itu selepas itu kena bayar sampai RM60. Benda-benda ini akan berlakukah ataupun sudah tidak boleh ada peluang untuk syarikat penerbangan membuat *advertisement* seperti ini? Itu sahajalah, terima kasih sekali lagi memberi peluang kepada saya. Saya dengan ini menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang d-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam permulaan ucapan Yang Berhormat cakap tiga minit tetapi sudah ambil tujuh minit. Silakan Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff

3.16 ptg.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tiga minit sahaja.

Pertamanya saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga barisan kepimpinan KPDNKK atas kesungguhan untuk memastikan rakyat Malaysia dalam keadaan yang sentiasa terbela. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah masalah- biar cerita dekat kita sedikit. Kita pun hendak tahu apa masalah di peringkat kementerian tentang bagaimana gerak kerja untuk buat penguatkuasaan. Ini kerana kalau tidak salah saya mungkin antara 2,000 hingga 2,500 orang penguat kuasa ditugaskan untuk mengurus hampir keseluruhan kedai-kedai, memastikan harga terkawal yang terangkum dan bukan terangkum.

Jadi saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, kalau tidak cukup penguatkuasaan- tadi Yang Berhormat Tuan Khairul Azwan cadangkan supaya kita pun terlibat dalam memantau harga. Saya cadangkan di sini, supaya boleh tidak 1,000- satu perpuluhan berapa juta lebih pegawai kerajaan ini dilantik sebagai pemantau harga dan diberi satu insentif kepada mereka dalam apa bentuk saya tidak tahu, supaya mereka dapat memantau dan memberi maklumat kepada kementerian dalam usaha untuk mengawal kenaikan harga dan penguatkuasaan. Ini kerana kalau ikutkan pada jumlah penguat kuasa, saya tidak berapa yakin dia dapat kawal dengan sepenuhnya.

Satu lagi perkara yang saya hendak tanya, sejak ada orang ramai yang menjadi pemantau berapa peratus yang mereka ini memberi maklumat balik kepada pihak kementerian? Akhir sekali saya juga mohon kepada Yang Berhormat Menteri agar dapat memantau pasar raya-pasar raya yang menggunakan troli halal dan *non-halal* ini, kerana Yang Berhormat Menteri pernah datang di kawasan saya mungkin hari itu dua, tiga hari keadaannya terkawal, tetapi sekarang ini dia balik kepada keadaan yang tidak dalam seperti yang Yang Berhormat Menteri kehendaki. Jadi itu sahaja yang saya harapkan. Saya mengharapkan supaya Yang Berhormat Menteri dapat menceritakan kepada kita apa masalah sebenar yang dihadapi, kekangan yang dihadapi oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

3.19 ptg.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengambil masa yang lama, saya akan teruskan kepada poin-poin soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ataupun macam ini, Ahli-ahli Yang Berhormat saya beri tiga minit itu kalau terpaksa juga bolehlah boleh ambil masa sikit.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* kepada kementerian, kepada teman-teman yang hadir semua. Saya hari ini agak tertarik sebenarnya dengan akta ini kerana dia melibatkan seperti yang diulang-ulang peranan rakyat itu sebagai pengguna. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya hendak nyatakan kerana saya melihat di dalam akta ini seolah-olah sedikit tidak mesra kepada pengguna. Hal ini kerana banyak yang ditekankan itu ialah kepada peniaga dan juga kepada pihak kastam sebagai pemungut cukai.

Kalau kita lihat yang pertamanya, antara maksud lain yang dikatakan memaparkan tanda harga itu Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah macam saya pergi kedai saya kena terima dengan akta ini satu harga yang telah dirangkumi dengan semua perkara dilekatkan kepada item yang saya hendak beli.

■ 1520

Sebagai seorang pengguna saya hanya akan tahu di mana jumlah cukai atau tambahan harga itu berlaku selepas saya membeli melalui resit yang saya dapati. Ini adalah sangat tidak adil kepada pengguna. Sebagai seorang pengguna dalam negara, kita harus didik mereka bahawa mereka mempunyai peluang untuk membezakan di antara satu kedai dan satu kedai, mana yang lebih tinggi dan mana yang lebih rendah.

Jadi dalam rang undang-undang ini, saya rasa mungkin juga kita perlu untuk memastikan peniaga-peniaga di luar sana memperincikan setiap data harga itu daripada cukainya kalau ada penambahan yang lain, ada yang lain itu disertakan item itu di tempat pameran harga itu Tuan Yang di-Pertua. Jadi bila pengguna itu masuk dia tengok, dia boleh nilai satu-satu benda itu mengikut apa yang dia tengok. Kalau dia rasa mahal dia pergi kedai yang murah dan kalau dia rasa boleh dia beli. Sebab saya tidak mahu nanti konsep ke hadapan peniaga boleh ambil jalan mudah dengan mengatakan kalau ada duit beli lah, kalau tidak ada duit tidak payalah beli.

Ini sekarang pun Tuan Yang di-Pertua ada peniaga-peniaga yang mengeluarkan ayat-ayat seperti itu kepada pengguna sedangkan memang hak seseorang pengguna itu bertanya tentang harga dan juga cukai-cukai yang dikenakan ke atas dia. Saya rasa mungkin pihak kementerian boleh melihat semula atau menggariskan semula agar peniaga ini juga dipastikan mempamerkan harga dengan teliti secara terperinci kepada setiap unit barang yang dijual kepada pengguna dan dipamerkan secara terang makna bukan beli dapat resit baru tahu kena cukai itu, kena tambah itu, kena tambah ini makna sebelum beli dia ada pilihan. Itu yang pertama.

Kedua, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian ialah tentang premis-permis jualan makanan di plaza-plaza tol 'Rehat & Rawat' ini. Saya pengguna tegar lebuhraya Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang sarapan pagi di lebuhraya, tengah hari dan malam dan sebagainya. Saya hendak bawa perhatian semua kepada kementerian, siapa yang memantau sebenarnya harga-harga makanan, jualan makanan di 'Rehat & Rawat' ini?

Contoh saya ambil Tuan Yang di-Pertua, di R&R Sungai Buloh, satu biji kuih pau bersaiz sederhana dalam dia inti kaya dijual dengan harga RM2.80 sebiji Tuan Yang di-Pertua. Ini tempat 'Rehat & Rawat' rakyat, orang berhenti dari kalangan umur dari kalangan kaya miskin tidak kira siapa. Dia berhenti hendak bawa anak-anak dia makan tetapi harga itu kadang-kadang tidak munasabah.

Contoh lagi saya hendak ambil ialah, jualan buah-buahan di 'Rehat & Rawat' ini. Satu paket makanan buah-buahan ini kadang-kadang ada dalam enam, tujuh potong sahaja Tuan Yang di-Pertua, itu pun halus-halus dijual dengan harga RM3 ke RM4 sepaket. Manggis di 'Rehat & Rawat', sekilo RM16, jambu air dijual sekilo RM10 sebab itu saya katakan, untuk pelancong-pelancong yang datang ada juga yang merungut dan berkata terlalu mahal walaupun mereka pelancong. Saya yakin mereka mampu beli tetapi apabila kita melihat bila dia kata bila dia pergi tempat lain di kedai luar daripada plaza tol harganya rendah. Akan tetapi harga di dalam plaza tol 'Rehat & Rawat' cukup tinggi.

Begitu juga saya minta adakah merangkumi juga ini kementerian akan memastikan setiap premis 'Rehat & Rawat' itu yang menjual makanan ini mempamerkan harga makanan mengikut hasil jualan dia? Maknanya kari kepala ikan, seketul ikan dia kena tulis RM3 kah RM4 kah sebab menjadi amalan rakyat Malaysia, dia masuk kedai dia baris panjang ikan itu satu, telur itu satu, sayur itu satu, sampai depan kaunter kira-kira RM8, yang dia tadi dia ingat RM6 tetapi dia kena bayar RM8. Jadi saya kira perlu juga kementerian memastikan 'Rehat & Rawat' ini, di setiap premis jualan itu mempamerkan tanda harga bagi setiap makanan yang dijual, contoh nasi goreng RM2.50 jadi dia boleh buat timbang kira kalau anak dia ada empat, lima orang, dia kena tengok poket dia juga dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya rasa mungkin kita boleh tengok juga perkara itu agar ia tidak membebankan pengguna khususnya di waktu-waktu puncak maksud saya waktu perayaan hendak balik kampung kita tahu, R&R ini akan jadi kawasan tumpuan untuk majoriti rakyat.

Saya hendak tanya juga Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kedai Rakyat 1Malaysia. Baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri umumkan Kedai Rakyat 1Malaysia ini mengalami masalah yang mana pemiliknya ialah *Mydin* yang kita tahu telah pun meletakkan barangan-barangan yang harganya itu luar daripada prinsip Kedai Rakyat 1Malaysia dan ini diakui sendiri oleh pemilik syarikat *Mydin* yang mana mengatakan bahawa memang ada barangan-barangan yang harganya lebih tinggi daripada harga luar dijual di dalam Kedai Rakyat 1Malaysia.

Kerajaan mengeluarkan peruntukan RM106 juta untuk membina premis-premis ini dilaksanakan di seluruh negara. Jadi saya hendak tahu di peringkat KPDNKK, apa tindakan yang telah dibuat setakat ini kepada pengusaha *Mydin* yang dengan jelas dan mengaku dia menjual produk-produk harga tinggi daripada harga yang di luar yang mana kita tahu secara prinsipnya Kedai Rakyat 1Malaysia adalah kedai yang dekat kepada rakyat. Itu yang saya hendak sebut yang ketiga.

Keempat, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut ialah soal harga minyak. Saya, ya lah memang hendak minta rasionalisasi kerajaan, sebelum ini ada ura-ura yang mengatakan akan naikkan harga minyak mengikut mingguan. Ini adalah satu kalau dibuat Tuan Yang di-Pertua, saya memandang perit rakyat di bawah yang sekarang pun sudah terbeban dengan kaedah kenaikan harga minyak setiap mingguan ini, kerana apa Tuan Yang di-Pertua, saya sebut kalau dahulu kawan-kawan yang gaji bersederhana dia buat perancangan penggunaan petrol dia mengikut gaji bulanan dia. Contohnya, dia dapat gaji bulan ini dia tahu harga bulan punya minyak dan akan *spend* simpanan untuk minyak sahaja selama sebulan.

Akan tetapi sekarang disebabkan harga minyak berubah-ubah mengikut minggu ada yang daripada mereka yang terpaksa lari bajet sebab apa kadang naik beban, kalau turun bonus. Akan tetapi ini yang saya hendak katakan kepada pihak kementerian kalau boleh ditimbang semula, rasionalkan semula untuk kadar harga minyak negara kita kembali kepada asal dinaikkan mengikut bulan. Kalau itu boleh dibuat saya yakin rakyat akan terkeluar serba sedikitnya daripada permasalahan ekonomi yang sedia ada. Kalau boleh dibuat saya bangkitkan saranan rakyat, kalau tidak boleh apa yang saya hendak buat, itu hanya saya sampaikan apa keluhan di hati rakyat untuk dilihat oleh Yang Berhormat Menteri. Saya yakin Yang Berhormat Menteri duduk lagi lama dan dia akan teliti perkara ini.

Akan tetapi inilah Tuan Yang di-Pertua, kalau lah kita hendak sesuatu yang baik dengan rakyat, saya minta segala perkara yang kita bangkitkan bukan sahaja dan teman-teman yang lain untuk kita teliti agar ia tidak kembali membebankan rakyat sebab isu ini isu besar. Betul lah banyak tuduhan yang mengatakan pembangkang main isu ini dan sebagainya dan saya yakin kalau kementerian tegas dan juga betul-betul menjalankan tanggungjawab dan betul-betul memainkan peranan, isu ini tidak akan berbangkit di peringkat bawah. Akan tetapi apa pun, kami hanya boleh mampu untuk menyampaikan saranan dan terserah kepada pihak kementerian untuk menyelesaikan perkara ini. Saya kira cukup setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Datuk Rabiyah binti Ali.

3.28 ptg.

Datuk Rabiyah binti Ali: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, perbahasan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2017.

Pertama sekali, saya ambil masa yang singkat iaitu saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Timbalan Menteri serta warga KPDNKK di atas pembentangan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2017 yang akan mengenakan syarat dan kewajipan peniaga untuk mempamerkan harga dan caj atau dirangkumi sekali dengan kenaikan cukai kerajaan bersama-sama lain caj bagi penjualan sesuatu barangan atau perkhidmatan.

Kaedah piawaian *standardization* pameran harga sebagaimana yang diperuntukkan dalam fasal 2 melalui seksyen baharu 10C dan 10B ini diharapkan memberikan dimensi baru kepada pengguna agar mereka tidak ditipu atau dieksploitasi secara curang oleh peniaga. Persoalan saya bersesuaian dengan pertumbuhan perniagaan secara digital dan juga kebanyakan urus niaga dan pembayaran dijalankan secara *online*, ini pun menimbulkan masalah sekarang.

■1530

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan tentang bagaimanakah cara kerajaan mengawal dan mengambil tindakan tegas kepada peniaga yang menjual barangan aplikasi digital tetapi memanipulasikan caj tersembunyi dikenakan melalui proses mengelirukan caj tersembunyi ini melalui paparan berulang di portal jualan *online*. Kegiatan ini mengambil peluang ke atas kecuaiian dan kelalaian pengguna semasa membuat bayaran digital dan memang dengan niat peniaga membangunkan aplikasi digital yang mengelirukan pelanggan. Contoh kekeliruan yang berlaku dalam mana-mana portal menempah tiket penerbangan *online* yang mana paparan insurans *traveler* sering kali diulang papar dan tidak ketidakcekan pengguna menyebabkan berlakunya langganan terhadap insurans *travel* ini.

Justeru, melalui pindaan ini, saya memohon penjelasan kementerian tentang bagaimana langkah dan strategi kerajaan memastikan bahawa usaha curang peniaga memanipulasikan portal *online* bagi memasukkan caj-caj yang lain, yang tidak berkenaan dapat dielakkan. Satu tindakan lebih tegas perlu dibuat bagi memastikan kejadian ini tidak berulang. Sekian. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Datuk Lihan Jok. Tiada? Silakan Yang Berhormat Menteri.

3.52 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ini. Terima kasih kerana ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil kira tentang beberapa isu yang juga agak penting untuk kita menentukan masa depan negara kita.

Sebenarnya pindaan yang kita lakukan itu adalah sesuatu yang paling mudah. Ia hanyalah untuk kita memastikan segala iklan, pameran tentang harga barangan yang hendak dijual itu adalah merupakan satu harga yang telah pun diambil kira tentang segala caj untuk dikenakan kepada pengguna. Itu yang kita lakukan. Akan tetapi dalam waktu yang sama, apabila kita meminda akta ini, sudah tentu banyak pandangan dan juga cadangan-cadangan untuk kita menambah baik segala apa rang undang-undang yang ada dalam negara. Oleh sebab itulah saya ucapkan banyak-banyak terima kasih.

Pertamanya saya hendak menjelaskan dahulu tentang dasar harga terangkum. Dasar harga terangkum itu adalah sesuatu untuk kita melihat masa depan gerakan pengguna. Mengapa saya sebutkan sebegini rupa? Ini kerana dalam negara kita ini, kita amalkan konsep ekonomi bebas di mana semua yang berlaku dalam negara kita ini, kita hendak melihat supaya ada kebebasan untuk sesiapa sahaja untuk berniaga. Itu pertama. Ini kerana ekonomi kita adalah sesuatu yang memberikan kepentingan bukan hanya untuk kita tetapi negara bertambah maju untuk kita memastikan segala infrastruktur, segala kemahuan untuk kita membangunkan negara itu boleh kita jalankan apabila peniaga-peniaga, perniagaan, ekonomi kita bertambah maju. Itu yang kita lakukan.

Maka sebab itu, gerakan pengguna agak mustahak kerana merekalah yang akan menentukan masa depan tentang kuasa membeli yang ada di tangan kita semua. Maka dasar harga terangkum ini memberikan peluang kepada semua pengguna dalam negara termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat yang merupakan pengguna. Semua pegawai kerajaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator tadi, mengatakan bahawa kalau boleh, biarlah pegawai kerajaan ini yang menentukan, hendak memerhatikan. Saya hendak maklumkan. Pengguna ini bukan pegawai kerajaan sahaja. Semua di kalangan kita adalah merupakan pengguna. Peniaga pun adalah merupakan pengguna.

Maka sebab itu, gerakan pengguna adalah sesuatu yang paling mustahak, yang mesti kita wujudkan dan berikan sesuatu kekuasaan, sesuatu rasa tanggungjawab kepada seluruh negara ini. Akhirnya peniaga tahu bahawa penggunalah yang akan menentukan harga pada masa-masa hadapan. Yang ini yang kita lakukan. Maka contoh saya hendak berikan. Dalam kita hendak mengkaji ini, kita melihat semua industri yang ada dalam negara tetapi kalau kita hendak melihat segala-gala industri yang ada, tidak mungkin saya boleh bawa akta ini di sini kerana ia melibatkan banyak industri dalam negara.

Jadi untuk kita menentukan ada *enabler* untuk kita mulakan sesuatu, kita berikan hanya dua industri iaitu restoran atau F&B dan begitulah juga dengan industri perhotelan dalam negara kita. Itu dahulu yang kita akan berikan penumpuan. Yang lainnya akan kita kaji, kita perhatikan satu per satu. Kita masukkan apabila ia sesuai pada waktu yang tertentu nanti. Jadi hari ini adalah buat permulaan. Ia bermula hanya industri perhotelan dan juga restoran atau F&B, yang kita akan kenakan selepas kita luluskan nanti. *Insyaa-Allah* kita akan lakukan dan kita akan masukkan dalam jadual barang-barang itu daripada semasa ke semasa.

Jadi apabila sudah bermula daripada situ nanti, bolehlah dengan adanya gerakan pengguna yang begitu hebat nanti, maka peniaga tahu. Pengguna sudah tahu di mana letaknya mereka yang menjual harga yang paling murah. Ini kerana bandingan hari ini di antara satu restoran, sebagai satu

contoh. Satu barang dengan jualan barang di tempat atau premis yang lain berbeza. Ada yang jual RM8. Ada yang jual RM9. Ada yang jual RM10. Mungkin pada kita, RM10 itu yang paling mahal tetapi yang sebenarnya, mungkin yang RM8 itu yang paling mahal kerana hari ini, kita tidak meletakkan satu undang-undang untuk merangkumkan segala harga kerana peniaga yang RM10 itu, dia merasakan ini adalah merupakan sesuatu tanggungjawabnya sebagai seorang peniaga yang penuh beretika.

Dia meletakkan, inilah harga akhir yang dia akan jual. Manakala yang RM9, mungkin sudah masukkan semua kecuali *service charge*. Manakala yang RM8, tidak masukkan caj-caj lain lagi. Baru harga asalnya. Akhirnya apabila kita hendak bayar, yang RM8 tadi, campur caj-caj lain melebihi RM10 dan juga yang RM9 tadi, masuk caj satu, dua yang belum dimasukkan, mungkin melebihi juga daripada RM10 dan mungkin kurang daripada asal kawan dia yang menjual RM8.

Jadi ini tidak memberikan satu perasaan kelegaan kepada pengguna apabila dia melihat yang RM8 ini, murah atau akhirnya ia yang benar-benar murah. Inilah yang menyebabkan kita kaji dan akhirnya kita gunakan akta ini, kita ubah untuk jadikan dasar harga terangkum. Apa yang dipamerkan, itulah harga yang akhirnya pengguna akan bayar. Itu yang sebenarnya yang kita ingin lakukan. Mudah sahaja. Kepada peniaga, apa yang dia iklan, itulah yang akan dia terima pembayaran daripada pengguna. Kalau selepas dia meletak dan mempamerkan dengan harga RM100 sebagai contoh, kemudian apabila ada kawan datang, kata hendak minta diskaun, dia boleh minta dan dia boleh beri asalkan tidak melebihi harga yang dipamerkan.

Jadi sebenarnya apa yang kita lakukan ini adalah untuk kebaikan kepada semua pengguna dan juga kebaikan kepada peniaga kerana ia akan menentukan harga yang diletak itu tidak ada lagi kekeliruan dan memberikan rasa kelegaan kepada semua pengguna dalam negara kita. Itu jelas. Kalau semua sudah jelas, saya ingin juga memberikan penerangan kepada beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Minta maaf. Pagi tadi, saya tidak dapat bersama awal.

■1540

Maka, Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng ada membangkitkan beberapa isu. Pertama, tentang *unit pricing*. *Unit pricing* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, itu adalah satu cadangan yang baik tetapi ia memberikan rasa kurang kepastian. Memang kita di kementerian ini telah pun memikirkan dan mengkaji apakah perlu kita lakukan ini. Ada kebaikannya tetapi dalam waktu yang sama ia boleh memberikan rasa yang paling sulit untuk kita menggunakan akta atau kuasa yang ada, hendak memastikan *unit pricing* ini boleh dilakukan.

Saya hendak bagi satu contoh. Ada barang-barang yang kita lakukan. Ada contoh, Milo lah sebagai contoh. Ada yang dijual dalam *sachet*. Ada yang dijual dalam plastik beg. Ada yang di jual dalam tin. Kalau kita hendak gunakan *unit pricing*, ia menyebabkan satu, mungkin beratnya. Dua, mungkin *packagingnya*. Jadi, kalau kita hendak meletakkan dengan *unit pricing* untuk barang-barang tersebut, ia mungkin akan menyebabkan kekeliruan kepada pengguna. Ini kerana terdapat barang-barang yang tidak sama dari segi *packagingnya*, tidak sama dari segi kuantiti, kualitinya.

Jadi, ini menyebabkan kita rasa kita tangguh dahulu dan kita fikirkan dan kita buat kajian keseluruhannya dan *insya-Allah* boleh kita masukkan satu hari nanti. Kedua, bagaimana untuk kita menguatkuasakan. Kita memang sudah adapun penguatkuasaan dalam negara kita ini. Kepada semua

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya di kementerian ini hanya ada 2,600 pegawai. Kita banyak undang-undang. Untuk kuatkuasakan undang-undang ini, kita gunakan akta ini. Akan tetapi untuk semata-mata hendak menentukan tidak ada orang akan menipu, saya tidak boleh berjanji. Akan tetapi kalau semua di kalangan kita ini dapat membantu, *insya-Allah* segala masalah yang ditimbulkan nanti, yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh kita bersama untuk menyelesaikan masalah ini.

Pertama, kita lakukan kerjasama di antara kementerian dan juga beberapa agensi-agensi yang lain seperti Kastam. Kita sekarang ini bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM untuk kita besarkan tanggungjawab dan kuasa yang ada ini, *insya-Allah*. Dalam waktu yang sama saya telah pun menganjurkan satu program yang kita namakan *Friends of KPDNKK*. Saya minta kalau boleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini bersama dengan saya untuk menjadi Ahli *Friends of KPDNKK* untuk kita benar-benar mencapai satu model yang baik, di mana kuasa pengguna di bawah tangan pengguna itu sendiri. *Friends of KPDNKK* ini yang akan saya berikan kuasa esok hari nanti, apabila telah sampai, capai matlamatnya, kita berikan kuasa kepada mereka hendak menentukan kedai mana yang meletakkan harga yang benar-benar berpatutan.

Jadi, mereka yang tentukan dan kita berikan logo Kedai Harga Patut, sebagai contoh. Kita menggunakan aplikasi-aplikasi di bawah *Friends of KPDNKK* di antara kawan-kawan. Kita hendak supaya dia akan beritahu di antara kita, sesama kita, di mana kedai yang menjual barang-barang yang paling murah. Di mana kedai yang boleh kita beli barang-barang dengan diskaun yang akan mereka berikan. Ini adalah sesuatu gerakan pengguna yang telah pun saya maksudkan tadi dengan lebih awal.

Kegiatan orang tengah membeli dengan harga murah tetapi menjual dengan harga mahal. Saya hendak maklumkan bahawa dalam negara kita ini sesuatu perniagaan banyak ada *supply chain*nya. Ada yang pertama, mereka yang membekalkan atau mereka yang mengeluarkan. Sehingga untuk kita menjadi pembeli. Dalam *supply chain* ini sudah tentu ada orang-orang tengah. Merekalah yang akhirnya yang melihat di mana tempat-tempat untuk mereka lakukan perniagaan-perniagaan yang sesuai. Pada saya, saya gunakan perkataan "sesuai" ini adalah supaya kita semua tahu di sini bahawa sesiapa sahaja yang berniaga, mereka mahukan keuntungan.

Akan tetapi akta yang kita ada, Akta Ibu yang ada ini adalah akta yang kita sebut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan. Maknanya, boleh berniaga, boleh melakukan sesuatu perniagaan yang baik tetapi biarlah beretika supaya tidak melakukan *profiteering* yang begitu besar. Hari ini, saya telah pun menggunakan akta ini. Dalam penggunaan akta ini semenjak tahun 2015 lagi, saya hendak maklumkan, sehingga sekarang tidak sampai pun 100 peniaga yang menyalah gunakan dengan menggunakan *profiteering* yang begitu besar.

Jadi, apa pun persepsi yang orang beritahu, yang sebenarnya tidaklah begitu kritikal sehingga menyebabkan akta ini tidak diguna pakai dengan sebegitu baik sekali. Jadi, itulah jawapan yang saya ingin berikan kepada Yang Berhormat Senator. Oleh kerana akhirnya, beliau juga menyokong supaya akta ini diteruskan. Kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Terima kasih kerana menyokong dan beritahu bahawa harga minyak turun, harga barang tidak turun. Akan tetapi kalau naik, ia naik.

Saya hendak maklumkan di sini. Sebenarnya kalau dahulu konsep yang kita lakukan pengumuman harga bulanan, mungkin isu ini timbul. Akan tetapi dalam waktu enam bulan ini apabila kita lakukan secara mingguan, tidak banyak masalah ini timbul. Ini kerana kita umumkan tiap-tiap minggu. Ada yang naik, ada yang turun. Kadang-kadang naik, kadang-kadang turun. Akhirnya, peniaga sudah ada dah, dia sudah *fixed the price* lebih kurang dari segi enam bulan untuk dia tentukan harga itu stabil dalam masa enam bulan.

Jadi, *alhamdulillah*. Ini adalah sesuatu yang saya rasa baik. Mekanisme yang telah pun kita lakukan untuk memberikan rasa keselesaan kepada semua. Kemudian, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, ada minta supaya kita kawal dari segi pengilang-pengilang. Saya hendak maklumkan di sini, seperti yang jawapan awal saya, konsep ekonomi bebas ini adalah sesuatu yang dipertanggungjawabkan untuk semua. Untuk mereka yang berniaga. Untuk mereka yang menjadi pengilang. Semua ini adalah sesuatu yang kita berikan pertanggungjawaban supaya akhirnya, ekonomi kita ada pertumbuhan daripada semasa ke semasa.

Ia tidak timbul sama ada kita hendak perlu kawal di peringkat kilang, di peringkat pemborong. Semua itu tidak timbul kerana yang pentingnya adalah kita tahu sama ada harga yang akhirnya diletakkan sebagai harga jualan itu benar-benar berpatutan ataupun tidak. Gerakan Kedai Rakyat 1Malaysia, nanti saya jawab akhir sekali. Kemudian, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Banyak, saya suka dengar Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah bila membangkitkan banyak perkara. Salah satunya tentang harga barang ini. Kadang-kadang semua kita suka ada barang yang kita suka naik. Akan tetapi ada juga yang kita minta kalau boleh ada kestabilannya.

Saya hendak maklum, *what's goes up, must come down*. Itu mungkin perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan harga. Akan tetapi kalau harga, jarang sekali benda yang sudah naik hendak turun, kecuali barang-barang tersebut adalah model-model yang lama. Kalau model yang baru Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, susah hendak dapat harga yang murah... *[Disampuk] It will always model yang baru.*

Jadi Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah hendak yang baru, kena bayar lebih sedikit. Kalau tidak percaya tanya Yang Berhormat Dato' Isa...

■1550

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, model apa itu?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Model apa?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Model-model barang-barang yang baru... *[Dewan ketawa]*

Jadi itulah yang saya hendak jelaskan. Dia kata Yang Berhormat Isa tahu, saya pun tidak tahu sebab Yang Berhormat Dato' Isa tidak pernah berikan kepada saya. Jadi saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chandra yang telah pun mencelah. Saya tidak dapat mencatatkan apa Yang Berhormat Tuan Chandra bangkitkan sebelum saya hadir. Akan tetapi sambil saya menjawab kalau Yang Berhormat ingin penjelasan, boleh bangkitkan semula ya. Contohnya tentang *consumer power*

ini kadang-kadang ada barang-barang yang tidak boleh kita lakukan dia kata, contoh *drugs*. Saya bersetuju.

Produk yang jual ubat-ubatan ini ada barang-barang yang ada IP atau *intellectual property, pattern right* yang telah pun menyebabkan harga ubat-ubat itu agak mahal. Akan tetapi kalau undang-undang yang ada di seluruh dunia, yang diguna pakai juga dalam negara kita kalau produk tersebut terlampau mahal dan boleh melibatkan masalah kedudukan negara *for the public interest* sebagai contoh, kita boleh menggunakan kuasa yang ada di kementerian saya untuk kita berbincang semula dengan *pattern owner* untuk kita menentukan, keluarkan *generic product*. Itu boleh kita lakukan.

Manakala barang-barang produk yang biasa, *on the shelf* saya rasa harganya tidaklah seperti yang kita katakan. Jadi *insya-Allah* produk-produk yang tertentu tadi kita akan menggunakan kuasa untuk kita tentukan, boleh buat *generic product* dan kita akan bincang daripada semasa ke semasa bersama dengan Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat juga membangkitkan supaya kita memboikot produk-produk atau barang-barang yang orang jual begitu mahal. Saya bersetuju kalau Yang Berhormat hendak menjadi orang kuat pengguna dalam negara kita. *Insya-Allah* Yang Berhormat, saya akan lantik salah seorang dalam majlis pengguna dan hari ini majlis pengguna negara dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah... [*Tepuk*] Kita akan bekerjasama untuk memastikan selepas ini majlis pengguna ini akan melihat semua produk-produk yang ada dalam negara dan kita berikan secara yang lebih terperinci yang mana yang diperlukan prioriti utama untuk kita dapat memberikan kemudahan, kelegaan, keselesaan kepada semua rakyat dalam negara kita.

Yang Berhormat Dato' Jaspal ada membangkitkan tentang kartel tadi. Saya bersetuju cuma saya hendak jelaskan kartel ini ia ada satu akta yang di bawah MyCC atau *Malaysia Competition Commission*, akta ini kita namakan Akta Persaingan, Akta 713. Akta ini adalah sesuatu yang kita guna supaya kalau ada masalah tentang kartel dan diberikan maklumat tersebut kepada kita, ada aduan, kita akan ambil tindakan daripada semasa ke semasa. Buat masa ini akta yang kita gunakan ini sehingga pada tarikh ini, statistik siasatan yang dibuat oleh suruhanjaya mengikut aktanya, arahan Menteri boleh, mengikut aduan awam boleh dan inisiatif suruhanjaya pun boleh. Daripada 2016 sehingga sekarang tidak sampai pun 100 tindakan yang telah diambil.

Jadi bermakna *insya-Allah*, dengan adanya undang-undang Akta 713 ini, kartel itu agak sulit untuk mereka lakukan sesuatu terutamanya apabila kita semua yang ada dalam Dewan, semua rakyat dapat bekerjasama dan memberikan maklumat kepada kita. *Insya-Allah* tidak timbul masalah ini nanti.

Begitu juga Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah membangkitkan tentang harga ikan kembong. Ikan kembong ini sebenarnya bukanlah di bawah kementerian saya. Biar saya hendak jelaskan kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara ini biar faham selepas ini. Saya Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Kepenggunaan ini yang menyebabkan banyak kekeliruan termasuklah Ahli-ahli Dewan Negara. Dia kata, "*Anything about consumers engkau jaga.*" Termasuklah harga ikan kembong. Kesian Menteri. Ikan kembong ini, ia pertamanya kita kena ada nelayan yang hendak ambil. Jadi nelayan di bawah tanggungjawab Menteri pertanian.

Kemudian pemborong, lesen pemborong di bawah kementerian MOA. Kemudian semua *supply chain* barulah akhirnya di pasar-pasar hendak letak harga itu pun menggunakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan. Kalau harga asalnya pun sudah RM10, dia hendak jual, pemborong naik sedikit, peniaga naik, akhirnya kita tengok angka yang dijual itu berpatutan, tidak boleh hendak ambil tindakan sebab kita kena faham barang-barang ini ada *supply and demand*. Kadang-kadang *supply* mencukupi, harga ikan kembong turun. Masa itu banyak orang buat buka gerai kedai laksa sebab harganya turun.

Kemudian apabila *supply* tidak cukup naik, ramai orang tukar daripada menjual laksa sudah menjual mi goreng sebab ikan kembong sudah tidak cukup. Jadi kita kena faham apabila konsep *supply demand* ini, waktu mencukupi okey, waktu tidak cukup harga akan naik.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Boleh minta laluan?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Ini Yang Berhormat Tan Sri tunggu dahulu, saya mahu jelas nanti saya bagi *chance*, Yang Berhormat boleh tanya.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Saya sekarang tanya tidak boleh?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya hendak jelaskan ikan kembong dahulu, nanti...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk sekejap. Biar Yang Berhormat Menteri habis dahulu.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Nanti saya panggil Yang Berhormat ya. Tunggu sekejap.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Panggil mana?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau hendak, boleh pergi minum nanti.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *No, no*, sekejap sahaja. Isu ini sahaja, jangan pergi. Jangan pergi Yang Berhormat. Kalau hendak bermain tenis, 5.30 baru boleh... [*Dewan ketawa*] Jadi kalau tidak ada *suppy* tidak cukup, yang saya cuba hendak lakukan hari ini adalah supaya ikan yang menjadi *benchmark* kepada seluruh harga ikan ini *supply* nya mencukupi. *Sustainable* dari *supplynya*, *insya-Allah* akan kita lakukan sesuatu.

Jadi saya sedang berbincang dengan Menteri Pertanian, supaya kita mengkaji bagaimana hendak mencukupkan *supply* ikan dalam negara pada waktu-waktu yang setahun bukan hanya pada waktu-waktu yang diperlukan hari raya, waktu-waktu musim perayaan, tidak. Kita hendak setiap waktu dalam negara kita *supply* nya mencukupi. Inilah yang saya sedang bincang. Jadi Yang Berhormat saya berikan peluang untuk bertanya.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Banyak baiklah Menteri ini kasi saya peluang untuk bercakap. Yang Berhormat Menteri cakap harga barang turun, naik turun naik. Petrol berapa kali turun, petrol berapa kali naik? Pagi Yang Berhormat Menteri pergi kerja satu harga, balik kerja satu harga. Ini harga turun naik, turun naik, tadi Yang Berhormat Menteri cakap ikan kembong. Ikan kembong kalau naik nanti macam mana dia orang boleh bikin berniaga? Ikan kembong itu juga kita boleh dapat. Itu kasi turunkan harga, satu harga tetap tidak ada. Harga minyak tetap pun tidak ada. Ini tengok stesen minyak kedai kita pergi, kedai minyak ada dia *complain*. Minyak kedai, itu kerja orang asing.

Tuan Yang di-Pertua: Kedai minyak kah, minyak kedai?

Seorang Ahli: Minyak kedai itu minyak apa?

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Minyak kedai. Kedai minyak... [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Kedai minyak.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Apa cakap? Semua serupa sudah bukan. Kedai minyak pun serupa...

Tuan Yang di-Pertua: Sambung, sambung balik.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Dia mahu cakap.

■1600

So, kedai minyak itu, saya ada di tepi sana. Saya punya kereta ada itu lambang Parlimen-Senator punya *batch*. Saya ada di tepi, *driver* saya pun ada, kita isi minyak. Ada dua orang budak lawan di sana. Itu Bangladesh punya orang. Isi minyak- Bangladesh. Budak yang lawan dengan dia, orang Melayu. Budak. Dia tanya, "*Semalam saya isi minyak harga ini, sekarang saya datang lain harga.*" Itu Bangladesh punya orang cakap apa, tahu? "*Pergi tanya itu Menteri rambut putih.*"... [*Dewan ketawa*] Dia orang cakap, saya ada dengar. Saya tanya, "*Pasal apa...*" baru saya masuk tanya dia, "*Apa pasal you cakap itu Menteri rambut putih?*" "*Selalu dia pergi itu Jalan Duta punya tol, dia isi minyak di sana. Selalu dia pergi Larut, isi minyak di sana, dia jalan.*" So, Bangladesh itu dia tahu. "*Pergi tanya itu Menteri rambut putih.*" Siapa itu Menteri rambut putih?... [*Disampuk*] Saya hitamlah, tidak apalah, tetapi dia cakap begitu.

So, macam mana kita boleh itu harga? Orang berniaga pun susah. Orang punya kedai, dia berniaga. Dia pun tidak boleh tutup, susah. Ini harga mahu tetap. Berubah satu minggu sekali okey. Ini hari-hari. Pagi turun naik...

Seorang Ahli: Malam naik...

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Malam naik. Ini kita susah, bukan? Macam mana kita mahu jawab dekat rakyat? Dia tidak apa, dia Menteri, dia duduk dalam. Kita pergi luar, semua orang datang kacau kita.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: *You* orang tahu. Siapa tak tahu Datuk Nalla? Saya pergi, orang tanya kepada saya. Ini Menteri ini mahu angkatlah, tindakan mesti mahu angkat, bagi jawab kepada kita. Terima kasihlah Menteri bagi saya peluang.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu mula-mula tadi saya tidak mahu bagi dia menyampuk kerana saya pun nanti hendak jawab pun semua *confuse*. Minyak kedai atau kedai minyak? [*Ketawa*] Saya hendak jawab minyak kedai dahulu. Minyak kedai maknanya minyak yang dijual itu cap kedai... [*Dewan ketawa*] Kedai minyak itu maknanya kedai yang menjual minyak.

Jadi kalau kita hendak bandingkan minyak kedai, minyak cap kedai, betullah pagi harga lain malam harga lain. Akan tetapi yang saya jual hari ini- eh, yang saya jual pula. Apa yang saya tentukan adalah stesen minyak yang menjual kedai ini mengikut harga mingguan. Harga mingguan itu, Yang Berhormat Tan Sri Nalla, maknanya daripada hari Rabu 12 malam sehinggalah kepada hari Rabu minggu depan baru kita tukar harga di stesen minyak itu. Jadi, mana ada cakap pagi harga ini, malam lain harga? Tidak ada jadilah ini macam. Sebab saya lakukan seminggu sekali. Itu satu.

Nombor dua, Yang Berhormat Tan Sri Nalla, saya tidak pernah pun pam minyak. Macam mana orang Bangladesh itu tahu ini orang? Jadi, Yang Berhormat Senator Tan Sri Nalla, jangan nanti saya bawa dalam jawatankuasa...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, itu sangkaan jahat.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Saya mahu jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri, itu sangkaan jahat. Tolong tarik balik.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Apa tarik balik?

Tuan Yang di-Pertua: Rambut putih punya Menteri yang orang Bangladesh itu.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Itu betul punya cakap apa. Saya tak ada bohong. Kalau bohong, saya boleh tarik balik. Saya cakap betul. Ini betul pun di Dewan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri hendak buat tuduhan di atas Yang Berhormat Senator Tan Sri Nalla?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Akan tetapi tidak apalah sebab dia...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, tidak apa.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Bukan tidak apalah. Ini saya cakap betul punya. Saya bukan bohong. Kalau bohong boleh tarik baliklah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Duduk, duduk Yang Berhormat Senator Tan Sri Nalla.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Biar saya teruskan. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Jadi tentang harga minyak ini, saya hendak jelaskan kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, saya berikan peluang supaya rakyat memahami harga minyak yang kita umumkan tiap-tiap minggu itu adalah satu harga yang lebih kurang sama dengan harga pasaran dunia.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh yang mengkaji dan mengumumkan dalam Dewan ini bahawa ranking kita adalah nombor 6. Itu mengikut Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Setahu saya, *we are always at the top 10* dalam dunia. Ini memberikan satu lagi perasaan kepada rakyat sepatutnya berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang senantiasa prihatin kepada rakyat... [*Tepuk*] Ini yang kita lakukan. Kita hendak supaya harga kita itu yang paling patut.

Ada orang kata mengapa tidak kita berikan subsidi supaya kita boleh tentukan harganya *fixed at one price*. Saya hendak maklumkan, minyak ini atau petrol atau diesel yang kita berikan, kalau kita hendak *fix the price*, tidak adil kepada rakyat. Tadi Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad bin Mustafa kata kita kena adil. Saya bersetuju. Oleh sebab itu, kalau hendak kita tetapkan dan berikan subsidi, biarlah kepada barang-barang yang boleh memberikan keadilan kepada rakyat seluruh negara.

Apa yang kita lakukan- *the essential goods*, barang-barang keperluan asas. Apa dia barang-barang keperluan asas? Barang-barang yang semua rakyat guna. Beras, gula, tepung, minyak masak, gas memasak. Itu semua rakyat guna mengikut kadar yang lebih kurang sama. Maka, adil kalau kita berikan harga itu benar-benar terkawal. Akan tetapi kalau minyak petrol, diesel, itu tidak adil kerana ada orang naik *motorbike*, ada orang naik kereta besar, ada orang naik lagi besar. Jadi akhirnya kalau kita berikan subsidi, tidak adil kerana yang mempunyai kereta besar guna besar, guna lebih banyak,

manakala yang kecil, yang pakai *motorbike*? Ada yang langsung tidak guna. Jadi oleh sebab itu kita tidak letakkan harga *fix* kerana ia tidak adil kepada seluruh rakyat yang ada dalam negara.

Oleh sebab itulah kita mengikut harga pasaran lebih kurang yang kita rasa mencukupi untuk semua- peniaga, *oil companies, dealers*. Jadi mengikut *automated price mechanism* (APM), mekanisme yang telah kita persetujui, itulah yang kita berikan. Jadi saya rasa ia adalah sesuatu yang benar-benar bertanggungjawab seperti yang Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh yang telah pun maklumkan kepada kita.

Yang Berhormat Tan Sri juga mengatakan mengapa tidak lakukan R&D untuk melibatkan NGO. Saya hendak maklumkan, segala apa undang-undang yang kita lakukan memang kita libatkan semua *stakeholders*- NGO, *academician*, semua- untuk kita memahami, mengetahui apa keperluan mereka, apa yang kita hendak berikan. Ini memang kita lakukan daripada semasa ke semasa. Kita ada jawatankuasa di kementerian ini yang kita tubuhkan untuk kepentingan-kepentingan bagi bidang-bidang yang tertentu. *Insyah-Allah*, dari semasa ke semasa, kita akan jemput beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita bincang dan menjelaskan beberapa isu yang akan kita maklumkan kepada seluruh rakyat.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun, saya sudah jelaskan tentang Akta Persaingan tadi dan juga tentang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang ubat-ubatan ada *drugs* yang mahal telah pun saya maklumkan juga.

Cuma, Yang Berhormat minta kalau boleh bila kita hendak pameran harga itu, biarlah kita letakkan apa caj-caj yang dalam pameran itu. Buat masa ini, kita tidak berikan suatu tanggungjawab kepada peniaga untuk diletak situ caj-caj yang dikenakan bagi harga yang terangkum. Yang pasti adalah harga akhir itu yang telah terangkum itu mesti dipamerkan. Yang sebelum itu, apa caj yang dia hendak masuk, kita tidak berikan sesuatu tanggungjawab kepada peniaga itu meletakkan lagi. Itu kita tidak buat itu kerana pada kita, itu akan menambah sulitkan kepada peniaga dan mereka boleh mengambil peluang itu menyebabkan nanti ada harga-harga- *that is one of the cause*, dengan izin, untuk mereka menaikkan sesuatu.

■1610

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa juga membangkitkan- terima kasih seperti yang saya telah jelaskan memang dalam negara kita ini kita perlukan juga peniaga tetapi peniaga ini ada yang baik, ada yang kurang, ada yang beretika, ada yang kurang tetapi maklum sahajalah manusia biasa. Tentang pendidikan agama semua mungkin belajar mengikut agama masing-masing. Apa yang pastinya adalah ada mereka yang ingin mengambil keuntungan dengan secepat mungkin menaikkan *profiteering* dengan begitu besar menyebabkan kita perlunya Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan. Itu kita lakukan dan *insyah-Allah* secara adil dan penguatkuasaan juga seperti yang saya telah pun jawab tadi saya hendak guna semua yang ada.

Hari ini kita guna juga penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung untuk membantu kita dari segi mengawal harga di seluruh kawasan dalam negara kita. Tentang soalan kekuasaan penguatkuasaan sama ada cukup ataupun tidak saya maklumkan tadi 2,600 pegawai kita yang ada tidak cukup sebab

itu kita perlukan bantuan daripada semua pihak terutamanya NGO dan juga *Friends of KPDNKK* yang telah pun saya anjurkan.

Kemudian Yang Berhormat Senator Hajah Khairiah binti Mohamed tentang *breakdown* harga yang dipamerkan. Sekarang ini kita tak *force*, tak buat itu lagi tetapi *insya-Allah* dari masa ke semasa kita tengok sama ada ianya perlu atau tidak. Yang penting kepada kita adalah supaya pengguna tahu barang ini lebih murah, premisnya di sini menjual lebih murah daripada kedai-kedai yang lain. Itu lebih mustahak daripada kita tentang *breakdown* kerana *breakdown* itu dalam resit yang ada hari ini yang itulah yang masih lagi di guna pakai.

Jadi bukan bermakna bila ada akta ini dia tak keluarkan resit secara *detail* tidak, *detail* tentang resit itu masih lagi. Kalau di tulis situ GST, *service charge* semua itu masih lagi di guna pakai. Tentang kekeliruan tentang mereka yang mempamerkan ini saya hendak maklumkan akta yang ada pada hari ini cukup iaitu Akta Perihal Dagangan, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan, Akta Perihal Pengguna semua ini adalah kita lakukan dan digabungkan untuk membantu. Jadi kalau ada masalah-masalah tertentu boleh beri aduan kepada KPDNKK dan kita akan ambil tindakan. Selalunya setelah pun kita ambil tindakan apabila ada aduan jadi tidak timbul perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat Senator Tuan Aknan minta supaya...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Satu lagi, yang pasal anggota penguat kuasa PBT tadi macam mana KPDNKK meng*coordinate*kan anggota-anggota penguat kuasa PBT yang bertugas di pasar-pasar ini boleh menjadi mata rantai kepada KPDNKK bagi memantau harga-harga ini.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih. Yang Berhormat, inilah kerja yang telah pun kita lakukan kerjasama dengan banyak PBT-PBT. Bila kita hendak turun ke bawah selalunya kita kerjasama dengan mereka dan kita dapat melakukan banyak tangkapan-tangkapan bukan hanya tentang harga tetapi juga masalah-masalah undang-undang lain yang terbabit keseluruhannya dalam negara. Jadi bukan satu isu semata-mata. Isu tentang kawalan harga itu memang kementerian saya tetapi menggunakan penguatkuasaan yang ada di bawah sana kita perlukan kerjasama banyak pihak seperti yang telah pun saya maklumkan. *Insya-Allah* pada masa ke semasa kerja bersepadu yang kita lakukan ini bukan hanya bermula sekarang tetapi sudah pun bermula daripada dulu, kini *insya-Allah* selagi mana kita mampu kita akan kerjasama.

Yang Berhormat Senator Tuan Aknan tentang jual beli barang komoditi ini. Komoditi ini adalah merupakan harga pasaran dunia. Dia berbeza dari masa ke semasa, jadi kalau kita hendak supaya dia letakkan satu harga untuk membeli barang tersebut saya hendak maklumkan *commodity price change almost every now and then* bukan hanya tiap-tiap hari, tiap-tiap waktu kadang-kadang. Ini menyebabkan sukar tetapi okey kita boleh bincang untuk melihat sama ada boleh kita gunakan ataupun tidak. Tentang Akta Timbang Sukat 1972 ini kita telah pun lakukan dan kita minta semua peniaga-peniaga ini mengesahkan bahawa segala timbang atau sukat yang mereka adakan itu telah pun di *collaborate* untuk selama 12 bulan. Kalau mereka tak melakukan dia boleh dikenakan penalti sebanyak RM4,000 atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal terima kasih telah pun saya jelaskan tadi cuma salah satu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' tentang beli *aircond* menggunakan kredit kad. Ini

akta yang dikawal selia oleh Bank Negara jadi kita boleh bagi tahu dengan KPDNKK kita boleh bantu untuk mengambil tindakan bersama dengan Bank Negara yang akan memastikan. Sebenarnya boleh buat aduan tetapi akta ini dikawal selia oleh Bank Negara. Dia tak sepatutnya meletakkan caj yang lain, cumanya tentang jualan kredit kita telah pun baru-baru ini meluluskan satu akta bernama Akta Jualan Kredit (*Credit Sales*) akta ini di mana kita akan pastikan ada *regulation* yang tertentu di mana segala mereka yang menjual barang-barang ini dia kena letaklah berapa *interest* tidak melebihi *interest* yang akan kita umumkan nanti. Begitu juga keperluan setakat mana dia boleh guna dari segi pembayarannya semua ini akan kita lakukan dan *insya-Allah* akan bermula kalau tidak pun tahun ini sekurang-kurangnya awal tahun hadapan. Itu akan kita lakukan.

Tentang industri penerbangan mungkin Yang Berhormat Senator Chandra Mohan juga ada membangkitkan, ini di bawah akta yang lain di bawah Kementerian Pengangkutan, *MAVCOM which is Malaysian Aviation Commission* dia yang menentukan dan kita telah pun berbincang dengan mereka supaya mereka juga nanti boleh bersama dengan kita, kita hendak pastikan sebab ini *commission* itu akta ini di bawah *commission* yang telah pun kita luluskan dalam Dewan ini bersama.

Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa tadi bangkitkan hendak bagi tahu apa masalahnya saya hendak maklumkan tidak ada masalah cuma kita hendak membantu rakyat jadi kita lakukan ini adalah untuk membantu rakyat kerana kita memerlukan satu tanggungjawab yang paling berkepentingan untuk semua dalam negara. *Yes?*

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih. Dia cuma dari segi *mechanics of implementation* sahaja. Kalau kita tengok saya faham sektor perkhidmatan penerbangan dia diliputi oleh *aviation commission*. Cuma dari segi *applicability* dan dari segi *exclusion* kalau kita hendak *exclude airline sector* dari peruntukan-peruntukan akta ini kita kena ada *provision* khas dalam akta ini. Contoh kalau kita ambil Akta Perlindungan Pengguna *there is a specific provision* di mana dia cakap tak akan pakai untuk sektor *airline*. So ini cadangan saya. Kalau buat masa ini kalau hendak *exclude* buat masa ini mungkin satu masa nanti dia takkan *include* tetapi buat masa ini kalau hendak *exclude* kena ada satu *specific provision* di dalam akta ini fasal dari segi *applicability* Akta Ibu dia *cover all sector*. Ini cuma pandangan saya mungkin kementerian dia berpendapat berlainan. Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat sebab itu saya sudah maklumkan tadi nanti selepas kita luluskan ini kita akan masukkan dulu dua kemudian dari masa ke semasa apabila perbincangan kita lakukan kita akan tambah daripada satu industri kepada industri-industri lain ya. Pandangan Yang Berhormat juga akan kita ambil kira.

■1620

Kemudian Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff tadi bertanya tentang boleh atau tidak pegawai kerajaan diberikan insentif? Saya hendak maklumkan bahawa gerakan pengguna ini biarlah kita semua menjadi ahlinya untuk menentukan masa depan harga itu ditentukan oleh kuasa pembeli. Jadi tidak ada insentiflah kepada siapa-siapa. Insentifnya kepada kita bila kita yang menentukan kuasa pembeli itu digunakan dengan sebaik mungkin.

Kemudian tentang pasar raya halal dan *non halal*, itu isu yang lain, boleh kita bincang selepas ini nanti. Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail tanyakan tentang peniaga yang mempamerkan supaya mereka boleh buat secara lebih terperinci dan juga lebih terang. Dia bagi contoh jualan di R&R itu semua. Saya ucapkan terima kasih lah tetapi buat masa ini saya hendak maklumkan setakat ini kita lakukan penguatkuasaan termasuklah juga R&R tersebut. Sudah melebihi 300,000 pemeriksaan yang kita lakukan. Kita bekerjasama dengan pihak konsesi lebuhraya untuk memastikan ada mereka letakkan harga-harga di setiap jualan yang dilakukan. Jadi tak apa, kalau ada mereka yang menyalahkan atau tidak melakukan ini, kalau Yang Berhormat berkesempatan nanti, tahu kedai mana, boleh buat laporan ya. *Insyah-Allah* akan kita ambil tindakan.

Tentang harga minyak untuk kita tentukan bulanan balik. Saya hendak maklumkan seperti jawapan saya tadi lah bahawa hari ini itulah mekanisme yang paling baik untuk semua apabila rakyat melihat bahawa harganya benar-benar kita letakkan seperti harga pasaran dunia. Jadi tak ada cara lain lagi cuma hendak menentukan bahawa keadilan ini kita berikan kepada pengguna dan juga mereka yang berniaga dalam industri ini.

Akhirnya tentang *online business* Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali minta saya jelaskan. Bila akta ini diluluskan nanti siapa sahaja yang berniaga melalui *online* juga terpaksa menggunakan. Kalau iklan dia tulis RM100, esok kita bayar RM100. Tidak ada lagi caj-caj lain, dia kena masukkan di situ kecuali *delivery charges*. Itu berbeza kerana ia berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Jauh, dekat. Itu lain. Akan tetapi harga yang dipamerkan untuk barang tersebut itulah yang akan kita bayar.

Akhirnya tentang KR1M. KR1M ini saya bersetuju. Ia adalah untuk kebaikan pengguna tetapi apabila telah pun kita berikan kepada satu pengusaha ia tidak dapat benar-benar mengikut keperluan rakyat supaya harga itu lebih murah daripada jualan di tempat lain. Jadi kita akan ambil tindakan dan sudah pun kita berbincang dengan mereka dan kita akan lantik dan anjurkan satu lagi program KR1M 2.0 tidak lama lagi demi membantu rakyat dari segi konsep menangani masalah *cost of living* dalam negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang sudi hadir untuk menjawab semua soalan-soalan yang ditimbulkan. Jelas, terang dan lega hati kami di dalam Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan menjadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (Dato' Henry Sum Agong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.28 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu rang undang-undang untuk meminda Akta Perihal Dagangan 2011 dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah membuat kajian terhadap isu pengiklanan dan paparan harga yang mengelirukan susulan daripada aduan yang diterima daripada pengguna.

Berdasarkan kajian yang dijalankan itu, kementerian berhasrat untuk melaksanakan Dasar Harga Terangkum yang mana pengiklanan, pempameranan dan paparan harga akhir yang perlu dibayar oleh pengguna untuk memperoleh sesuatu barangan atau perkhidmatan hendaklah merangkumi semua harga termasuk cukai, duti atau caj kerajaan serta semua caj lain yang hendak dikenakan oleh mana-mana orang terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan. Kementerian berharap Dasar Harga Terangkum ini juga dapat memperkukuhkan aspek ketelusan harga barangan dan perkhidmatan yang dipaparkan serta persaingan yang lebih adil dan sihat di kalangan peniaga. Ia akan turut memberi manfaat kepada pengguna serta meningkatkan lagi hak kebajikan dan perlindungan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, susulan daripada kajian tersebut Jemaah Menteri dalam Mesyuarat bertarikh 11 November 2016, semasa menimbangkan memorandum daripada kementerian bertajuk Pelaksanaan Dasar Harga Terangkum, telah bersetuju supaya Akta Perihal dagangan 2011 [Akta 730] dikaji dan diperincikan bagi memastikan Dasar Harga Terangkum ini dapat dilaksanakan.

■1630

Kementerian selanjutnya telah mengkaji semua akta dan peraturan di bawah seliaan kementerian termasuk perundangan berkenaan dengan percukaian. Hasil daripada kajian tersebut, kementerian mendapati bahawa Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 iaitu [Akta 723] yang telah pun kita luluskan tadi, serta Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730], wajar dipinda bagi memastikan peruntukan berhubung pempameranan, pengiklanan, penyiaran atau sebutan harga akhir

yang perlu dibayar oleh pengguna hendaklah termasuk semua cukai, duti atau caj kerajaan dan semua caj lain yang hendak dikenakan oleh mana-mana orang terhadap apa-apa barang atau perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perihal Dagangan 2011 atau Akta 730 digubal bagi tujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan pernyataan pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubungan dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah akta ini. Untuk makluman juga, Akta 730 belum pernah dipinda sejak ia mula berkuat kuasa pada tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta 730, pindaan kepada seksyen 15, Akta 730 perlu dibuat bersama-sama dengan pindaan kepada Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi membolehkan pelaksanaan Dasar Harga Terangkum dapat dilaksanakan supaya kekeliruan dan ketelusan mengenai harga barangan dan caj bagi perkhidmatan yang perlu dibayar oleh pengguna merangkumi pelbagai caj tambahan lain boleh ditangani. Dalam hal ini kementerian telah mengadakan konsultasi dengan persatuan pengguna dan industri-industri berkenaan mengenai cadangan untuk menambah baik Akta 730 dan Akta 723 serta peraturan di bawahnya bagi pelaksanaan Dasar Harga Terangkum.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga telah disemak dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara. Pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut. Pertama, meminda seksyen 2 dengan memasukkan tafsiran akta ini ke dalam Akta 730.

Kedua, meminda subseksyen 3(5) dalam teks Bahasa Kebangsaan dengan menggantikan perkataan "atau" dengan perkataan "dan" supaya selaras dengan teks bahasa Inggeris. Ketiga, meminda seksyen 15 seperti berikut.

Seksyen 15 dinomborkan semula sebagai subseksyen 15(1) [Akta 730]. Subseksyen 15(1) tersebut pula memperuntukkan bahawa jika dalam mana-mana iklan harga apa-apa barang atau perkhidmatan disebut harga itu hendaklah melainkan jika ternyata sebaliknya disifatkan termasuk semua cukai dan duti kerajaan yang layak dan apa-apa caj lain.

Subseksyen 15(2) pula yang dicadangkan adalah untuk mengecualikan pemakaian subseksyen 15(1) kepada apa-apa perdagangan dan perniagaan ditetapkan di bawah seksyen baharu 10(B) [Akta 723].

Subseksyen 15(3) yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menghendaki orang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] untuk mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Pengawal selepas berunding dengan Ketua Pengarah Kastam dan Eksais bagi maksud penyelarasan di antara arahan Ketua Pengarah Kastam dan Eksais berkaitan pempameranan harga yang menyentuh cukai barang dan perkhidmatan dengan garis panduan pengawal berkaitan pempameranan harga.

Subseksyen 15(4) yang dicadangkan adalah bertujuan untuk memperuntukkan takrif Ketua Pengarah Kastam dan Eksais dan orang berdaftar yang disebut dalam subseksyen 15(3). Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ahli-ahli yang di bahas itu ada tiga, empat orang di sini, kalau siapa hendak boleh juga beri namanya. Saya mula dengan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.

4.35 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2017. Pindaan akta untuk mewajibkan peniaga menzahirkan harga barang atau produk yang dijual sama ada di kedai atau di dalam talian amatlah baik sekali. Melalui pindaan ini, perlindungan ke atas pengguna dari diperdaya oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab dapat ditingkatkan.

Di dalam perniagaan *online*, saya dapati terdapat ramai peniaga yang mengiklankan jualan produk atau barangan replika atau yang *imitation* jenama-jenama mewah dan *premier*. Kita mengetahui bahawa situasi atau kecenderungan peniaga *online* yang menawarkan barang-barang replika seperti jam, *handbag* dan produk-produk mewah lain akan mendedahkan mereka kepada tindakan oleh pihak pemilik asal jenama mewah ini.

Justeru, saya ingin mendapatkan kepastian daripada KPDNKK tentang bagaimanakah kita mengawal dan memastikan bahawa tidak berlaku lagi kes-kes perniagaan *online*, mengiklankan barang-barang berjenama mewah dan *premier* palsu? Ini untuk memastikan integriti pasaran di Malaysia dan memastikan Malaysia bukan menjadi lambakan pasaran barangan palsu atau tiruan jenama mewah.

Oleh itu saya memohon agar KPDNKK melalui pindaan akta ini memberikan perhatian serius untuk mengingatkan kepada peniaga-peniaga ini agar mengelak untuk menjalankan perniagaan barang-barang tiruan kerana implikasi hukuman perundangan dan saman oleh pemilik jenama asal akan merugikan dan menyusahkan peniaga. Sekian, saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput pula Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

4.38 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kerana membentangkan pindaan akta ini

bagi memastikan kewajiban peniaga mematuhi peraturan, mempamerkan harga terangkum yang meliputi harga produk atau barangan serta perkhidmatan yang didagangkan.

Perkembangan pesat perniagaan dalam talian dan komitmen serta galakan kerajaan kepada rakyat menambah pendapatan dengan menyertai pasaran digital amat saya alu-alukan. Oleh itu, KPDNKK selaku kementerian yang bertanggungjawab terhadap perundangan statutori perlu memainkan peranan yang lebih tegas dan responsif untuk memastikan apa-apa cara pengiklanan dan pameran harga produk atau perkhidmatan yang dibuat menerusi media sosial mematuhi semua ketetapan Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2017.

Melalui pemerhatian saya, kebanyakan kandungan iklan atau promosi oleh peniaga *online* mempunyai pelbagai pendekatan dan kadang-kadang perihalan berkaitan dengan produk mereka melampaui batas kehebatan atau fungsi produk yang mereka jual.

■1640

Terdapat juga aktiviti promosi dalam media sosial sering kali terpedaya terutamanya dalam urusan jualan fabrik atau produk songket yang akhirnya pembeli mengalami kerugian. Ada juga iklan produk kecantikan yang mana krim muka atau pembersih muka mampu memutihkan kulit dan wajah, tetapi apabila dibeli memudaratkan pengguna. Bukan *Qu Puteh* ya, takut nanti *Qu Puteh* marahkan saya. Terdapat juga makanan suplemen yang di uar-uarkan dapat menyembuhkan pelbagai penyakit kronik sedangkan peraturan-peraturan *statutory* benar-benar telah jelas melarang para peniaga mempromosikan iklan perniagaan produk mereka sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin memohon satu penjelasan terperinci dari KPDNKK tentang bagaimanakah cara kerajaan untuk menangani isu pengiklanan di media sosial yang mana saya perhati telah melampaui batas-batas perundangan dan menyalahi peruntukan Akta Perihal Dagangan. Justeru melalui pindaan ini, saya berharap kementerian mengeluarkan satu tatacara yang lebih *inclusive* dan komprehensif agar perbuatan curang promosi melampaui fungsi dan hakikat produk dan barangan dapat dibendung. Kita mahukan persekitaran yang sihat dan berintegriti dalam memastikan perniagaan dalam pasaran digital memanfaatkan peniaga dan pembeli. Sekian, saya mohon menyokong pindaan akta ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datin Rahimah dan ada lagi siapa hendak bercakap, bahas lagi? Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan.

4.42 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih di atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama bangun dan berbahas Rang Undang-undang Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 2017 ini. Ringkas sahaja ucapan saya Tuan Yang di-Pertua, namun dalam masa yang sama saya terpanggil untuk menyentuh beberapa isu semasa yang berkaitan demi kepentingan pengguna dan masyarakat awam di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, izinkan saya mengucapkan tahniah di atas hasil kerja dan keprihatinan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan

Penggunaan yang akhir-akhir ini berusaha melaksanakan pelbagai aktiviti dan operasi dalam usaha menguatkuasakan undang-undang bagi memajukan perdagangan dalam negeri selain melindungi kepentingan pengguna khususnya dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan rang undang-undang ini bertujuan menggalakkan amalan perdagangan yang telus dan terbuka dengan melarang dagangan palsu yang tidak telus. Ia merangkumi mengiklankan, menyiar atau menyebut maklumat yang mengelirukan pengguna dari segi mempamerkan tanda harga, tidak telus dalam caj tersorok, dengan izin, *hidden charge* seperti nilai cukai, duti caj kerajaan serta lain-lain caj. Ini termasuk cukai GST yang kerap kali di manipulasi oleh peniaga yang tidak berhemah di mana mereka sewenang-wenangnya menaikkan harga barangan dan perkhidmatan melebihi kos GST enam peratus. Akibatnya, wujudlah aktiviti pencatutan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh satu fasal dari rang undang-undang pindaan ini iaitu subseksyen 15(1) Akta 730, menyentuh isu iklan-iklan, harga barangan dan permintaan perkhidmatan sudah merangkumi segala caj yang dikenakan termasuk cukai dan duti kerajaan tanpa sebarang kewujudan caj tambahan atau *hidden charge*, dengan izin, yang bakal merubah harga barangan dan perkhidmatan tersebut menjadi lebih mahal dari harga yang diiklankan. Saya menyokong pindaan rang undang-undang ini yang jelas menerangkan keperluan mempamerkan tanda harga nilai terkini tanpa sebarang *hidden cost*, dengan izin, atau kos tersembunyi untuk semua barangan dan perkhidmatan yang dipamerkan.

Saya sebenarnya ada menerima aduan daripada masyarakat awam yang mengeluh iaitu hari ini menurut mereka sudahlah harga barangan semakin meningkat, harga yang dipamerkan pula tidak telus dan mereka perlu membayar lebih, bila ditanya alasannya ialah GST. Akan tetapi, GST hanya 6 percent, namun harga yang dijual meningkat sehingga 10 ke 15 percent. Jelas ini satu penipuan yang wujudnya aktiviti pencatutan di sini tetapi yang saya gusarkan masyarakat kita sebenarnya kerap mengambil sikap tidak apa, memandangkan hanya beberapa Ringgit sahaja. Akan tetapi terfikirakah kita Tuan Yang di-Pertua, bagaimana persepsi pelancong asing yang kerap ditipu oleh peniaga tempatan, lain harga yang dipamer, lain pula yang dijual.

Tuan Yang di-Pertua, isu tanda harga membabitkan nilai satu sen. Saya terpanggil untuk menyentuh isu ini termasuk pendirian dari pihak KPDNKK dan Bank Negara sendiri dalam menyelesaikan isu tanda harga membabitkan nilai satu sen dan bundar kepada sen terdekat berikutan syiling satu sen sudah tiada dalam pasaran. Saya balik isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri KPDNKK, saya melihat masih ada tanda harga dalam bentuk tukaran satu sen, harga barang dipamerkan seperti RM9.99. Saya mohon pencerahan dari pihak Yang Berhormat Menteri dalam isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu mempamerkan tanda harga, adakah arahan ini termasuk premis di pasar malam, pasar tani dan Bazar Ramadhan dan adakah ianya termasuk meletakkan tanda harga merah jambu seperti contohnya bagi barangan di bawah Skim Kawalan Harga Bulan Ramadhan 2017 yang lalu. Malah sejauh manakah peniaga mematuhi arahan yang termaktub di bawah perintah kawalan harga? Iaitu Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit 1993. Tanda harga juga mesti guna Bahasa Malaysia, mudah dilihat dalam nilai Ringgit Malaysia.

Saya juga terpenggil menyentuh isu PATI yang sewenang-wenangnya berniaga di tempat terbuka. Isu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang hari ini menjadi tauke selepas mengambil alih perniagaan daripada syarikat tempatan atau wujudnya konsep alibaba atau sikap malas dan mahu untung, jalan mudah oleh peniaga tempatan. Soalan, apa tindakan pihak KPDNKK termasuk juga kerjasama dengan agensi lain seperti pihak imigresen, polis dan Kementerian Dalam Negeri ke atas peniaga asing tanpa lesen yang sah ini. Turun padang dan lihatlah di Jalan Chow Kit, sekitar Pasar Seni dan Jalan Petaling. Penuh dengan peniaga warga asing, sehingga *sign board* dan bahan yang dijual pun barangan terpilih untuk rakyat asing. Mohon pandangan kementerian.

Isu *pork* ataupun daging khinzir barangan tidak halal. Saya ingin menyentuh tanda harga yang kadangkala hanya bersebelahan rak dengan barang halal. Terutamanya di pasar-pasar raya hari ini, tanda harganya pula dalam bahasa Inggeris- tandanya "*Pork*". *Dan* mungkin menimbulkan kekeliruan bagi orang Islam yang kurang mahir berbahasa Inggeris. Soalannya, apakah polisi dan undang-undang yang diguna pakai berkaitan isu rak barangan daging khinzir dan barangan tidak halal ini? Mohon pandangan Yang Berhormat Menteri dalam isu ini. Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusannya apa yang boleh dirumuskan di sini ialah beberapa alasan utama, mengapa isu ini masih berterusan?

■1650

Mentaliti peniaga sendiri yang mahu mengejar keuntungan segera tanpa memikirkan nilai moral dan tuntutan agama. Dua, sikap tidak apa pengguna kerana walaupun mengetahui hak mereka sebagai pengguna di manipulasi. Mereka memilih untuk tidak melaporkan kepada pihak penguat kuasa. Mungkin atas alasan hanya penipuan kecil dan tidak berbaloi untuk dipanjangkan kepada pihak yang berkuasa. Kurangnya pengetahuan dan kesedaran di kalangan masyarakat awam berkaitan hak-hak seorang pengguna. Penguasaan yang longgar pihak berwajib kemungkinan kurang kakitangan untuk turun padang serta lebih menumpukan pada isu-isu berbanding penipuan isu ini.

Itu saja dari saya. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2017 ini. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Abdul Shukor. Bahan ucapan baik, itu yang terbaik. Ada lagi Yang Berhormat hendak bercakap, saya bagi peluang lagi seorang. Sila.

4.51 ptg.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut serta di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2017. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada di sini kerana Yang Berhormat Menteri membentangkan rang undang-undang ini dan secara ringkasnya saya mempunyai tiga perkara ataupun dalam keadaan perihal perniagaan, saya merasakan bahawa ada perkara-perkara yang tidak begitu memberi keadilan kepada pengguna.

Pertama ialah kecenderungan kedai-kedai ataupun peniaga menjual kad keahlian dengan hakikat bahawa menarik pengguna membeli barangan di kedai mereka dan promosi secara paksa rela

atau *purchase with purchase* yang banyak sekali digunakan di pasar raya atau *outlet* perniagaan dan juga di kedai-kedai buku ataupun *stationary*.

Keduanya, promosi pakej-pakej keahlian iaitu kad keahlian pakej pelancongan dan hospitaliti dengan kerjasama kompeni seperti kad *BonusLink*, kad kredit bank-bank tempatan yang kadang-kadang terlalu banyak pakej-pakej dan kupon-kupon diskaun makanan, pembelian barangan di kedai-kedai yang tertentu kononnya memberikan keistimewaan.

Ketiganya ialah cas-cas tersembunyi yang dikenakan dalam kontrak-kontrak peranti dan alat telefon mudah alih ataupun telefon pintar yang kadang-kadang kita tidak sedari mengeksploitasi pertimbangan pengguna kerana terpedaya dengan harga peranti yang kononnya murah tetapi sebenarnya bayaran bulanan kontrak servis perkhidmatan adalah tinggi sehingga kalau dibandingkan dengan pembelian tunai peranti tersebut, ia adalah lebih murah.

Beginilah hakikatnya apa yang berlaku pada hari ini. Oleh yang demikian, saya memohon kepada kementerian ini tentang bagaimana melalui pindaan akta ini kerja-kerja penguatkuasaan dan langkah-langkah yang patut yang diambil bagi menyekat penularan tiga perkara yang telah saya nyatakan di atas tadi supaya ia tidak berulang dan tidak menganiaya pengguna-pengguna. Harapan saya semoga dengan pindaan akta ini kewajipan peniaga untuk menzahirkan dan mempamerkan harga terangkum dipantau dengan rapi oleh kementerian, mengenakan hukuman dan tindakan yang lebih tegas untuk memastikan aktiviti-aktiviti seperti promosi curang yang memperdayakan pengguna boleh ditamatkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi dan minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Dipersilakan.

4.55 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan beberapa isu tentang akta yang kita bincang pada petang ini. Pertamanya saya hendak jelaskan ini sama seperti yang kita, akta yang kita luluskan sebentar tadi. Ia merangkumi tentang Dasar Harga Terangkum dan untuk kita berikan satu lagi kuasa hak pengguna menentukan harga barangan pada masa hadapan. Jadi kalau segala masalah yang timbul, lebih kurang sama jawapan kepada apa yang saya sudah jawab tadi terutama tentang *online business*.

Biar saya jelaskan di sinilah. Kita ada Akta Perlindungan Pengguna. Di situ kita masukkan Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012. Kita hendak supaya sesiapa saja yang hendak melakukan perniagaan melalui *online business* atau elektronik perdagangan secara elektronik itu, ia mesti mengemukakan segala maklumat atau mendedahkan segala maklumat.

- (i) kita perlukan nama orang yang menjalankan perniagaan bagi maksud membekalkan barang atau perkhidmatan melalui tapak web atau dalam pasar, dalam talian atau nama perniagaan, atau nama syarikat;
- (ii) nombor pendaftaran perniagaan atau syarikat jika terpakai;

- (iii) alamat e-mel dan nombor telefon atau alamat orang yang menjalankan perniagaan bagi maksud membekalkan barang atau perkhidmatan melalui tapak web atau pasar dalam talian;
- (iv) perihalan tentang ciri utama barang atau perkhidmatan itu;
- (v) harga penuh barang atau perkhidmatan termasuklah kos pengangkutan, cukai dan apa-apa kos lain;
- (vi) kaedah pembayaran;
- (vii) terma-terma dan syarat-syarat; dan
- (viii) anggaran masa penghantaran barang atau perkhidmatan kepada pembeli.

Ini telah kita lakukan. Jadi sebenarnya masalah yang timbul Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah dan juga Yang Berhormat Senator Datin Rahimah tadi, saya hendak maklumkan bahawa apa yang kita telah lakukan mencukupi tetapi kadangkala pengguna ini tidak memahami bahawa dia terpaksa benar-benar periksa, *check* dulu sama ada mereka ini benar-benar syarikat yang telah pun berdaftar ataupun tidak, sama ada barang-barang itu apa yang mereka lakukan itu adalah sesuatu menyalahi undang-undang. Semua itu bila telah kita lakukan, kita hendak supaya penggunalah yang berkuasa hari ini dan kalau ada kesilapan atau mana-mana yang melakukan kesalahan, boleh buat aduan dengan kita. Itu telah pun kita lakukan dan kita telah tubuhkan tribunal pengguna. Jika sekiranya ada masalah-masalah boleh buat laporan dan tribunal boleh juga mengambil tindakan.

Kemudian Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor ada membangkitkan tentang harga tidak telus. Sama seperti yang saya telah jelaskan sebelum ini, akta sebelum ini. Kita hendak ketelusan yang sebenarnya di sini, sebab itu kita lakukan ini kerana kita lihat dari segi akta sebelum ini dan akta ini ada persamaan, maka terpaksa kita gunakan ini juga supaya tidak ada masalah yang bercanggah dengan akta yang telah pun kita luluskan tadi. Maka kita gabungkan supaya bila kita hendak mengambil tindakan, kedua-duanya adalah selari dengan Dasar Harga Terangkum.

Tentang bahasa, betullah kita hendak kalau boleh semua menggunakan Bahasa Malaysia tapi ada lagi kadang-kadang yang menggunakan bahasa Inggeris ini. Itu isu lain yang boleh kita jadikan-masalahnya inilah bila kita gunakan isu-isu bahasa seperti ini, ia menimbulkan emosi. Ada orang menggunakan ini *as a tools* untuk *you know*, melihat seolah-olah kerajaan ini tidak tegas. Akan tetapi ada juga setengah-setengah pihak yang sengaja menggunakan bahasa-bahasa lain semata-mata untuk kepentingan mereka.

■1700

Jadi, isu bahasa ini adalah suatu yang sepatutnya kita sebagai rakyat dalam negara ini patut memahaminya bahawa bahasa kebangsaan diutamakan, bahasa-bahasa lain juga boleh kita gunakan. Akan tetapi biarlah berikan keutamaan kepada bahasa kita.

Jadi, *insya-Allah* isu ini daripada semasa ke semasa, akhirnya rakyat akan sedar akan kepentingan bahasa demi untuk memastikan kita mempunyai semangat sebagai seorang warganegara yang benar-benar sayang dan cintakan negara. Tentang kesedaran kepada pengguna. Saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan, telah pun saya buat kementerian ini di peringkat sekolah lagi kita telah menghantar pegawai-pegawai kita, terutamanya

pengarah negeri-negeri untuk turun dan ada KPI yang telah pun saya berikan kepada mereka. Mereka mesti memberi ceramah kepada setiap negeri. Pengarah negeri itu mesti turun. Kalau tidak silap saya, 10 buah sekolah semuanya untuk setahun. Untuk pegawai-pegawai di peringkat ibu pejabat, mereka turun untuk beri ceramah kepada mahasiswa-mahasiswa di peringkat universiti, pengajian tinggi. Itu juga kita berikan KPI kepada mereka.

Ini adalah supaya kesedaran ini bermula daripada peringkat bawahan lagi seperti sekolah, mahasiswa dan apabila mereka keluar nanti sebagai seorang pengguna yang tahu akan tanggungjawab dan hak mereka. Mereka sudah pun telah mendapat ilmu-ilmu yang telah pun kita berikan. *Insyah-Allah* apabila kita mengumumkan negara kita sebagai sebuah negara maju, semua pengguna sudah pun tahu akan tanggungjawab mereka, sudah pun sedar bahawa merekalah yang menentukan tentang harga mana yang sepatutnya ditentukan oleh pengguna itu sendiri.

Tentang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili. Terima kasih kerana memberikan ucapan kepada kementerian kita. Saya hendak maklumkan, banyak perkara yang kita lakukan di sini oleh kementerian kita adalah untuk kepentingan kita bersama. Bukan hanya untuk saya sebagai Menteri, Timbalan Menteri saya dan juga pegawai-pegawai, tidak. Akan tetapi untuk semua kita kerana *consumerism*, kepenggunaan yang saya maksudkan itu adalah kepentingan kita bersama. Marilah kita bekerjasama untuk menentukan yang kita lakukan ini adalah sesuatu yang memberikan penambahbaikan daripada semasa ke semasa, penyelesaian yang benar-benar memberikan satu pengertian bahawa negara ini adalah negara yang benar-benar maju. *Insyah-Allah*.

Masalah tidak adil kepada pengguna, terutamanya dengan menjual atau promosi kad keahlian ini. Inilah yang saya maksudkan tadi. Kita sudah mengajar, beri ceramah di peringkat sekolah lagi, mahasiswa. Cuma hendak memberitahu kepada pengguna yang sudah memang susah sangat kita hendak ajar ini daripada semasa ke semasa, *insyah-Allah* akan turunkah dari segi peratusan mereka yang tertipu, terpedaya dengan segala promosi yang dilakukan oleh peniaga-peniaga. *Insyah-Allah* ini adalah kerjasama, tanggungjawab. Minta semua NGO, semua saudara membantu kita untuk memaklumkan kepada rakyat, berhati-hati apabila hendak menjadi ahli atau hendak membayar yuran keahlian. Semua ini adalah sesuatu yang peniaga lakukan untuk mereka mencari keuntungan. Itu kita kena faham dahulu sebelum kita mengambil sesuatu atau menyertai sesuatu promosi yang dibuat oleh syarikat-syarikat atau peniaga-peniaga dalam negara kita.

Tentang caj-caj tersembunyi, terutama melalui *mobile phone* ini. Saya hendak maklumkan, ini kementerian MCMC yang sebenarnya yang ambil tindakan tentang masalah ini. Jadi, inilah yang saya lakukan untuk kepentingan bersama. *Insyah-Allah* apabila kedua-dua akta ini diluluskan nanti, kita akan cuba untuk memastikan kekurangan dari segi penipuan berlaku, terutamanya dalam pengiklanan-pengiklanan, pameran-pameran tentang harga yang akan kita faham dan juga apa yang peniaga tunjukkan kepada kita semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang saya lakukan. Terima kasih banyak. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang telah memberi penerangan dan menjelaskan dengan jelas. Pihak Dewan Negara mengucapkan terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, [disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Lee Chee Leong)] dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANTUAN GUAMAN (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.09 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan bantuan guaman diberikan oleh kerajaan melalui Jabatan Bantuan Guaman yang telah ditubuhkan kira-kira 40 tahun yang lalu. Sepanjang tempoh tersebut, Jabatan Bantuan Guaman telah banyak membantu golongan yang kurang berkemampuan mendapat akses kepada keadilan melalui pengendalian kes di mahkamah dan khidmat nasihat undang-undang yang diberikan.

■1710

Bagi memastikan kelestarian Jabatan Bantuan Guaman dan perkhidmatan yang diberikan lebih berimpak dan kekal relevan pada masyarakat, beberapa transformasi perlu dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, suatu Jawatankuasa Pemandu untuk mentransformasikan perkhidmatan bantuan guaman di Malaysia yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah ditubuhkan pada 29 Ogos 2016 bagi mengkaji pendekatan baru terhadap perkhidmatan bantuan guaman supaya ianya dapat diselaraskan.

Seterusnya, Jabatan Bantuan Guaman juga telah mengadakan Konvensyen Bantuan Guaman 2017, pada 20 Jun 2017 dan sesi *engagement* antara Jabatan Bantuan Guaman dengan kementerian atau agensi-agensi kerajaan yang berkaitan telah diadakan pada 4 Julai 2017 yang bertujuan untuk mendapatkan maklum balas berkenaan dengan cadangan, penggubalan dan pembentangan rang undang-undang ini. Berdasarkan proses konsultasi tersebut, cadangan pindaan kepada Akta 26 telah

dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Julai 2017 dan Jemaah Menteri bersetuju terhadap cadangan-cadangan pindaan tersebut.

Pertama adalah cadangan pindaan untuk memasukkan tarikh bantuan guaman ke dalam Akta 26. Tujuan pindaan ini adalah untuk memperjelas bentuk bantuan guaman yang diberikan di bawah Akta 26 ini. Ia penting untuk mengelakkan kekeliruan sama ada sesuatu perkhidmatan itu berada di bawah skop bantuan guaman.

Cadangan pindaan kedua adalah untuk menghadkan bantuan guaman hanya kepada warganegara Malaysia.

Cadangan pindaan ketiga adalah untuk menambah baik ujian kemampuan yang diguna pakai pada masa ini supaya ia selaras dengan dasar semasa kerajaan dalam memastikan bantuan guaman hanya diperuntukkan kepada kumpulan sasar yang benar-benar layak untuk diberikan bantuan guaman yang dibiayai oleh wang awam.

Cadangan pindaan yang keempat adalah menstrukturkan semula peruntukan mengenai fi pendaftaran.

Cadangan pindaan yang kelima adalah untuk memperkenalkan perkhidmatan pendamping guaman kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa kepada kesalahan yang ditetapkan dalam Jadual di bawah akta. Bagi permulaannya, kesalahan yang telah dikenal pasti ialah semua kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang bertulis.

Ia juga melengkapkan penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang membicarakan kesalahan-kesalahan seksual selaras dengan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan atau perundangan sedia ada yang lain berkaitan. Fungsi pendamping guaman ini antara lain adalah untuk membantu kanak-kanak yang menjadi mangsa atau penjaganya memahami situasi yang dihadapi dan hak mereka di sisi undang-undang. Pendampingan guaman juga berperanan mendapatkan maklumat mengenai pertuduhan, menemani orang yang dibantu dalam mana-mana prosiding di mahkamah dan menasihati orang yang dibantu dalam tindakan sivil.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan kepada Akta 26 adalah dari Fasal 1 hingga 12 seperti yang terkandung dalam naskhah rang undang-undang yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya dari segi ekonomi Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 ini merupakan sebahagian daripada pelan induk untuk mentransformasikan perkhidmatan bantuan guaman di negara ini selain untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian bantuan guaman yang diberikan oleh Jabatan Bantuan Guaman.

Kerajaan juga dapat menyelaraskan pemberian perkhidmatan bantuan guaman dengan bantuan-bantuan yang diberikan kepada golongan-golongan tertentu seperti eKasih, BR1M dan B40. Sehubungan dengan itu, Menteri juga mempunyai kuasa untuk menetapkan kadar fi dan sumbangan yang berpatutan dalam perundangan subsidiari supaya ia lebih fleksibel berdasarkan keadaan ekonomi semasa pemohon dan untuk dibelanjakan bagi maksud mentadbir khidmat bantuan guaman yang diberikan oleh Jabatan Bantuan Guaman.

Dari segi sosial, kerangka perundangan pindaan ini juga lebih bersifat *neutral* dalam menjaga kepentingan kanak-kanak yang menjadi mangsa kesalahan jenayah seksual. Tambahan pula, golongan kanak-kanak ini sewajarnya diberi perlindungan dan perhatian kerana golongan ini merupakan golongan yang menjadi pewaris kepada negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Di sini ada hampir 10 orang yang nak bahaskan. Saya jemput yang pertama sekali Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun, silakan. Ada? Kalau tidak ada, ganti dengan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad dan Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff.

5.16 ptg.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah membenarkan saya menjadi pembahas yang pertama bagi cadangan pindaan Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017.

Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan salam sejahtera kepada rakan-rakan dan kepada semua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan dengan menukarkan satu pindaan nampak ringkas. Akan tetapi ia membawa satu dimensi baru di dalam usaha kerajaan memberikan perkhidmatan terus kepada rakyat. Usaha berterusan ini adalah selari dengan apa yang disebut oleh Menteri iaitu sebagai satu langkah transformasi kerajaan di dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara utama atau pun tajuk utama yang akan saya kemukakan, fokuskan, pertamanya soal pindaan cadangan pertama ialah memberi suatu tafsiran ataupun erti di bawah fasal 2 tentang kanak-kanak. Saya rasa ini selari dengan Akta Kanak-kanak, Akta 611 ialah dengan menyatakan bahawa kanak-kanak yang berumur 18 tahun. Kalau saya tidak silap sini Tuan Yang di-Pertua, di bawah umur 18 tahun, ertinya kanak-kanak itu ialah seseorang yang di bawah umur 18 tahun.

Jadi, saya nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, rasional yang telah dibuat adakah menunjukkan suatu peningkatan kes-kes ini terhadap kanak-kanak iaitu apakah suatu peningkatan berlaku sehingga membawa kepada hasrat kerajaan memasukkan definisi kanak-kanak, itu soalan saya pertama iaitu soalan statistik. Kemudian, isu kedua ialah soal fi pendaftaran. Adakah ia juga sama di mana di bawah cadangan fasal 2B, yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman meletakkan atau menetapkan suatu fi pendaftaran.

Jadi, soalan berikutnya, adakah ia juga merupakan suatu jumlah wang bagi memberi khidmat bantuan guaman ataupun secara ringkasnya, adakah ini berbentuk yuran kepada rakyat yang menggunakan khidmat bantuan guaman?

Ketiga, isu perkara-perkara utama itu ialah jumlah wang yang disebut di sini ialah bagi suatu jumlah wang bagi khidmat bantuan guaman. Jadi, jumlah wang ini adakah diletakkan sebarang siling ataupun sebarang had, di mana Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh menetapkan ataupun di atas budi bicara Pengarah Bantuan Guaman.

■1720

Isu seterusnya ialah daripada segi kriteria dan ujian kemampuan pemohon. Saya melihat di sini, pada masa sekarang, fi yang ditetapkan ialah RM2 dan kriteria ataupun ujian kemampuan kelayakan seseorang untuk menggunakan khidmat bantuan guaman ini, saya kira pendapatan sebanyak RM25,000 tak lebih pendapatan, itu bagi kategori yang pertama dan bagi kategori yang kedua ialah RM30,000. Jadi soalan saya kepada Menteri, adakah jumlah wang ini mempamerkan soal pendapatan kasar ataupun pendapatan bersih isi rumah?

Isu berikutnya ialah daripada segi kewarganegaraan. Saya ucapkan syabas kepada kerajaan kerana memberi keutamaan dan juga tidak melayan sebarang bentuk permohonan daripada bukan warganegara Malaysia dan juga bukan yang bermastautin dan berada di Malaysia.

Di samping itu, yang akhirnya, saya tidak akan sentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah daripada segi khidmat pendamping guaman.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya hendak timbulkan di sini atau fokus saya ialah daripada segi kelayakan pegawai ataupun pengamal yang akan mewakili pemohon-pemohon khidmat guaman ini. Harusnya rakyat diberi suatu khidmat yang cemerlang. Misalnya, harus dilihat kepada kompetensi ataupun kecekapan pegawai yang mengendalikan sesuatu kes ini. Biarlah kerajaan menyediakan pegawai-pegawai yang mempunyai pendedahan dan pengalaman yang luas di dalam khidmat guaman. Kita tak ingin juga lihat bahawa pegawai-pegawai yang baru yang diberi kuasa ataupun diberi tempat dan diberi peluang untuk mengendalikan kes-kes khidmat guaman.

Di samping itu juga, saya hendak bertanya, adakah khidmat ini ataupun perkhidmatan yang ditawarkan ini juga bersamaan dengan khidmat yang ditawarkan oleh Majlis Peguam? Adakah kerajaan bercadang untuk membuat suatu kerjasama atau kolaborasi antara Jabatan Bantuan Guaman dan juga Majlis Peguam? Kalau saya tak silap, Majlis Peguam juga memberi khidmat sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat awalan apabila seseorang pergi kepada Jabatan Bantuan Guaman ialah peringkat nasihat. Kemudian, jika didapati pemohon tersebut mempunyai kriteria dan layak untuk mendapat khidmat ini, maka adakah ia akan berterusan sehingga kepada soal menyediakan dokumen-dokumen untuk difailkan iaitu kes-kes sivil, bagi yang layak ini, dan juga menghadiri diri ataupun mewakili pemohon-pemohon ini di mahkamah-mahkamah ini dan juga mengendalikan perbicaraan dan seterusnya, jika perlu, sehingga proses rayuan? Jadi saya hendak tanya Jabatan Bantuan Guaman, setakat mana had perkhidmatan khidmat guaman ini yang akan diberikan kepada warganegara Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 2B(2), disebut fi pendaftaran bagi maksud mentadbir khidmat bantuan guaman. Jadi saya nak mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah yang dimaksudkan dengan, "*mentadbir khidmat bantuan guaman*"? Adakah ia membawa maksud kepada suatu yuran yang dikenakan ataupun suatu pembayaran profesional yang akan dikenakan kepada pemohon yang layak ini?

Tuan Yang di-Pertua, di bawah fasal 8(b), seseorang itu dikehendaki memuaskan hati Ketua Pengarah Bantuan Guaman bahawa dia tidak mampu untuk mendapatkan nasihat guaman itu mengikut cara biasa. Tuan Yang di-Pertua, di sinilah- oleh kerana kerajaan berhasrat untuk memberi suatu khidmat percuma kepada warganegara Malaysia- apabila seseorang itu menghubungi Jabatan Bantuan Guaman ini, sebelum Jabatan Bantuan Guaman memberi khidmatnya, adakah dia perlu untuk pergi mendapat maklumat daripada pengamal-pengamal undang-undang ini, atau maksudnya kepada firma-firma guaman sebelum Jabatan Khidmat Guaman ini memberi khidmat mereka? Itulah soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan saya rasa itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah.

5.26 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma, supaya tidak membuang masa, saya hanya akan fokus kepada pindaan-pindaan di sini dan itu pun cuma dua peruntukan yang saya akan fokus.

Yang pertama sekali ialah seksyen 2A iaitu berkaitan dengan Bahagian IA. Bahagian IA adalah satu bahagian yang baru, so seksyen 2A itu pun satu seksyen yang baru. Pada pandangan saya dan seperti juga yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan tadi, seksyen 2A ini saya tengok ada dua objektif.

Yang pertama adalah untuk memperluaskan daripada segi bantuan yang diberi terutama sekali kalau kita tengok seksyen 2A(1). Seksyen 2A sub (1) ini kalau kita tengok, dia akan tambah. Kalau dahulu ada empat jenis atau empat bahagian sahaja, sekarang dia tambah lagi satu bahagian di mana ada satu bahagian untuk perkhidmatan pendampingan guaman. Ini yang penting. Kalau kita tengok daripada segi peruntukan-peruntukan ini, ini satu peruntukan yang pada saya *very positive development*. Bila saya sebut 2A(1), *I'm also referring* sekali gus kepada Bahagian VB dalam Jadual kemudian yang akan *cover* yang ini semua.

Positif kerana ia fokus. Kalau kita tengok seksyen 29H, 29I dan sebagainya, dia membenarkan satu *Schedule* yang baru iaitu *Schedule Kelima* dan *Schedule Kelima* ini bagus pasal dia fokus kepada kanak-kanak yang telah jadi mangsa kesalahan seksual. So secara prinsip itu, *I welcome* seksyen 2A(1), 29H, 29I dan juga *Schedule*, Bahagian VB.

Akan tetapi yang saya tak puas hati, berbeza sedikit daripada Yang Berhormat tadi, ialah daripada segi *scope of coverage* ini. Kalau tadi saya cakap positif, pada saya sekarang saya nampak- kalau seksyen 2A(1) ini, kalau kita tengok seksyen 2A(1) mungkin positif tetapi seksyen 2A sub (2) ini sedikit negatif pada saya. Bila saya sebut seksyen 2A(2), saya juga merujuk sekali gus kepada seksyen

29 berkenaan dengan *scope of coverage* dari warganegara Malaysia dan sekarang tidak lagi diliputi oleh akta ini.

■1730

Kalau saya tengok seksyen 2A secara mata kasar ia tidak nampak sebagai *exclusion clause* tetapi pada hakikatnya 2A is an *exclusion clause* walaupun seksyen 29 is *very specific* dia sebut. Pada saya, saya tidak menyokong pindaan ini dan saya akan memberi sebab-sebab mengapa saya tidak menyokong.

Kalau kita tengok seksyen 29, perkataan yang digunakan sebelum ini seksyen 29 subseksyen (1), kalau kita tengok 29 subseksyen (1) di fasal 8. Dulu dia gunakan perkataan ini seksyen 29 Akta Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan, "*orang yang bermastautin dan berada*" dengan perkataan "*warganegara*". *That is the essence of it*. Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri supaya *tax payers funds* tidak di- *we have to be more responsible* bila kita menggunakan *tax payer* punya *funding*. Akan tetapi pada saya, saya tidak boleh terima ini. Cuma, fokus saya bukan kepada ini saya hendak fokus kepada orang yang bermastautin secara tetap, maksud saya *permanent residents*.

Di sini *permanent residents*, apa yang saya hendak fokus adalah mereka yang dilahirkan di sini tetapi masih ada *Red IC* untuk apa-apa sebab, dia masih ada *Red IC*, kahwin di sini dan juga *tax payer*. Akan tetapi sebelum ini dia dapat perlindungan tetapi sekarang ini dia tidak dapat perlindungan. Saya boleh faham kalau kita tukar perenggan atau fasal 8, kalau kita pinda seksyen 29 di mana perkataan itu digantikan dengan perkataan, "*warganegara dan mereka yang bermastautin secara tetap*".

Kalau boleh saya juga cadang supaya ia juga meliputi *foreign spouse* sebab walaupun *foreign spouse* mungkin *some of them are working*, dia pun juga *contribute towards some form of tax* dan sebagainya. So, cadangan secara *general* itu saya terima supaya *the non-residence* itu mungkin *people residing over Malaysian resident* itu mungkin kita boleh gantikan dengan "*bukan sahaja warganegara*" tetapi dengan "*permanent residents*" supaya dia pun dapat *coverage*. Itu satu kalau boleh.

Akan tetapi kalau tidak boleh, saya ada lagi satu *proposal*. Mungkin kalau sekarang kita tengok dari segi jenis khidmat guaman atau khidmat bantuan guaman yang diberikan yang ditetapkan oleh seksyen 2A dan juga akta ibu sebelum ini. Kalau kita tengok dari segi jenis bantuan yang dibenarkan sekarang, seksyen 2A menyenaraikan lima jenis untuk warganegara Malaysia. Mungkin cadangan saya ialah untuk mereka yang *permanent residents* ataupun *foreign wife*, mungkin kita tidak bagi bantuan sepenuhnya untuk lima-lima keadaan ini tetapi hanya untuk empat. Maksud saya, kita hadkan sedikit, kita hadkan bukan keseluruhan, kita hadkan sedikit di mana kita hanya memberi khidmat bantuan guaman untuk tindakan sivil, nasihat guaman dan juga *mediation* atau pengantaraan dan juga sebagainya termasuk khidmat pendampingan guaman.

Isunya kalau kita tengok di Malaysia, orang yang memegang *Red IC* dan sebagainya, kanak-kanak juga *can be subjected to sexual harassment and* ini kalau betul-betul dia miskin dan sebagainya, *it shouldn't be denial of her justice* kepada ini. Akta Ibu saya tahu ia cuma menjadualkan secara spesifik Jadual Ketiga, Jadual Keempat, Bahagian V dan sebagainya. So, cadangan saya ialah supaya diberikan kepada *permanent residents*, ini yang berbeza sedikit dengan Yang Berhormat tadi tetapi hadkan kepada jenis-jenis seperti yang dijelaskan tadi. Terutama sekali kalau tidak boleh pun, *I reduce*

further, tadi dari *citizen*, kalau boleh *I* cakap *maintain* untuk semua orang. Kalau tidak boleh *at least* bagi kepada *permanent resident* dengan *foreign spouse all that four coverage* yang dibenarkan oleh 2A(1), (a), (b), (c), (d) dan (e) *sorry* kecuali (a), kes jenayah dikecualikan tetapi bagi yang lain (b), (c), (d) dengan (e). Akan tetapi kalau ini pun tidak boleh...

Tuan Ramli bin Shariff: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada rakan saya. Bolehkah bersetuju dengan saya bahawa peruntukan ini ataupun perlindungan ataupun bantuan yang ditawarkan ataupun yang diperuntukkan ialah hanya untuk warganegara Malaysia sahaja dan ia merupakan satu keistimewaan ataupun *privilege*, dengan izin, dan bukan sebagai satu hak kepada bukan warganegara Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih. Kita kena harus faham, 40 tahun ini kita beri kemudahan ini kepada semua *residents of Malaysia*, 40 tahun ini baru sekarang. Pada saya mungkin perkataan yang saya guna itu kasar sedikit tetapi pada saya *law should be progressive*. Pada saya dari aspek ini, dari aspek mengehendkan, *I look at this* sebagai satu *regressive law, we are going backwards* sebenarnya.

Saya faham kalau *argument tax payers funds should only be use for tax payers*. Dalam konsep ini kita anggap semua warganegara *as tax payers which is not true*. Orang yang memegang *red IC* pun juga membayar *tax*. *That is why I* cadang, saya setuju kalau perkataan 29 itu dikeluarkan kalau kita tengok "*orang yang bermastautin dan berada*" digantikan dengan "*warganegara dan permanent residents*". *First choice permanent residents*, kalau boleh masuk ini.

Kadang-kadang kalau kita tengok dari segi *justice* dan sebagainya, kita tidak boleh *deny* seseorang *justice* semata-mata kerana dia bukan warganegara Malaysia. *If I extend the same argument*, kalau seorang *foreigner hurts Malaysian, that also involve foreigners*. Contolah, *I am talking about children* dan sebagainya, *I* tidak mahu sebut lain *nationality* datang sini banyak sangat *foreign workers*, gangguan seksual dan sebagainya. Saya tahu isu ini dia *refer* kepada mangsa dan bukan kepada orang ini tetapi mangsa yang bukan warganegara tetapi *permanent resident*, itu saya punya fokus.

Permanent resident itu *whatever reason* lah dia tidak dapat kewarganegaraan. Ada juga *cases* macam itu, mungkin bukan banyak tetapi ada. *To me as far as possible the law must provide for all situations*. So cadangan saya yang pertama, kalau boleh masuk *permanent residents*, kalau boleh masuk *foreign spouses*, kalau boleh untuk lima-lima yang diliputi oleh 2A(1). Kalau tidak boleh...

Tuan Ramli bin Shariff: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya, rakan saya Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Tadi ada Yang Berhormat Chandra menyebut soal *justice* dengan izin, adakah ia juga, Yang Berhormat menuntut soal *just and fair*. Bolehkah dibezakan antara *justice or fair*? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Ini seolah-olah *the difference between equality and equity*. Pada saya, *justice is more based or fairness is more based on equitable remedy rather than equal remedy*. Bila kita cakap *equitable remedy*, ini tafsiran saya. *I am not a practicing lawyer* macam Yang Berhormat *but to me equitable remedy means also* termasuk *access to legal protection*. Saya akui dalam akta ini atau mana-mana akta pun di Malaysia kita tidak hadkan atau kita tidak halang dia.

Dia boleh pergi *employ* dia punya *own lawyer* dan sebagainya, tetapi pada saya, kalau kedudukan kewangan dia tidak membenarkan, *then secara indirectly is being denied*.

■1740

Itu maksud saya. Tetapi berbalik kepada ini supaya saya hendak *limit* masa ini. Macam saya cakap tadi kalau boleh *permanent resident foreign wife* semua khidmat guaman, semua khidmat bantuan guaman yang disenaraikan di bawah seksyen 2A kalau di bawah seksyen 2A (1) itu, maksud saya Jadual Kedua, Jadual Ketiga, Jadual Keempat, Jadual Kelima, Bahagian VA dan juga Bahagian VB, kalau boleh. Akan tetapi kalau tidak boleh kita buang A itu untuk kes-kes jenayah itu, dia kena cari *on their own*.

Walaupun dia mangsa *of the crime*, dia bukan *cause of the crime*. Akan tetapi *I* cuba hendak *narrow*-kan sedikit, fasal mungkin dalam *cases-cases* sedemikian mungkin mereka akan dapat bantuan dari *Bar Council* dan sebagainya, itu satu. *I* tidak tahu, *I* tak tahu. *They maybe covered* dari segi *this kind of issues*. Akan tetapi kalau tidak boleh pun, *I further narrow it down*. ini macam *bargaining, I further narrow it down*. Kalau tidak boleh *Third Schedule* pun, kalau tidak boleh semua item yang disenaraikan, kalau kita tengok Jadual Ketiga ini dia menyenaraikan *situations* di mana atau jenis sivil prosiding yang kita boleh bagi bantuan guaman.

Pada saya kalau tidak boleh *covers* semua, ini untuk *permanent resident*, sekurang-kurangnya kita bagi bantuan khidmat guaman untuk prosiding di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah) 1950 punya *act*. Kedua, segala prosiding di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 atau *Workmen's Compensation Act of 1952*. Ketiga, sivil prosiding untuk ganti rugi yang timbul akibat kemalangan yang melibatkan motor kenderaan. Keempat, hak mengenai prosiding perceraian dan jagaan. Kelima, hak-hak atau perlindungan di bawah Akta Pusaka Kecil, dan akhir sekali Permohonan *Probate* dan Pentadbir Pusaka.

Isu ini ialah kalau kita tengok terutama sekali kaum wanita. Banyak *that I see* dan juga *foreign spouses*, kemungkinan akan menghadapi keadaan-keadaan yang saya senaraikan tadi. Mungkin dalam Jadual Kedua tidak ada, Jadual Keempat tidak ada, Jadual Lima atau Bahagian VA, Bahagian VB pun tidak ada, Akan tetapi Jadual Ketiga ini sivil prosiding ini kemungkinan besar mereka akan menghadapinya *and* isu masalah kewangan *shouldn't be the reason why* dia tidak boleh dapat *justice, why she shouldn't get judicial redress*.

Itu satu sahaja cadangan saya kepada kementerian dan saya harap kementerian boleh menimbangkan cadangan-cadangan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah. Saya jemput pula sekarang Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

5.43 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*.

Pertamanya berkait dengan pindaan Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 saya ingin menyentuh tentang pertamanya ialah khidmat bantuan guaman yang terlibat di dalam akta ini antaranya ialah dalam kes-kes jenayah.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Namun, bantuan guaman di kes jenayah ini ia terhad kepada prosiding jenayah yang di dalamnya tertuduh mengaku salah kepada pertuduhan dan ingin membuat rayuan untuk meringankan hukuman berkenaan dengannya.

Selepas itu berasaskan kepentingan keadilan melalui seksyen 10(2A) Yang Berhormat Menteri boleh memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memberi bantuan guaman berhubung mana-mana prosiding jenayah. Maknanya ada *exception* kepada *general rule* yang telah disediakan. Saya berpandangan keadilan adalah hak semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaya atau miskin, tua atau muda dan saya yakin akta ini diwujudkan bagi membantu golongan yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan bantuan guaman.

Namun, pandangan saya menghadkan bantuan guaman hanya kepada pengakuan salah dan tertuduh ingin membuat rayuan untuk meringankan hukuman dengan pengecualian tertakluk kepada pemberian kuasa oleh Yang Berhormat Menteri kepada Ketua Pengarah banyak membantutkan akses keadilan oleh masyarakat bagi yang kurang berkemampuan.

Sehubungan itu, saya mohon tahu SOP bagi seksyen 20(2A) tadi Akta Ibu bagi membolehkan tertuduh yang layak mendapatkan khidmat bantuan guaman dalam kes jenayah selain daripada pengakuan salah. Berapa lama masa yang diambil bagi mendapatkan kelulusan dan berapa banyak kes yang telah diluluskan bagi dikendalikan dalam kes-kes berkenaan bagi tahun 2015 dan 2016 dan juga bagi kes-kes selain pengakuan salah dalam kes jenayah adakah ianya dikendalikan oleh pihak peguam daripada Jabatan Bantuan Guaman atau ia dikendalikan oleh pihak panel peguam yang dilantik.

Seterusnya berkait dengan fi pendaftaran. Melalui seksyen baru 2B (2), fi pendaftaran yang dibayar yang bakal ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri hendaklah dibelanjakan bagi maksud mentadbir khidmat bantuan guaman. Saya mohon penjelasan mentadbir khidmat bantuan guaman adakah ia termasuk mewujudkan satu tabung amanah ataupun tabung kebajikan yang akan digunakan bagi membayar fi guaman ataupun fi pendaftaran yang berkaitan yang perlu dibayar bagi pihak-pihak yang ataupun pemohon yang betul-betul tidak mampu daripada sudut kewangan walaupun untuk membayar fi-fi pendaftaran.

Adakah yang dimaksudkan mentadbir khidmat bantuan guaman ini termasuk dalam pewujudan tabung-tabung tersebut? Sekiranya tidak termasuk, saya mencadangkan diwujudkan suatu tabung amanah ataupun tabung kebajikan bagi pemohon-pemohon yang betul-betul tidak mampu daripada sudut ekonomi.

Seterusnya kelayakan memohon bantuan guaman. Melalui pindaan seksyen 15 dan 16, ia telah menggantikan syarat asal kelayakan permohonan iaitu kalau sebelum ini RM25,000 setahun

pendapatan kepada ujian kemampuan sebagaimana ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya yakin antara ujian-ujian kemampuan yang akan digunakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah dengan mendapatkan maklumat-maklumat pendapatan, maklumat pekerjaan daripada kementerian-kementerian dan juga jabatan-jabatan.

Namun demikian, saya menyarankan di sini agar maklumat-maklumat berkenaan dengan kewangan, pendapatan, pekerjaan juga diambil daripada pihak kerajaan negeri kerana terutamanya lantikan-lantikan di pihak kerajaan negeri seperti para penghulu, penggawa dan juga imam yang mereka ini sememangnya mereka ini rapat dengan anak-anak mukim masing-masing dan pastinya mengetahui kedudukan kewangan, kedudukan keluarga dan kemampuan mereka, sama ada mereka layak atau tidak untuk mendapatkan bantuan guaman secara percuma.

Seterusnya berkait dengan khidmat bantuan guaman kepada bukan warganegara. Saya mohon untuk mendapatkan penjelasan ataupun *figures* setelah sekian lama akta bantuan ini berjalan, berapa banyakkah bantuan guaman yang telah diberikan kepada bukan warganegara? Berapa banyakkah kos yang telah terlibat? Ini kerana saya juga yakin sebenarnya keadilan ini, keadilan sebenarnya bukan setakat untuk warganegara tetapi malah semua orang. Jadi saya mohon bilangan kes yang terlibat sebelum ini dan juga bilangan kos yang terlibat.

Seterusnya saya rasa isu ini pun telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff berkait dengan penyelarasan ataupun kerjasama dengan agensi-agensi lain yang turut memberi bantuan guaman yang paling ketara iaitu Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang dikendalikan di bawah Majlis Peguam Malaysia dan juga Majlis Peguam di negeri-negeri.

■1750

Adakah wujud suatu penyelarasan ataupun suatu kerjasama kes-kes yang akan dikendalikan oleh JBG di bawah akta ini dan juga kes-kes yang akan dikendalikan oleh pihak YBGK ini? Saya rasa perlu ada penyelarasan ini supaya kes-kes yang menerima bantuan guaman ini dapat diselaraskan.

Seterusnya, berkait dengan kemampuan tenaga sumber manusia JBG bagi menangani beban kes. Saya yakin bebanan kes semakin hari semakin meningkat dan saya juga yakin bebanan kerja di pihak JBG juga semakin meningkat. Saya ingin tahu *ratio* bilangan kes dan juga bilangan peguam yang mengendalikan kes. Adakah kemungkinan perlu kepada pertambahan sumber tenaga manusia di pihak JBG? Bagi memastikan masyarakat, rakyat kita yang tidak mampu akses kepada guaman berbayar, guaman yang kita sediakan tenaga khidmat guaman yang terbaik juga walaupun ia secara percuma ataupun dengan bayaran yang minimum. Setakat itu sahaja perbincangan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin, silakan.

5.51 ptg.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said di atas pembentangan Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 yang saya kira bertepatan dengan masa dan sejajar juga dengan tertubuhnya Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap

Kanak-kanak. Saya mengharapkan supaya dengan pindaan Akta Bantuan Guaman ini lebih memberi kesedaran kepada masyarakat. Seterusnya tentang perkhidmatan yang ada diberikan oleh kerajaan yang sangat prihatin.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa falsafah Akta Bantuan Guaman ini adalah untuk memastikan keadilan bukan hanya dinikmati oleh mereka yang mempunyai wang dan yang berkemampuan. Keadilan ini adalah untuk semua tidak kira bangsa, agama mahupun warna kulit. Pada tahun 1971 adalah tahun bersejarah bagi sistem keadilan negara apabila Akta Bantuan Guaman digubal dan ia membuka pintu keadilan kepada semua terutama yang miskin dan yang berpendapatan rendah. Setelah 46 tahun telah berlalu, ramai yang telah dapat dibantu dan mendapat keadilan.

Namun masih kedengaran yang biro ini tidak dapat membantu dengan meluas dan lebih efisien. Oleh sebab kita tahu bahawa ada yang datang ke khidmat bantuan guaman ini tetapi biro tidak dapat memberikan perkhidmatan kepada mereka yang memohon. Oleh sebab itu saya memohon daripada pihak kerajaan, daripada Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan setakat hari ini, berapakah pusat bantuan guaman yang telah ada di seluruh negara? Adakah ia mencukupi atau ia adalah efisien ataupun *sufficient number* yang disediakan?

Kedua, saya ingin bertanya berapakah jumlah atau pegawai yang mendaftar dan memberikan khidmat bantuan guaman ini? Untuk memastikan khidmat bantuan yang telah diuar-uarkan ini berkhidmat dengan lebih efisien.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kes-kes ataupun perkhidmatan yang diberikan oleh khidmat bantuan guaman ini yang khususnya saya hendak bertanya tentang kes-kes insolvensi. Ini kerana kita tahu bahawa walaupun baru-baru ini telah dipinda Akta Insolvensi yang menyentuh tentang penjamin sosial. Namun masih ada ramai lagi penjamin sosial yang telah disenaraihitamkan oleh institusi kewangan atau pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Kebanyakan kes yang dilaporkan melibatkan penghakiman ingkar ataupun *ex parte* yang menjadikan individu yang terlibat menjadi muflis dan hilang punca pendapatan secara tiba-tiba. Oleh itu saya ingin mendapat pandangan dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah Jabatan Bantuan Guaman ini menyediakan khidmat bantuan guaman kepada penjamin-penjamin sosial ataupun apa-apa kes yang melibatkan insolvensi? Kita tahu apabila mereka yang dikenakan *bankruptcy* ataupun insolvensi ini, mereka dibebani oleh keperluan untuk melangsaikan hutang tersebut. Satu, masalah kewangan. Melangsaikan hutang tersebut.

Kedua, mereka juga perlu membayar *fees* kepada insolvensi, kos perkhidmatan dan *on top of that* pula, mereka kena bayar juga khidmat guaman sebab hendak mengeluarkan daripada senarai muflis tersebut. Kita tahu kadang-kadang orang yang muflis ini memang tidak ada duit. Oleh sebab itu kita hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah khidmat guaman ini merangkumi ataupun memberi perkhidmatan kepada mereka yang terlibat daripada insolvensi yang betul-betul dalam keadaan kesusahan kewangan? Terutamanya kepada mereka yang terlibat sebagai penjamin sosial.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, bagaimana tadi dua orang Yang Berhormat tadi menyentuh tentang bahagian baharu IA. Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan menyebutkan tentang

seksyen 2A(2) yang menyentuh tentang warganegara. Pada saya, khidmat bantuan guaman ini untuk diberikan kepada warganegara Malaysia adalah amat wajar. Ini kerana kita memang pembayar cukai dan saya rasa kelebihan ataupun *priority* perlu diberikan kepada rakyat Malaysia.

Namun, kita tidak menafikan bahawa memang terdapat kes-kes yang melibatkan warga asing dan atas semangat ataupun konsep *justice* ataupun berlaku adil kepada semua orang, kita tengok bahawa negara kita ini semakin ramai warga asing yang saya rasa jutaan. Ingin saya mencadangkan kepada pihak kementerian ataupun pihak kerajaan kalau boleh untuk diadakan dasar *government-to-government* (G-to-G) untuk menyediakan satu tabung khidmat bantuan guaman bagi warga asing negara ini...

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Boleh? Pandangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak celah?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Ya, hendak minta pandangan Yang Berhormat. Ini kerana tadi / tengok ada dua isu. Satu, memberi perkhidmatan kepada warganegara Malaysia. Kedua, memberi perkhidmatan kepada pembayar cukai. Mungkin perkataan yang digunakan ialah warganegara dan pembayar cukai dan juga warga asing, itu isu yang ketiga. Saya hendak tanya Yang Berhormat ini, bolehkah kita memberi perkhidmatan ini kepada pembayar cukai yang bukan warganegara Malaysia tetapi juga bukan warga asing? Contoh, orang yang memegang *Red I/C, permanent resident*, bukan *citizen* tetapi masih membayar cukai Malaysia. *Born in Malaysia*, bukan warga asing cuma tidak ada kewarganegaraan tetapi bayar cukai juga. Bolehkah kita memberi perkhidmatan ini kepada mereka ini? Bukan warga asing, kepada mereka yang dilahirkan dan membayar cukai.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Yang Berhormat, terima kasih. Saya tadi menyebut tentang khidmat guaman ini yang menyentuh tentang seksyen 2A(a) yang mana dipinda untuk memberi perkhidmatan kepada warganegara Malaysia adalah sangat wajar. Ini kerana untuk menjawab tentang pembayaran cukai itu tadi, saya menyebut bahawa kita hendak memberi kelebihan kepada warganegara Malaysia yang telah pun membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyambung berkenaan tentang cadangan dasar G2G itu. Ini kerana kita merasakan bahawa memang ramai warga asing terdapat di negara kita. Sebab itu ingin saya mencadangkan supaya dasar *government-to-government* untuk menyediakan tabung khidmat bantuan guaman bagi warga asing di negara ini agar mereka tidak menjadi mangsa penguat kuasa undang-undang yang sering juga kita dengar warga asing dianiaya tanpa pembelaan sebab kadang-kadang ada beberapa kes yang lain tentang rompakan dan sebagainya.

Selain daripada itu juga, saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada ataupun bagaimanakah pula kategori kanak-kanak yang tidak berdaftar di Jabatan Pendaftaran Negara? Maksudnya *stateless kids*. Adakah mereka ini juga layak menerima bantuan guaman? Tadilah macam mana Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan katakan tadi tentang mereka yang berkahwin campur ini. Ini kerana kadang-kadang ramai juga kes-kes yang mana warga Malaysia berkahwin dengan warga asing dan mempunyai anak ataupun yang mana mereka telah lama di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan bahagian baru iaitu VB iaitu khidmat pendamping guaman. Di mana saya kira penyediaan pendamping guaman bagi kes-kes tertentu yang kanak-kanak memerlukan pendamping adalah sangat dialu-alukan. Ini akan membantu kes kanak-kanak yang diperlukan di mahkamah dalam serangan keganasan terutamanya jenayah seksual yang mana kita lihat kadang-kadang banyak jenayah seksual di kalangan kanak-kanak kian meningkat dan amat menggerunkan.

■1800

Dalam kes ini, saya mohon penjelasan daripada kerajaan, daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada adakah pihak kerajaan ada bercadang untuk *outsource* ataupun menswastakan perkhidmatan pendamping guaman ini? Kenapa saya bertanya tentang *outsource* ini sebab kita tengok apabila kita *outsource* ini kadang-kadang perkhidmatannya lebih efisien ataupun lebih mempunyai bidang kumpulan kepakaran yang lebih tinggi dan apabila kita *outsource* ini, sama ada kerajaan akan membayar kepada mereka yang tidak mampu ataupun kepada mereka yang mampu untuk membayarnya, diambil daripada perkhidmatan yang disediakan di luar.

Saya juga mengharapkan dengan adanya kes khidmat pendamping guaman ini, akan lebih banyak kes-kes melibatkan kanak-kanak ini dapat dibuktikan dan pesalah dapat dihukum. Oleh kerana khidmat pendamping guaman ini adalah satu khidmat yang baru, saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan mengadakan kursus-kursus khas bagi mereka agar khidmat yang ditawarkan ini akan lebih berkesan dan juga menguar-uarkan tentang khidmat yang diwujudkan, yang baru diadakan di bawah kerajaan. Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S. M. Omar. Silakan.

6.01 ptg.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini. Saya tidak akan ambil masa yang panjang. Hanya dua atau tiga perkara yang saya hendak sentuh. Kalau saya rujuk kepada pindaan ini, yang menarik perhatian saya ialah di bawah *registration fee 2B(1)*, dengan izin, "*Any person who has qualified for legal aid under this Act shall be required to pay to the Director General of Legal Aid a registration fee as prescribed by the Minister*". Adakah dia seorang sahaja yang menentukan *registration fee* atau ada satu jawatankuasa? Ini saya perlukan sedikit keterangan, kalau boleh.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, fasal 2B, / cuma hendak satu *clarification*. Tadi Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin cakap pasal 2B(1) berkenaan dengan fi.

Soalan saya macam ini kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin ini. Kalau kita baca *in conjunction...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cadang kepada...

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tanya dia punya pendapat. Kalau kita tengok 21B ia mencadangkan supaya fi itu ditetapkan oleh *Minister* tetapi kenapa perlu 2B(1) sedangkan *the existing 29(4)(b)*, kalau kita tengok Akta Ibu, 29(4)(b), walaupun dia sebut RM2 tetapi ayat yang berikut

ialah, “*as prescribed by the Minister*”. So soalan saya kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin, kenapa 2B(1) dengan satu tangan *you* buang 4B(2) *and then you* masuk balik? So apa pendapat Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Ini saya rasa lebih elok kalau dapat jawapan daripada Menteri kerana saya bukan pakar dalam bidang undang-undang. Saya tidak tahu latar belakang kenapa ini diubah sama sekali.

Selain daripada ini, ada dua lagi perkara yang saya hendak sentuh. Kita mendapati bahawa dalam pindaan yang dicadangkan, orang asing seolah-olah macam tidak ada hak langsung tetapi mahu atau tidak mahu, ramai juga orang asing yang bermastautin di negara ini dan ada yang kalau mereka melakukan jenayah, tidak kisahlah mereka akan diheret ke mahkamah dan dihukum. Akan tetapi macam mana pula kalau mereka yang menjadi mangsa jenayah? Misalnya, ada beberapa kategori orang asing yang di seludup masuk oleh *human trafficking*. Misalnya kalau ada kaum wanita yang terpaksa jadi pelacur di negara ini. Apakah salurannya untuk minta bantuan? Adakah saluran bantuan dibuka untuk mereka yang tertindas dan dianiayai?

Kemudian, ada juga satu kategori mereka yang bermastautin di negara ini. Mereka ini ialah orang Malaysia sendiri tetapi tidak ada dokumen yang menunjukkan bahawa mereka ini warga. Ini kerana ada banyak yang dilahirkan khususnya di kawasan pedalaman yang tidak ada peluang untuk mendaftarkan kelahiran mereka. Maka macam mana kita hendak *categorize* mereka? Apakah saluran agar mereka dapat menggunakan untuk mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi jika mereka perlukan bantuan guaman? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han tidak ada ya? Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

6.05 ptg.

Datuk Rabiyah binti Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2017.

Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said kerana membentangkan Rang Undang-undang Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2017. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas keprihatinan untuk meminda Akta Bantuan Guaman ini agar takrifan baru mengenai segala urusan bantuan guaman dan mengadakan suatu peruntukan baru bagi khidmat peguam pendamping agar bantuan perundangan diberikan kepada penjaga atau pelindung kanak-kanak yang terlibat dalam kes kesalahan seksual kanak-kanak. Jadi harapan saya, semoga dengan pindaan ini, pembelaan nasib kanak-kanak yang mengalami trauma keganasan dan pengguna seksual ditambah baik seiring dengan pindaan dan hukuman lebih berat yang dikenakan kepada penjenayah seksual kanak-kanak.

Bagi mendapatkan guaman sebagai mana yang diperuntukkan dalam Bahagian IA, khidmat bantuan guaman, Jabatan Bantuan Guaman masyarakat bahawa pemohon mesti melepasi ujian kemampuan kelayakan bantuan yang dibuat melalui portal Jabatan Bantuan Guaman. Jika dilihat pada

syarat dan kelayakan yang dibenarkan oleh Akta Bantuan Guaman, had siling pendapatan yang dibolehkan bantuan guaman diberi adalah:

- (i) pemohon yang di dalam kategori pertama iaitu mereka yang menerima pendapatan tahunan di bawah RM25,000. Fi bayarannya adalah RM2; dan
- (ii) pemohon yang di dalam kategori kedua iaitu pemohon yang menerima pendapatan melebihi RM25,000 tetapi kurang daripada RM30,000 setahun. Fi bayarannya adalah RM2 dan ditambah bayaran sumbangan RM300.

Oleh kerana kenaikan kos sara hidup kini dan juga peningkatan jumlah pendapatan isi rumah, saya berpandangan agar had kriteria bagi permohonan untuk mendapatkan manfaat bantuan ini perlu dinaikkan. Ini kerana kebanyakan pemohon terutama yang berada dalam kumpulan B40 adalah daripada kalangan orang yang susah.

Selaras dengan kenaikan kos sara hidup sekarang, pindaan baru dalam fasal 4 dan 5 pindaan akta ini yang memberikan kuasa kepada Menteri dan menetapkan kriteria dan kelayakan kemampuan, saya memohon agar permohonan bantuan diberikan fleksibiliti kerana tidak semua orang mampu mendapatkan khidmat guaman kerana kekangan kewangan.

Justeru, melalui pindaan akta ini, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri:

- (i) apakah perancangan kerajaan untuk mewujudkan satu skim tafsiran kriteria pemohon dan mewujudkan kepelbagaian had dan *limit* nilai pendapatan minimum kemampuan agar khidmat bantuan guaman oleh JBG dapat disalurkan kepada rakyat kumpulan B40?; dan
- (ii) apakah kerajaan boleh menimbangkan rayuan bantuan guaman bagi kes-kes terkelas dan istimewa yang mana khidmat nasihat perundangan dan bantuan kepada pemohon dapat ditimbang bergantung kepada kesesuaian dan ruang lingkup bantuan yang boleh diberikan JBG?

Akhir kata, saya mohon menyokong rang undang-undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, boleh jawab.

6.09 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab tetapi ada antara yang tanya soalan tidak ada dalam Dewan ini. Jadi, macam mana, saya jawab sahajalah. Sepatutnya tidak jawab, bagi jawapan bertulis tetapi tidak apalah.

■1810

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri boleh bagi secara bertulis.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Setakat mana yang saya mampu, saya jawab.

Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff... [*Melihat ke tempat duduk YB Senator Ramli bin Shariff*] Tiada- dia tanya soalan.

Jadi saya pergi kepada Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah, berkenaan dengan warganegara. Saya mendengar dengan begitu khusyuk tentang perbahasan Yang Berhormat dan saya melihat Yang Berhormat begitu prihatin ya. Bukan sahaja dalam isu, bukan hanya kepada warga asing tetapi juga kepada mereka yang berkahwin dengan rakyat Malaysia dan juga mereka yang dikategorikan sebagai golongan-golongan mereka yang disebut sebagai bermastautin dan sebagainya.

Sebenarnya bila kerajaan membuat pindaan kepada Akta Bantuan Guaman ini, tidak pernah kerajaan membuat pindaan ini untuk mewujudkan kezaliman ya, tidak. Kerajaan Barisan Nasional tidak zalim. Apa yang kita hendak buat sebenarnya ialah mewujudkan satu keadaan yang mana, hari ini bantuan guaman kepada warga asing ataupun kategori yang mana Yang Berhormat Senator timbulkan, masih ada. Akan tetapi bantuan guaman tersebut diberi oleh YBGK.

YBGK adalah Yayasan Bantuan Guaman, saya sebut di sini yang mana diwujudkan oleh kerajaan dengan Majlis Peguam dan YBGK ini lah mengendalikan kes-kes yang agak berlainan daripada Jabatan Bantuan Guaman. YBGK ini adalah syarikat berhad, dia fokus banyak kepada kes-kes jenayah, walhal Jabatan Bantuan Guaman di bawah Akta 26 ini ada jadual-jadualnya, ada kes-kes sivil dan juga kes-kes jenayah, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Kemudian perbezaan dengan YBGK ini, YBGK ini ia mewujudkan situasi yang mana Majlis Peguam yang ada dalam mahkamah itu, wakil-wakil peguam itu, dia boleh menawar diri. Selalunya dalam kes YBGK ini Yang Berhormat, dia bukan sahaja kepada warganegara Malaysia juga, tetapi bukan warganegara Malaysia. Juga bila kita sebut tentang bukan warganegara Malaysia, kita juga boleh tengok dalam negara kita, bahawa badan bukan kerajaan juga memberi bantuan guaman, kepada bukan warganegara ataupun dengan mereka yang dikategorikan oleh Yang Berhormat, ada NGO-NGO. Serta wujud pihak kedutaan masing-masing. Maknanya *access of justice* dalam negara kita ini tidak mendiskriminasikan ataupun tidak diwujudkan untuk mendiskriminasikan. Akan tetapi apa yang kita buat dengan pindaan ini adalah supaya difokuskan kepada warganegara Malaysia.

Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat, saya dengar daripada ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator sekalian ya. Sebenarnya kos bantuan guaman dalam negara kita bukan sesuatu yang murah, dan kalau kita tengok bantuan guaman hari ini, Jabatan Bantuan Guaman, dia bukan sahaja peguam-peguam dalam jabatan, tetapi dia ada panel peguam juga. Saya hendak maklum, setakat ini jumlah peguam bantuan guaman dalam jabatan ialah 82 orang dan kalau kita tengok panel peguam setakat ini ada 382 orang. Bermakna peguam swasta pun boleh diwujudkan panel dalam Jabatan Bantuan Guaman.

Wujud juga YBGK yang diwujudkan oleh kerajaan dengan Majlis Peguam, yang mana, saya mungkin hendak bagi penerangan khususlah kepada Yang Berhormat. Berapa banyak YBGK mendapat bantuan daripada kerajaan tiap-tiap tahun. YBGK ini semuanya adalah peguam swasta di bawah Majlis Peguam. Berbanding dengan bajet, saya baca di sini secara umum. Saya hanya berikan sebagai, mungkin jawab kepada senator-senator yang menimbulkan tentang isu warganegara. Di sini YBGK, kerajaan telah memberi bantuan sejak diwujudkan pada tahun 2011, YBGK yang mengendalikan kes-kes jenayah.

YBGK setakat ini, kerajaan pada 2011 menyalurkan RM5 juta sebagai *launching grant*. Kemudian tahun 2012, meluluskan bajet sebanyak RM10 juta, kemudian tahun 2013 RM20 juta. Jumlahnya setakat 16 Jun 2017, jumlah penyaluran dana oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan kepada YBGK ialah RM26.5 juta. Maknanya Majlis Peguam yang mengendalikan kes-kes jenayah khasnya dan kepada mereka-mereka, dia membukakan bantuan guaman kepada semua jenis, *access to justice* kepada mana-mana individu, tidak semestinya warganegara Malaysia.

Jadi kalau katakan bahawa pindaan ini macam tidak sedap sikit, sebab seolah-olah warganegara hanya diberikan fokus, jawapan saya adalah kita kena *streamline*-kan jabatan kerajaan. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya berterima kasih kepada maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan YBGK dan juga dengan bajet-bajet dan sebagainya. Saya tidak boleh ingat *because* Yang Berhormat Menteri terlalu pantas cara dia bercakap itu, saya tidak boleh tangkap *but there's a substantial amount of budget...*

Tuan Yang di-Pertua: RM22 juta.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: RM22 juta. Soalan saya cuma macam ini. Kalau kita tengok YBGK itu, / cuma hendak tahu, kalau ada sekarang, kalau tidak ada sekarang, maklumat itu melalui bertulis pun okey. Sama ada sehingga hari ini *cases* yang dibuat oleh YBGK itu, sama ada dia *cover* Jadual Ketiga atau tidak? Pasal seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri, dia cuma banyak kes jenayah. Jadual Kedua punya *cases*. Saya cuma hendak tahu sebagai *information* bukan kepada saya sahaja, kalau ada sekarang untuk kita semua, kalau tidak ada, *whether* pernah tidak untuk Jadual Ketiga punya *instances*. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Sebenarnya YBGK ini, dia punya fokus tidak seperti Jabatan Bantuan Guaman. Sebab Jabatan Bantuan Guaman seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, kalau kita tengok dalam jadual, jadual bantuan guaman itu saya sebut tadi memang ada dalam sivil dan juga jenayah. Kita tengok jadual-jadual yang ada di belakang ini dalam Akta Ibu, dia ada. Akan tetapi kalau kita tengok YBGK, dia semua jenis-jenis kes jenayah secara terbuka. Jadi dalam jadual kah, luar daripada jadual kah tidak menjadi isu YBGK sebab dia ditadbirkan oleh yayasan itu sendiri, YBGK.

Majlis Peguam memang begitu aktif dalam YBGK, ia ditubuhkan- saya percaya pada tahun 2011 dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib lah yang merasmikan YBGK pada masa itu. Punca kuasa YBGK ini ialah perlembagaan syarikat dan persetujuan dengan Ahli-ahli Lembaga Pengarah. Ia adakah syarikat berhad bercirikan khairat. Berbanding dengan Jabatan Bantuan Guaman iaitu jabatan kerajaan.

Jabatan Bantuan Guaman, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, secara umum, saya rasa lebih elok saya berikan fokus kepada konsep bantuan guaman yang diberikan oleh kerajaan dan juga cabaran-cabaran berhadapan dengan Jabatan Bantuan Guaman dalam negara kita. Saya hendak senarai kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat yang tanya soalan, yang mana saya boleh kumpulkan, ialah jenis-jenis kes yang dikendalikan oleh Jabatan Bantuan Guaman yang paling banyak. Kalau kita tengoklah, saya ambil contoh daripada tahun 2014, jumlah kes 16,476 kes, paling banyak

kes keluarga syariah, cerai berai 8,959 kes. Kemudian kes keluarga sivil, lepas dia cerai kes tuntutan dan sebagainya. Syariah itu, Mahkamah Syariah. Keluarga sivil itu, Mahkamah Sivil 5,276 kes, ini dalam tahun 2014.

Kes sivil dan jenayah itu sedikit. Kemudian dalam tahun 2015 pun sama, tiga ribu lebih kes keluarga syariah, sivil dua ribu lebih kes, jumlah dibawa kes ke hadapan 17,000 lebih secara umum. Tahun 2016 pun banyak kes-kes keluarga syariah. Kemudian bila kita tengok kategori bantuan guaman ini, yang mana Yang Berhormat timbulkan tadi, bila kita tengok, banyak kes itu ialah permohonan untuk rumah tangga. Seolah-olah Jabatan Bantuan Guaman ini ialah 'jabatan cerai berai'. Saya sebut dalam Dewan Rakyat, tidak patut Yang Berhormat.

Sebab Jabatan Bantuan Guaman ini dalam jadual semua jenis kes yang dia tadbir. Akan tetapi cerai berai, masalah ini saya hendak sebut, contoh saya bagi. Tahulah Yang Berhormat saya juga pernah jadi peguam bela, peguam syariah juga, pergi mahkamah, turun mahkamah, sudah cerai lepas itu rujuk, sudah rujuk pula, sudah baik pula, semua orang salah. Jadi peguam Jabatan Bantuan Guaman, 82 orang, itu sebab dibahagikan dengan YBGK.

Jadi pindaan kepada Jabatan Bantuan Guaman ini ialah supaya kita fokuskan kepada warganegara, sebab saya dengar semua isu Yang Berhormat bawakan tadi tentang warganegara, saya cukup simpati, tetapi ada alternatif lain, bukannya pintu itu sudah tertutup. Tidak adanya kewujudan penutupan pintu *access to justice* dalam negara kita, dia ada opsyen lain.

■1820

Akan tetapi yang lebih penting kita perlu ingat bahawa kalau Jabatan Bantuan Guaman bila pindaan ini kita bawa, tidak merujuk kepada falsafah transformasi yang perlu dibawa Jabatan Bantuan Guaman, definisi takrifan bantuan guaman tiada daripada akta ibu ini, Yang Berhormat tahu ya? Kita ini, Akta Bantuan Guaman ini daripada tahun 1971 Yang Berhormat. Tiada langsung takrifan bantuan guaman. Kita mentakrifkan pada tahun 2017 supaya kita dapat penumpuan supaya Jabatan Bantuan Guaman boleh memberi fokus kepada tanggungjawab mereka walaupun dalam Jadual. Akan tetapi jadual ini yang mana Yang Berhormat baca Yang Berhormat semua bahas itu betul. Menteri ada kuasa untuk menambah, dalam isu fi dan sebagainya boleh ditambah.

Akan tetapi keadaan sekarang ini, kadang-kadang bantuan guaman ini Yang Berhormat bila orang lihat bantuan guaman ini seolah-olah satu jabatan untuk menuntut perceraian dan sebagainya saya- Ketua Pengarah Bantuan Guaman ada di belakang saya. Yang Berhormat boleh- selepas ini Senator boleh ajak dia pergi minum kah, tanya sahaja. Semua kes cerai-berai, menangis-nangis, bergaduh-gaduh, jadi semuanya seolah-olah Jabatan Bantuan Guaman ini itu sahaja kerja dia. Saya rasa tidak patut dan tidak adil.

Itu sebabnya dalam falsafah pindaan ini, kita mewujudkan kategori yang baru yang mana pendampingan guaman. Kita wujudkan supaya mereka-mereka yang menjadi mangsa kepada jenayah seksual terutama sekali definisi kanak-kanak yang mana Yang Berhormat Senator menimbulkan diberi mereka platform untuk mengadu dan mendapat pendampingan guaman. Pendampingan guaman ini bukan *legal counsel* dia bukan peguam bela, bukan peguam cara. Setakat memberi yang saya sebut dalam ucapan dasar saya itu berikan bantuan untuk kefahaman.

Bukan sahaja mangsa tetapi juga *guardian*, penjaga. Sebab kadang-kadang hendak pergi ya lah dalam kes-kes jenayah ini terutama sekali kanak-kanak Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat terlibat dalam elemen kebajikan. Hendak letak budak itu dekat mana, hendak keluarkan dia dari rumah, hendak berikan bantuan, hendak beri makan. Peguam main peranan dalam mahkamah tetapi proses antara anak itu pergi ke balai polis dengan pergi ke mahkamah, pergi ke hospital buat siasatan dalam semua aspek tersebut tidak ada individu yang ada di situ.

Itu sebabnya pindaan ini menyatakan cawangan-cawangan Jabatan Bantuan Guaman di seluruh negeri ini terbuka untuk mereka mendapat bantuan atas apa yang disebut sebagai pendampingan. Supaya- dalam kategori hendak mendapat nasihat secara tidak langsung. Sebab dalam banyak kes Yang Berhormat, mangsa-mangsa ini kadang-kadang wujud, jenayah seksual yang mana kita wujudkan pelaksanaan kepada akta tersebut.

Saya dalam Dewan ini dengan Yang Berhormat Senator semua, kita tahu bahawa baru-baru ini kita buka surat khabar kita tengok Mahkamah Khas Jenayah Seksual ini memang mewujudkan satu *fast track* kepada kes jenayah seksual. Kalau tidak bertahun-tahun sampai anak-anak itu sudah jadi baligh, sudah dewasa, sudah malu sehingga kes sudah empat, lima tahun, enam, tujuh tahun. Hari ini arahan daripada Ketua Hakim Negara satu tahun kes mesti diselesaikan. Jadi ada mahkamah, ada undang-undang, hendak tunggu peguam tidak semua orang mampu dapat peguam. Ya memang kerajaan *prosecute* ada pendakwa daripada Jabatan Peguam Negara. Akan tetapi masa hendak duduk dalam mahkamah ataupun hendak pergi sini, pergi sana, hendak pergi laporan pergi taklimat, pergi bantuan pendampingan guaman yang ditawarkan oleh Jabatan Bantuan Guaman seolah-olah akan mengurangkan beban keluarga itu. Itu sahaja.

Jadi Yang Berhormat tanya saya tentang isu warganegara saya sudah jawab. Namun saya katakan sekali lagi bahawa tidak boleh dikatakan apa yang disebut jalan itu ditutup ya. Jadi Yang Berhormat Senator juga tanya saya tentang mengenai perkataan ditetapkan oleh Menteri dalam pindaan pada perenggan 15(2)(b) dan 16(1)(b) ya. Jawapannya cadangan pindaan kepada perenggan 15(2)(b) dan 16(1)(b) yang telah mengeluarkan ujian kemampuan yang sedia ada dan menggantikan dengan ujian kemampuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri. Sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri bermaksud sebagai mana yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 26. Kuasa membuat peraturan-peraturan di bawah subseksyen 32(1) Akta 26.

Yang Berhormat juga tanya saya tentang- yang fasal warganegara itu saya sudah jawab. Kemudian Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed ada, tiada? Saya jawab secara bertulis ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya sila.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah saya jawab secara bertulis. Kemudian saya ada daripada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin ada ke?

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Itu Puteri UMNO dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya lah.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Dulu dia setiausaha kerja. Dia dulu dia dengan saya pun sama. Badan halus sekarang sudah tua. Sekarang sudah bukan puteri. Sekarang sudah emak puteri... [Ketawa] Yang Berhormat tanya saya berapa banyak peguam yang mengendalikan kes di Jabatan Bantuan Guaman saya sebut tadi 82 orang dan panel peguam setakat ini setakat 1 Ogos 382 peguam swasta.

Yang Berhormat juga tanya saya tentang cadangan untuk *outsource* perkhidmatan. Kelayakan dan kriteria bagi seorang pendamping guaman untuk memberikan khidmat pendamping guaman. Seorang pendamping guaman boleh terdiri daripada pegawai undang-undang di Jabatan Bantuan Guaman yang mempunyai latar belakang undang-undang dan pengalaman. Peguam panel Jabatan Bantuan Guaman yang mempunyai beberapa tahun pengalaman berguam di mahkamah dan dilantik oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman.

Yang Berhormat juga tanya saya adakah Jabatan Bantuan Guaman memberi khidmat kepada penjamin sosial dalam kes-kes insolvensi berdasarkan kepada Jadual Ketiga Akta Bantuan Guaman Akta 26. Jabatan Bantuan Guaman tiada bidang kuasa untuk mengendalikan kes-kes berkaitan penjamin sosial dan insolvensi. Jabatan Bantuan Guaman hanya mengendalikan kes-kes dalam bidang kuasa seperti yang diperuntukkan dalam akta. Walau bagaimanapun, berdasarkan Jadual Keempat, Akta Jabatan Bantuan Guaman boleh memberi khidmat nasihat guaman secara lisan dalam semua perkara termasuk kes penjamin sosial dan insolvensi.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed tiada ya? Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed pun tiada. Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Minta maaf Yang Berhormat. Kejap ya. Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar bertanya tentang fasal 3 klausa 2B(1) tentang *registration fee* sebagai *prescribe by the Minister*, soalan adakah Ketua Pengarah sahaja yang menentukan atau ada jawatankuasa ya? Jawapannya Menteri yang akan menetapkan kadar fi pendaftaran melalui peraturan-peraturan yang dibuat menurut kuasa akta ini. Yang Berhormat, saya perlu mengambil kesempatan hendak menerangkan sedikit tentang fi ya. Kalau kita tengok Akta Ibu, fi bantuan guaman RM2 sahaja. Dahulu RM2. Maknanya betul saya baca dalam ini...

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Kalau kita tengok 29(4)(b), dia cakap RM2 *or any other fee as may be prescribed but the Minister*.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Fasal 29(b)?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Fasal 29(4)(b) *or any other fee as may be prescribed*. Walaupun RM2 disebut *but the Minister got the power to put the higher fee*.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Akan tetapi Yang Berhormat...

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Itu alasan kenapa saya cakap 2B(1) itu tidak perlulah pasal *Minister already has the power*.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Betul, saya setuju. Akan tetapi saya dimaklumkan oleh Jabatan Peguam Negara dalam kategori RM2 fi itu sebabnya saya ingin maklumkan tentang pendekatan baru yang dicadangkan oleh Jabatan Bantuan Guaman dalam aspek fi ya. Yang mana

izinkan saya rujuk pada, tiada isu ya? Akan tetapi fi pendaftaran saya perlu tekankan di sini ya Yang Berhormat tentang apa yang disebut sebagai, bila dia pergi ke bantuan guaman dulu kategori kita sebut tentang dia punya pendapatan ya kita berhadapan dengan, contohnya ya saya bagi contoh kes-kes cerai dia pohon harga sepencarian. Harta sepencarian dia beratus juta katakan. Dia masuk Jabatan Bantuan Guaman dia dapat peguam percuma daripada kerajaan tetapi harta sepencarian dia beratus-ratus juta.

Manalah tahu Yang Berhormat Senator-senator yang kaya raya katakan dapat isteri nombor dua, tiga, empat, katakan lah sebagai contoh kemudian dia kerja kerani ataupun kerja tidak tahulah mungkin kerani kah, *account clerk* tidak kisah dan gaji dia rendah dia hendak cerai dia pohon harga sepencarian Yang Berhormat. Yang Berhormat tahu lah dia punya *cut of point* itu harta sepencarian. Beratus *million*. Tidak akan bayar Jabatan Bantuan Guaman RM2?

Jadi yang kita hendak wujudkan fi pendaftaran ini supaya kita boleh wujudkan satu tabung, dalam banyak negara dia wujudkan satu kategori yang mana kerajaan mengambil peratusan daripada kejayaan kes. Sekurang-kurangnya banyak lagi kes yang kita dapat bantu.

Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat ya bajet belanjawan yang daripada Jabatan Bantuan Guaman, saya tidak ada jumlah pendapatan yang tetap tetapi lebih kurang RM20 lebih juta setahun. Mana cukup Yang Berhormat. Itu belum lagi jabatan punya *costing*. Ini belum lagi bantuan guaman. Itu sebabnya kerajaan pisahkan YBGK dengan JBG. Namun dalam perkara ini perlu kita ada satu struktur yang mana dalam kes tertentu diberikan kebolehan dan peluang untuk mewujudkan peratusan atau *percentage* daripada kejayaan, sebagai contoh. Itu dapat mengurangkan beban kerajaan.

■1830

Kemudian, saya hendak sebut di sini tentang isu-isu yang Yang Berhormat bawa ini. Saya rasa setakat itu sahaja, ada lagi yang saya tertinggal? Yang Berhormat Datuk Rabiya binti Ali? Tidak apa, ini sebut daripada pegawai. Tahun 2017- bajet bantuan guaman RM24,461, 2016 - RM26,830. Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat, mesti Yang Berhormat terperanjat. Akan tetapi kita dalam Dewan tidak boleh cakap bohong. Daripada tahun 2017- bajet RM24,461,300 jumlah. Emolumen, maknanya pembayaran dalaman jabatan ialah RM19,971,600. Perbelanjaan lain-lain iaitu dalam bantuan guaman, peguam-peguam dan sebagainya RM4,489,700. *Very small amount*, kurang daripada 20 peratus daripada jumlah, *total*.

Jadi, ini menyebabkan bahawa kadang-kadang itulah kekangan ataupun cabaran yang berhadapan dengan Jabatan Bantuan Guaman. Kita hendak *access to justice* tetapi *justice delayed* ialah *denial of justice* Yang Berhormat, semua orang tahu. Jadi dalam kes ini, kita hendak wujudkan kecekapan, maknanya *efficiency of* Jabatan Bantuan Guaman. Itu sebabnya pindaan yang dicadangkan, kita harap akan mewujudkan transformasi yang lebih baik kepada perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh Jabatan Bantuan Guaman.

Akhir sekali, Yang Berhormat Datuk Rabiya binti Ali telah tanya saya tentang hak kelayakan bantuan guaman perlu dinaikkan. Kerajaan sedang mengkaji ujian kemampuan yang praktikal dengan

mengambil kira pelbagai aspek supaya bantuan guaman dapat diberi kepada masyarakat yang kurang berkemampuan berdasarkan kepada situasi ekonomi sekarang.

Saya rasa setakat itu sahaja, yang mana yang lain itu saya akan beri jawapan bertulis Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan kita. Saya percaya pindaan ini akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat Malaysia untuk akses kepada *justice*. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih. *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dikemukakan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, [disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Lee Chee Leong)] dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan untuk memperluaskan peruntukan tertentu ordinar itu ke negeri Sabah dan Sarawak dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 atau OPS 1952 telah berkuat kuasa sejak tahun 1952. Kali terakhir OPS 1952 dipinda adalah melibatkan

bahagian tiga ordinan yang telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada 17 Mei 2016. Pindaan dibuat bagi memenuhi keperluan *International Maritime Labour Convention 2006* (MLC 2006) yang telah di terima pakai oleh Malaysia pada 20 Ogos 2013 dan pindaan secara *tacit* pada *International Convention on Standards of Training, Certification and Watchkeeping (STCW), Manila Amendment 2010*.

MLC 2006, antara lain menyentuh hak-hak pelaut mendapatkan persekitaran kerja yang selesa dan selamat. Manakala STCW Manila Amendment 2010 adalah berhubung dengan piawaian atau standard yang lebih tinggi di dalam pelaksanaan dan pensijilan latihan pelaut. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bagi merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maritim yang ulung dan negara berpendapatan tinggi, Kementerian Pengangkutan sebagai agensi peneraju sektor berkenaan berpandangan bahawa beberapa peruntukan dalam OPS 1952 perlu dipinda.

Ini bagi membolehkan perundangan sektor maritim Malaysia sentiasa berada di tahap tertinggi, dinamik dan kompetitif berbanding negara-negara maritim utama yang lain untuk memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara. Penyataan ini juga disokong dengan fakta bahawa 90 peratus perdagangan Malaysia diangkut menggunakan pengangkutan laut. Selain itu, saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa situasi semasa *balance of payment* bagi perkhidmatan perkapalan Malaysia yang direkodkan oleh Bank Negara berada pada status negatif atau dalam erti kata lain, Malaysia membayar sejumlah wang yang besar kepada pemilik-pemilik kapal asing dalam mendapatkan perkhidmatan perkapalan sama ada mengangkut barangan import atau eksport atau perkhidmatan.

Justeru, Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017 ini melibatkan cadangan pindaan kepada tiga bahagian dalam OPS 1952 iaitu Bahagian I, Bahagian II, dan Bahagian XIII.

Pindaan kepada Bahagian I yang dicadangkan pada dasarnya adalah bertujuan untuk memberi tafsiran yang lebih baik dan tepat berbanding tafsiran terdahulu. Pindaan juga melibatkan perwujudan seksyen baru yang melibatkan peruntukan penswastaaan bagi aktiviti atau aset di bawah pentadbiran Jabatan Laut Malaysia yang tidak wujud di bawah perundangan sedia ada.

■1840

Pewujudan peruntukan khusus berhubung penswastaaan ini membolehkan Jabatan Laut Malaysia (JLM) menswastakan aktiviti atau pengoperasian aset di bawahnya sekiranya terdapat keperluan bagi membolehkan aktiviti atau fungsi tertentu tersebut dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan.

Walau bagaimanapun, keputusan untuk melaksanakan penswastaaan ke atas aktiviti atau aset bergantung kepada beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan, antara lain seperti daya saing projek selepas diswastakan dan obligasi sosial oleh kerajaan.

Selain itu, penilaian terperinci dari aspek produktiviti dan kos efektif di peringkat kerajaan sama ada aset atau aktiviti ini kekal di bawah kawal selia JLM atau diswastakan kepada pihak ketiga adalah merupakan komponen utama yang diukur. Dalam masa yang sama, kerajaan boleh memberi tumpuan kepada projek-projek kurang daya saing sekiranya dikomersialkan dan bersifat obligasi sosial yang

tiada elemen komersial. Beban kos pembangunan projek-projek ini seterusnya boleh diimbangi (*offset*) kerajaan melalui tempoh konsesi yang diberi kelak.

Justeru, Kementerian Pengangkutan berpandangan bahawa mekanisme penswastaan dilihat sebagai kaedah terbaik dalam memastikan aset dan aktiviti Jabatan Laut Malaysia dioperasikan dan ditadbir diurus dengan pendekatan terbaik yang menguntungkan kerajaan dan rakyat. Ini secara tidak langsung memastikan aktiviti atau aset berkenaan berdaya saing dan memberi nilai tambah seperti mana kejayaan penswastaan pelabuhan-pelabuhan Persekutuan Malaysia.

Cadangan pindaan kepada Bahagian II OPS 1952 pula adalah bagi menambah baik rejim pendaftaran kapal sedia ada agar ia mampu untuk menarik minat pemilik-pemilik kapal tempatan dan asing untuk mendaftarkan kapal mereka di bawah bendera Malaysia. Ini sekali gus dijangka dapat meningkatkan jumlah tanan kapal ataupun, dengan izin, *ship tonnage* yang berdaftar di bawah bendera Malaysia.

Selain itu, rang undang-undang ini turut mencadangkan pengenalan kutipan fi tanan kapal tahunan ke atas pemilik kapal Malaysia yang pertama kali dikenakan sejak tahun 1952. Hasil kutipan ini kemudiannya dicadangkan untuk dikreditkan ke Kumpulan Wang Pembangunan Perkapalan Malaysia (KWPPM) yang telah dipersetujui oleh Kementerian Kewangan untuk ditubuhkan di bawah seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Walau bagaimanapun, nilai ataupun kuantum fi tanan kapal tahunan ini akan dibincangkan secara lanjut dengan pihak-pihak berkepentingan, agensi kerajaan dan industri.

Tabung amanah KWPPM dicadangkan mempunyai fungsi khas yang hanya digunakan bagi tujuan tertentu seperti membiayai program-program pembangunan industri perkapalan negara dan pembangunan modal insan iaitu pelaut, termasuklah:

- (i) pengkomersialan, penambahbaikan teknologi pembinaan dan pembaikan kapal domestik;
- (ii) pewujudan *berth (modification to ship)* latihan di atas kapal-kapal Malaysia;
- (iii) penganjuran seminar, bengkel bagi pemilik kapal untuk memenuhi keperluan standard antarabangsa yang ditetapkan;
- (iv) program-program pembangunan modal insan kepada pelaut di dalam menaiktaraf kerjaya pelaut;
- (v) program kempen untuk menarik minat belia di dalam menceburi kerjaya pelaut iaitu *high income*;
- (vi) insentif bagi pembuatan kapal dalam negeri dan penggunaan tenaga mahir tempatan; dan
- (vii) lain-lain program yang menyumbang kepada pertumbuhan industri perkapalan negara.

Seterusnya, cadangan pindaan kepada Bahagian XIII pula adalah bagi memansuhkan peruntukan berhubung pelesenan kapal yang mana telah dimasukkan ke dalam pindaan Bahagian II. Ini juga membolehkan ianya dibaca dan ditafsirkan secara bersama di dalam memudahcara prosedur pendaftaran dan pelesenan kapal.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan tujuan yang telah saya jelaskan sebentar tadi, sebelum Dewan yang mulia ini membahaskan rang undang-undang ini secara terperinci, izinkan saya menyatakan secara ringkas butir-butir pindaan yang dicadangkan pada OPS 1952 yang mengandungi 10 fasal secara keseluruhannya.

Rang Undang-undang Akta Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017 yang dicadangkan merangkumi 10 fasal secara keseluruhannya.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan boleh menetapkan tarikh kuat kuasa akta ini pada satu tarikh mahupun secara bersekali atau berasingan bagi setiap peruntukan dalam akta ini melalui pemberitahuan dalam warta.

Fasal 2 adalah berhubung cadangan pindaan am kepada definisi yang tidak lagi relevan dalam OPS 1952. Antaranya,

- (i) menggantikan takrif-takrif berikut selaras dengan perubahan takrif di peringkat antarabangsa iaitu:

*“Steamer dan steamers” dan “steamship dan steamships”
kepada “ships”.*

Seterusnya, fasal 3 adalah berhubung cadangan pindaan kepada seksyen 2 OPS 1952. Antaranya,

- (i) menggantikan takrif-takrif tertentu selaras dengan perubahan semasa sektor perkapalan tempatan dan antarabangsa seperti takrif *“Malaysian Ship”* dan *“Registrar”*;
- (ii) memasukkan takrif-takrif berikut selaras dengan perubahan semasa sektor perkapalan tempatan dan antarabangsa iaitu:

“Ports undertaking” means the operation and maintenance of the port and includes port-related activities necessary for the furtherance of any function or duty of the port authority.

“Service undertaking” means the services which the Director of Marine performs pursuant to the implementation of its flag state obligations and other services facilitating the shipping industry; dan

- (iii) memansuhkan takrif *“Registrar General”*.

Fasal 4 pula adalah berhubung dengan cadangan pemansuhan seksyen 3 sedia ada berikutan peruntukan berhubung pemakaian ordinan ke atas kapal yang digerakkan oleh penggunaan elektrik, *internal combustion engine* dan kuasa mekanikal lain sudah tidak lagi relevan dan tidak diguna pakai.

Fasal 5 pula adalah berhubung dengan cadangan pindaan kepada seksyen 10. Antaranya ialah subseksyen 5(b) iaitu mengadakan peruntukan bagi pelantikan individu atau organisasi bagi menjalankan fungsi tertentu pemeriksa-pemeriksa kapal atau pemeriksa radio mengikut kod organisasi yang diiktiraf, yang diterima pakai oleh pertubuhan antarabangsa maritim.

Fasal 6 pula adalah berkaitan dengan cadangan pewujudan seksyen baharu iaitu seksyen 10A yang menetapkan bahawa Pengarah Laut hendaklah menjadi pihak berkuasa bagi pelabuhan yang tidak mempunyai pihak berkuasa.

Seksyen 10A juga bertujuan untuk memberi Pengarah Laut kuasa untuk mengeluarkan lesen kepada individu atau organisasi serta menyediakan perjanjian perkhidmatan atau perjanjian pelabuhan berkenaan sesuatu penswastan sama ada bagi aset atau perkhidmatan di bawah Jabatan Laut Malaysia. Seksyen 10A juga turut memperuntukkan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen berkenaan.

Fasal 7 bertujuan untuk menggantikan Bahagian IIA, IIB dan IIC Ordinan dengan Bahagian II dan Bahagian IIA.

■1850

Bahagian II yang dicadangkan adalah berkaitan dengan peruntukan mengenai pendaftaran dan pelesenan kapal yang terdiri daripada 11 hingga 68Q. Manakala Bahagian IIA pula berkaitan dengan pelesenan kapal bagi perkapalan domestik yang terdiri daripada seksyen 68R hingga 68AL.

Fasal 8 bertujuan untuk memansuhkan seksyen-seksyen tertentu ordinan selaras dengan penggantian Bahagian IIA, IIB dan IIC ordinan. Seksyen-seksyen yang dimansuhkan ini adalah berkaitan dengan aspek pelesenan bot di bawah 15 *net tonnage* (NT) yang telah pun dimasukkan dalam seksyen 54 hingga 63 dalam cadangan pindaan Bahagian II yang baru.

Fasal 9 bertujuan untuk memansuhkan Jadual Kesebelas, Kedua Belas, Ketiga Belas dan Kelima Belas ordinan selaras dengan penggantian Bahagian IIA, IIB dan IIC. Perkara yang diperuntukkan di bawah jadual akan diperuntukkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah peruntukan ordinan yang berkaitan.

Fasal 10 adalah merupakan fasal terakhir di dalam rang undang-undang ini yang mengandungi peruntukan pengecualian.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, di atas adalah sebahagian peruntukan yang terkandung dalam rang undang-undang ini secara ringkasnya. Rang undang-undang ini akan memberi beberapa faedah-faedah langsung dan tidak langsung yang dapat diraih oleh industri perkapalan negara dan kerajaan. Faedah-faedah ini termasuklah:

- (i) meningkatkan tahanan kapal yang berdaftar di bawah Malaysia yang secara tidak langsung mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan;
- (ii) menjana sumber pendapatan baru melalui pengenalan fi tahanan kapal tahunan yang pertama kali diperkenalkan;
- (iii) memperkasa industri perkapalan negara melalui pelaksanaan program-program pembangunan keupayaan industri dan modal insan melalui penggunaan dana KWPPM; dan
- (iv) memperkasa rejim pendaftaran kapal Malaysia untuk lebih kompetitif di arena antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan untuk memperluaskan peruntukan tertentu ordinan itu ke negeri Sabah dan Sarawak dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Jadi sekarang ini ada dua orang sahaja nampak minat untuk berbahas. Pertamanya, saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, dipersilakan.

6.54 ptg.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membentangkan pindaan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017 yang mana saya kira akan memberikan faedah kepada industri perkapalan dan maritim negara. Saya rasa dengan adanya pindaan ini, isu-isu pelesenan serta tata kelola perkapalan akan lebih baik dan menyumbang kepada pembangunan industri maritim dan perkapalan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini kerajaan memberikan perincian tentang tatacara dan kawal selia oleh Jabatan Laut dalam menjalankan tugas bagi mendaftar dan melesenkan kapal di Malaysia. Saya juga dapati bahawa kerajaan memberikan perincian dan juga peruntukan perundangan mengenai kes-kes kapal yang dimiliki oleh individu atau institusi atau syarikat yang masih lagi di dalam ikatan gadai janji dan kolateral jaminan. Oleh itu sebagai jabatan yang mengawal selia dan menyelenggarakan hak milik, maklumat daftaran kapal dan maklumat gadai janji, saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan apakah kriteria khusus yang diguna pakai oleh kerajaan dan pihak berkuasa untuk memeriksa kapal yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia untuk menentukan jumlah harga atau nilai semasa kapal-kapal yang didaftarkan dengan kerajaan Malaysia ini.

Persoalan saya yang kedua ialah ingin mengemukakan apakah perlu kementerian dan pihak-pihak berkepentingan yang lain untuk membuat satu formulasi atau kerangka kerja bagi satu dasar untuk menentu sahkan nilai harga kapal agar justifikasi nilai aset ini diterjemahkan sebagai nilai harta semasa dan nilai syer bagi syarikat-syarikat yang memiliki kapal.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang saya ingin kemukakan seterusnya adalah berkenaan dengan kawal selia industri maritim dan perkapalan di Malaysia, tentang pertumbuhan industri hiliran *oil and gas* di Malaysia. Kebanyakan kapal-kapal *tankers* yang diubahsuai untuk dijadikan *floating blending facilities* atau *regasification facilities* untuk memenuhi tuntutan pasaran industri *oil and gas*. Di kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, ingin saya di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin merakamkan tahniah kepada PETRONAS kerana telah berjaya dalam membina *the first floating LNG facilities in the world. We should be proud*, dengan izin. Kita patut berbangga dengan Petronas kerana

telah melahirkan, telah membina *first* PFLNG, maknanya satu *facilities* untuk menghasilkan gas di dunia.

Soalan saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam berkenaan dengan *oil and gas* ini adalah apakah kerajaan di bawah Kementerian Pengangkutan ini mengeluarkan lesen kendalian *floating facilities* bagi aktiviti hilitan *oil and gas* di negara kita. Jika memang kementerian mengeluarkan, berapakah bilangan permit atau lesen yang dikeluarkan dan sehingga hari ini berapa bilangan dan apakah strategi kerajaan dalam memastikan industri hilitan *oil and gas* yang menggunakan kapal-kapal ini selamat dan tidak mengancam kelestarian maritim negara.

Tuan Yang di-Pertua. Industri perkapalan negara mempunyai prospek yang sangat tinggi dan akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi semasa terutamanya apabila siapnya ECRL yang menghubungkan Port Klang dan juga Kuantan. Justeru, pembangunan semula Pelabuhan Kuantan sebagai *deep water port* akan meningkatkan operasi perkapalan domestik seiring dengan pemansuhan dasar kabotaj baru-baru ini. Justeru itu, saya ingin mendapatkan perincian daripada pihak kerajaan bagaimanakah kerajaan membangunkan sumber modal insan seperti bagaimana di dalam pindaan yang di nyatakan tadi dalam bidang perkapalan agar *personnel* yang akan bekerja di bidang perkapalan ini akan menerima manfaat dari liberalisasi industri perkapalan di negara kita.

Saya yakin dan percaya sekiranya strategi yang baik serta mampan disesuaikan dengan perkembangan ekonomi semasa Malaysia akan menjadi kuasa maritim utama dan dapat menandingi pelabuhan Singapura yang kini menjadi destinasi pilihan pemilik kapal saudagar. Saya dengan ini menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariah binti Hj Md Nordin dan nampaknya Yang Berhormat itu *prepare* dia punya *homework* itu. Terima kasih lah. Jadi, rajin dia nampaknya dan bahan-bahan itu baik. Sekarang lagi kita minta pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.

6.59 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: Okey. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri.

■1900

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibuat dalam Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017 ini akan memperluaskan pemakaian peruntukan-peruntukan perundangan perkapalan dan ia juga dipanjangkan untuk dikuatkuasakan di negeri Sabah dan Sarawak, sudah tentu akan meningkatkan pertumbuhan industri maritim di Malaysia.

Dalam fasal 7, seksyen 65, 66 dan 6, kerajaan melalui pindaan akta ini akan menubuhkan satu Kumpulan Wang Pembangunan Perkapalan Malaysia yang diperoleh daripada hasil perolehan daripada penguatkuasaan pindaan akta ini. Justeru Kumpulan Wang Pembangunan Perkapalan Malaysia ini amat penting bagi memacu pertumbuhan sektor maritim negara.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan negara maritim utama yang menghubungkan pelayaran kapal-kapal saudagar dan kesibukan laluan maritim ini menjadikan Malaysia sebagai pilihan bagi *terrorist* untuk mengancam keselamatan pelayaran kapal. Pada tahun 2015 berlaku rampasan kapal tangki oleh lanun di perairan Malaysia dan lanun ini telah mengubah nama kapal ini daripada "Orkim Harmony", kepada "Kim Harmon."

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sehingga tahun ini berapakah kes-kes serangan lanun terhadap kapal-kapal di perairan Malaysia? Bagaimanakah kerajaan bersama-sama negara-negara ASEAN bekerjasama untuk membasmi aktiviti haram lanun di perairan negara Malaysia ini?

Saya juga ingin mendapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Laut dan Kementerian Pengangkutan bagi memastikan kapal-kapal yang membawa barangan berbahaya atau barangan yang boleh mengancam keselamatan maritim di negara ditangani melalui pemeriksaan, pemantauan berterusan dan kawalan permit dan pelesenan selaras dengan ketetapan tata amalan maritim antarabangsa.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Kumpulan Wang Pembangunan Perkapalan Malaysia ini dibolehkan untuk kegunaan menjaga sumber biologi maritim yang terjejas akibat pelanggaran kapal dan tumpahan minyak yang berlaku di dalam perairan negara. Akhir kata, saya mohon menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

7.03 ptg.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana sekali lagi memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017 di Dewan yang mulia ini.

Saya mendapati bahawa pindaan yang dibuat dalam beberapa peruntukan tertentu Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 bakal berkuat kuasa dan akan diseragamkan ke Sarawak dan Sabah supaya pertumbuhan industri maritim ini akan lebih bermakna dan berkembang pesat. Dalam pindaan yang dibuat, saya mendapati pindaan-pindaan yang dibuat dan peraturan baru dalam fasal 6 yang dimasukkan akan memberi kuasa baru kepada pengarah-pengarah laut untuk menjadi penguasa dalam menentukan permit dan lesen operasi bagi kerja-kerja berkaitan perkhidmatan kapal atau pelabuhan bagi mana-mana pelabuhan dan limbungan kapal.

Apa yang ingin saya utarakan bagi kerja-kerja yang berkaitan dengan operasi perkhidmatan baik pulih atau kejuruteraan di pelabuhan yang bukan di bawah seliaan pihak berkuasa pelabuhan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang apakah perincian servis pelan yang perlu diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri sebagaimana seksyen baru 10A dalam pindaan akta ini.

Saya amat prihatin tentang isu-isu keselamatan dan kelestarian alam sekitar apabila sesuatu perkhidmatan berkaitan dengan kapal dibuat di pelabuhan yang tidak berada di bawah seliaan pihak berkuasa pelabuhan. Maka perincian syarat tata kelola dan peraturan-peraturan keselamatan akan menimbulkan risiko kemalangan di limbungan kapal atau *port* yang diluluskan oleh Pengarah Jabatan Laut.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod pada 20 Jun 2011, letupan dan kebakaran kapal tangki minyak *New Renown* semasa penyelenggaraan di limbungan kapal MMHE di Pasir Gudang telah mengorbankan sembilan nyawa. Justeru melalui pindaan akta ini yang dibuat dan dibentangkan pada hari ini, bagaimanakah kementerian akan mengambil langkah bagi memastikan kawalan industri perkapalan yang dilesenkan di Malaysia ini mematuhi ketetapan keselamatan mengikut perundangan yang sedang berkuat kuasa di Malaysia.

Begitu juga dengan tatacara dan garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan tentang bagaimana kerajaan menguatkuasakan satu standard *etiquette* dan kawalan. Tata kelola dan piawaian pengiktirafan firma-firma yang dilesenkan oleh pemeriksa *vessel* kapal-kapal *ship surveyor* dan pemeriksa radio atau komunikasi kapal mengikut obligasi dan konvensyen antarabangsa atau ketetapan resolusi Pertubuhan Maritim Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin hendak menyebut di sini tentang seksyen 65, 66 dan 67 pindaan akta ini di mana kerajaan akan menubuhkan sebuah Kumpulan Wang Pembangunan Perkapalan Malaysia yang dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri Sarawak dan juga Kerajaan Negeri Sabah. Soalan yang ingin saya kemukakan, bagaimanakah Kementerian Pengangkutan menyelenggarakan dan memanfaatkan penggunaan Kumpulan Wang Pembangunan Perkapalan Malaysia ini untuk kegunaan pihak berkuasa Jabatan Laut Sarawak dan Sabah? Apakah manfaat yang bakal diperoleh oleh Sarawak dan Sabah dalam penubuhan kumpulan wang ini dengan mengambil kira bahawa pemansuhan dasar kabotaj dan juga perkembangan industri perkapalan di Malaysia. kalau kita lihat dengan pemansuhan dasar kabotaj, kita akan melihat bahawa kapal-kapal saudagar daripada negara China, Jepun, Korea, Taiwan akan mungkin belayar terus ke pelabuhan-pelabuhan di Sarawak.

Jadi, apakah manfaat yang kita boleh dalam perkara ini dan juga saya ingin hendak bertanya di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan, apakah kedudukan lembaga-lembaga pelabuhan yang ada di Sarawak seperti Lembaga Pelabuhan Kuching, Lembaga Pelabuhan Rajang–Sibu, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Lembaga Pelabuhan Miri. Apakah kedudukan mereka di bawah rang undang-undang ini?

Jadi mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang perkara-perkara ini dan saya dengan ini mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Sekarang diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.09 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera, salam 1Malaysia dan selamat petang.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Faharyiah binti Hj Md Nordin, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun dan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017.

1910

Mengenai apa yg dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Faharyiah mengenai kriteria khusus untuk pemeriksaan kapal. Kriteria untuk pemeriksaan kapal ialah pemastian bahawa ia layak layar dan selamat untuk belayar ataupun *sea worthy* daripada segi struktur pembinaan dan *construction* kapal itu.

Kedua, kestabilan dinamik iaitu *stability*. Ketiga, mematuhi Peraturan Konservasi Alam Sekitar Marin mengikut standard-standard yang ditetapkan oleh Konvensyen Antarabangsa dan juga pemastian keselamatan kapal dilaksanakan sebelum sesebuah kapal didaftarkan di bawah bendera Malaysia.

Seterusnya persoalan apakah kerajaan mengeluarkan lesen pemprosesan, *manufacturing license* kepada kapal-kapal yang beroperasi sebagai *floater*? Untuk makluman, *floater* yang ada hanya bersifat untuk penstoran ataupun *storage*. Tiada lesen pemprosesan yang dikeluarkan. Lesen pemprosesan adalah di bawah MAIDA. Seterusnya mengenai bagaimana...

Dato' Hajah Faharyiah binti Hj Md Nordin: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey.

Dato' Hajah Faharyiah binti Hj Md Nordin: Persoalan saya Yang Berhormat Menteri bukannya lesen pembuatan kapal tetapi pengendalian. Maknanya bukannya pemprosesan kapal itu tetapi pengendalian. Maknanya kalau katalah kapal itu telah di-*transform*-kan sebagai salah satu daripada *facilities*, adakah pendaftaran kapal tersebut didaftarkan di bawah kementerian, di bawah akta ini? Kapal memproses, bukannya aktiviti memproses. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Kapal memproses- Yang Berhormat Senator, saya bagi jawapan bertulis kerana saya kurang pasti.

Seterusnya mengenai persoalan membangunkan sumber-sumber modal insan dalam sektor perkapalan. Untuk makluman Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut senantiasa mengadakan *career talk* dengan institusi-institusi pendidikan bagi membolehkan rakyat tempatan terlibat dalam sektor perkapalan dan pelabuhan. Pada masa yang sama, kerajaan juga mewujudkan dana-dana untuk tujuan khusus membolehkan pelajar-pelajar lepasan sekolah menceburi sektor perkapalan.

Walaupun kita sedia maklum bahawa masyarakat kita agak kurang minat dalam menceburkan dalam pelayaran dan pelabuhan ini kerana sudah menjadi budaya kita, anak-anak kita tidak mahu berjauhan dengan ibu bapa. Hal ini kerana apabila menjadi pelaut, sekurang-kurangnya dia tiga bulan di laut. Jadi mungkin agak sengsara tidak jumpa anak isteri. Jadi, maka sebab itu kerajaan sedang mempertingkatkan *career talk* kerana negara kita menjadi satu pusat logistik lebih-lebih lagi Selat Melaka menjadi laluan yang tersibuk dalam dunia.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah tadi membangkitkan mengenai penguatkuasaan yang ada di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua rejim penguatkuasaan di Malaysia iaitu satu sebagai *Flag State*, Negara Bendera dan kedua sebagai Negara Pesisir ataupun *Port State Control*. Penguatkuasaan daripada segi jenayah diuruskan oleh kementerian lain iaitu APMM dan Polis Marin.

Seterusnya mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah dan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili mengenai apakah fungsi Kumpulan Pembangunan Wang Perkapalan Malaysia? Adakah boleh digunakan untuk tujuan konservasi alam sekitar marin? Kumpulan wang ini mempunyai fungsi khusus iaitu bagi tujuan pembangunan kapasiti industri dan modal insan. Namun bagi peralatan kapal, kumpulan wang ini boleh membantu peralatan ini untuk lebih efisien dan lebih baik ataupun dengan *green technology*.

Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili mengenai manfaat tabung ini kepada Sabah dan Sarawak. Sabah dan Sarawak juga akan mendapat manfaat dengan pelbagai pembangunan industri ini kerana industri pembinaan kapal sangat pesat membangun di Sarawak. Malah Sarawak hari ini mendapat tempahan-tempahan daripada seluruh dunia. Jadi ini juga akan membantu pembangunan industri perkapalan yang agak maju di Sarawak.

Seterusnya apakah mengenai manfaat liberalisasi kabotaj ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, kapal-kapal pendaftaran asing dapat mengendalikan operasi kapal daripada pelabuhan-pelabuhan Semenanjung Malaysia ke Pelabuhan di Malaysia Timur yang mana ini akan menggiatkan industri hiliran maritim dan logistik. Pada masa yang sama, pelabuhan-pelabuhan di Malaysia Timur dapat menggiatkan daya saing dan meningkatkan aktiviti di sebelah Malaysia Timur dan pengecualian bukan dia pemansuhan dasar kabotaj, ia pengecualian. Dasar Kabotaj ini masih ada lagi di Malaysia, cuma Sabah dan Sarawak dikecualikan atas permintaan pemimpin-pemimpin daripada Sarawak yang mendakwa dapat mengurangkan harga barangan di Sabah dan Sarawak.

Jadi seterusnya saya rasa mengenai syarat-syarat operasi bagi pelabuhan yang tidak dikawal oleh Lembaga Pelabuhan. Bagi pelabuhan-pelabuhan yang tidak dikawal oleh Lembaga Pelabuhan mereka diurus oleh Jabatan Laut. Pengurusan pelabuhan ini dilaksanakan mengikut kaedah-kaedah Pelabuhan Persekutuan dalam Akta *Federation Port Rules 1953* yang menetapkan kaedah-kaedah mengenai satu, keselamatan lalu lintas trafik, pelabuhan dan peraturan keselamatan pekerja pelabuhan dan pengurusan perkapalan dalam pelabuhan. Jadi Yang Berhormat setakat itu jawapan saya. Saya ingin mengucapkan...

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya tadi juga ialah boleh Yang Berhormat Menteri huraikan apakah kedudukan Lembaga-lembaga Pelabuhan yang ada di Sarawak? Lembaga Pelabuhan Kuching, Miri, Sibu dan juga Bintulu. Apakah kedudukannya bila rang undang-undang ini dikuatkuasakan.

■1920

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi, pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan

pindaan ini pun tidak akan terpakai di Sabah dan Sarawak sekiranya kerajaan negeri tidak *subscribe* atau tidak terima. Ini kerana kita ada dua akta sebelum ini walaupun diluluskan di Parlimen tetapi tidak dilaksanakan di Sabah dan Sarawak ini kerana kita menghormati kuasa yang ada di Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak memang di bawah kawalan kerajaan negeri, hanya Bintulu sahaja yang di bawah kawalan Pusat. Jadi saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017. Terima kasih juga atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap kementerian ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ab. Aziz Timbalan Menteri Pengangkutan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan [disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Lee Chee Leong)] dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Seperti biasa lazimnya saya hendak ingatkan apa kata orang tua-tua di kampung yang dikata, "*jika kamu berjalan peliharalah kaki mu. Jikalau kamu bercakap peliharalah lidah mu*", dia kata begitu. Sebab pentingnya budi bahasa itu jagalah itu dia. Itu bak kata orang tua-tua Melayu tadi,

*Yang kurik itu kundi,
Yang merah itu saga,
Yang baik itu budi,
Yang indah itu bahasa... [Tepuk]*

Jam kita menunjukkan 7.25, Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 17 Ogos 2017. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.25 malam]